

**PENGURUSAN MAJLIS TAKLIM DI PROVINSI  
SUMATERA SELATAN: KAJIAN DARI ASPEK PERSEPSI  
GURU AGAMA**

**ALI MURSYI ABDUL RASYID**

**IGB 080021**

**JABATAN DAKWAH DAN PEMBANGUNAN INSAN  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR  
2010**

# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Dakwah Islam sangatlah luas. Ia tidak setakat menyeru atau mengajak orang yang belum memeluk agama Islam untuk masuk dan menerima Islam. Tetapi dakwah juga bererti terus melakukan usaha-usaha *amar ma'rūf* dan *nahi munkar*.<sup>1</sup> Malahan, semua kegiatan untuk membangunkan manusia supaya mampu menunaikan tanggungjawabnya sebagai khalifah di muka bumi boleh disebut dengan aktiviti dakwah.<sup>2</sup> Sasarannya adalah seluruh umat manusia sama ada orang bukan Islam mahupun umat Islam itu sendiri.

Dalam pelaksanaan aktiviti dakwah yang sangat luas ini, tidak akan berjaya tanpa adanya pendakwah yang menjadi penerus risalah para nabi. Oleh itu, diperlukan para pendakwah yang secara khusus berdakwah, bertugas untuk memberikan bimbingan kepada umat manusia agar terbentuk masyarakat yang berada dalam acuan, sesuai dengan ajaran al-Qur'ān dan al-Sunnah, iaitu masyarakat Islam yang beriman dan bertakwa.

Di Indonesia, Kementerian Agama Republik Indonesia sejak tahun 1999 telah membentuk jawatan guru agama sebagai pendakwah di masyarakat. Tugas utama jawatan ini adalah melaksanakan dan mengembangkan dakwah kepada masyarakat

---

<sup>1</sup> A. Rasyad Shaleh (1977), *Management Da'wah Islam*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 2. Menurut A Rasyad Shaleh, *amar ma'rūf* adalah usaha agar masyarakat tertarik untuk melaksanakan ajaran-ajaran Islam dalam semua aspek kehidupan. *Nahi munkar* adalah usaha agar masyarakat meninggalkan kejahatan atau amalan-amalan yang dilarang oleh Allah SWT.

<sup>2</sup> Fariza Md. Sham dan Idris Zakaria (2006), "Peranan Dakwah dalam Pembangunan Modal Insan : Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam di Malaysia", (Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), h. 243.

dengan pendekatan agama.<sup>3</sup> Tujuan ditubuhkan jawatan ini adalah supaya masyarakat memahami, menghayati dan mengamalkan nilai dan ajaran agama. Antara kaedah dakwah yang dilakukan oleh guru agama adalah dengan memberikan pengajaran kepada kumpulan masyarakat sama ada peringkat anak-anak, remaja mahupun dewasa untuk dibina, dibimbing, dikembangkan sehingga tercipta masyarakat yang memahami dan mengamalkan ajaran Islam.<sup>4</sup>

Salah satu sasaran dakwah guru agama pada kumpulan masyarakat dewasa adalah majlis taklim atau kelas agama. Majlis taklim merupakan lembaga pendidikan Islam tidak formal di masyarakat yang mempunyai kurikulum keagamaan, diselenggarakan secara berkala dan teratur, dan diikuti oleh jemaah yang cukup banyak.<sup>5</sup> Keberkesanan dakwah melalui kelas agama atau majlis taklim berdasarkan beberapa kajian telah menyebabkan berlakunya pertambahan pengetahuan dan penghayatan keagamaan dikalangan para sasaran dakwah.<sup>6</sup> Antara sebab utama berjayanya sebuah majlis taklim adalah adanya pengurusan yang baik dalam pelaksanaannya.

---

<sup>3</sup> Keputusan Bersama Menteri Agama Republik Indonesia dan Kepala Badan Kepegawaian Negara Nombor 574 Tahun 1999 dan Nombor 178 Tahun 1999, tentang Jabatan Fungsional Guru Agama dan Angka Kreditnya. Dan Keputusan Menteri Negara Koordinator Pengawasan Pembangunan dan Pendayagunaan Aparatur Negara, Nombor 54/KEP/MK.WASPAN/9/1999, tentang Jabatan Fungsional Penyuluh Agama dan Angka Kreditnya, disebutkan bahawa tugas utama guru agama adalah melakukan dan mengembangkan kegiatan bimbingan atau penyuluhan agama dan pembangunan melalui bahasa agama.

<sup>4</sup> Kumpulan untuk anak-anak di Indonesia dikenal dengan istilah TPA: Taman Pendidikan Al-Qur'an, kumpulan remaja dikenal dengan Remaja Masjid, dan kumpulan untuk orang dewasa dikenal dengan Majlis Taklim.

<sup>5</sup> Departemen Agama (2006), *Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majlis Taklim*. Palembang: Kantor Wilayah Provinsi Sumatera Selatan, h. 3. Istilah Majlis Taklim juga terdapat di Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2003 tentang Sistem Pendidikan Nasional pada Bahagian Kelima tentang Pendidikan Nonformal ayat 4 iaitu: Satuan pendidikan nonformal terdiri atas lembaga kursus, lembaga pelatihan, kumpulan belajar, pusat kegiatan belajar masyarakat, dan majlis taklim, serta satuan pendidikan yang sejenis.

<sup>6</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (1994), "Kajian Mengenai Keberkesanan Kelas-Kelas Agama di Pejabat-Pejabat Kerajaan di Wilayah Kuala Lumpur", *Medium*, III, h. 180-197, Fakhru Adabi (2007) "Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor", *Jurnal Usuluddin*, Bil. 25. h. 73-88.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Dakwah Rasulullah SAW telah berjaya membangunkan masyarakat Arab yang dahulu dikenal dengan masyarakat jahiliah menjadi masyarakat Islam. Malahan, ajaran Islam dengan cepat tersebar hampir ke seluruh dunia yang dibawa oleh para sahabat dan para pengikutnya. Menurut Mohammad Natsir kejayaan Rasulullah SAW dalam membangun masyarakat Islam tidak lepas daripada dakwah yang bijaksana dan pendidikan yang baik.<sup>7</sup>

Bila diamati dakwah dan pendidikan yang telah diamalkan oleh Rasulullah SAW dilaksanakan melalui pengurusan yang baik. Dari aspek pemilihan tempat berdakwah, pada masa awal ketika di Makkah, Baginda menggunakan rumah sebagai aktiviti dakwah. Antaranya, dilaksanakan di rumah Baginda dan rumah Al-Arqam bin Abi Arqam dengan cara sembunyi-sembunyi. Akan tetapi ketika di Madinah Baginda menggunakan masjid sebagai pusat aktiviti dakwah.<sup>8</sup> Pemilihan tempat bagi aktiviti dakwah pada masa awal ini merupakan bahagian dari pengurusan yang bersesuaian dengan kondisi.

Rasulullah SAW juga mengurus masalah waktu yang digunakan dalam pengajaran agama kepada masyarakat Islam. Setelah di Madinah, menurut Mohd Yusuf Ahmad, setiap hari Rasulullah SAW mengajar pengikut-pengikutnya di masjid dan seminggu sekali untuk kaum wanita.<sup>9</sup> Malahan, bagi menyusun isi kandungan dakwah Rasulullah SAW telah mengajarkan kepada Muaz bin Jabal ketika akan berdakwah ke

---

<sup>7</sup> Mohammad Natsir (2006), *Fiqhud Da'wah*. cet. XIII, Jakarta: Media Dakwah h. 97.

<sup>8</sup> Ahmad Shalaby (1954), *History of Muslim Education*. Beirut: Dār Al Kashshāf, h. 30.

<sup>9</sup> Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 55.

Yaman agar mendahulukan masalah akidah (syahadat), setelah itu solat, zakat (ibadah), kemudian berhati-hati terhadap harta (muamalah).<sup>10</sup>

Tidak setakat mengurus waktu, tempat dan isi kandungan Rasulullah SAW juga mengutus rombongan pendakwah untuk mengajarkan Islam apabila ada permintaan atau keperluan orang lain atau Baginda sendiri. Baginda juga memilih pendakwah khas yang mempunyai kemampuan berdakwah antaranya, Muṣ'āb bin 'Umair, 'Abdullah bin Mas'ud, Ubay bin Ka'āb, Sālim *maula* Abī Huzaifa, Ibnu Ummu Maktūm, Mu'az bin Jabal, Abū Mūsā, Abū Bakar, 'Abbad bin Bishr, Ali bin Abī Ṭālib dan lainnya.<sup>11</sup> Para sahabat ini adalah beberapa contoh pendakwah khas yang dipilih Rasulullah SAW untuk berdakwah di Madinah atau ke tempat lainnya di semenanjung Arab.

Dari keterangan di atas jelaslah bahawa Rasulullah SAW telah melaksanakan amalan-amalan pengurusan dalam dakwah dan pendidikan. Pada masa kini, aktiviti dakwah berbentuk pengajaran ilmu-ilmu agama di rumah, masjid atau pejabat-pejabat sebagai tempat pengajaran agama masih tetap wujud. Sayangnya di beberapa tempat seperti Provinsi Sumatera Selatan, Indonesia, kebanyakan aktiviti dakwah seperti majlis taklim belum dirancang dengan baik dan pengurusan yang berkesan. Ekoran dari ini, kejayaan aktiviti dakwah di masyarakat masih jauh dari harapan. Oleh kerana itu para pendakwah dan juga masyarakat tidak cukup hanya melaksanakan aktiviti dakwah tanpa adanya perancangan dan matlamat dari kegiatan dakwah.

---

<sup>10</sup> Abī 'Abdullah Muhammad ibn Ismā'il bin Ibrāhīm ibn Muḡhīrah ibn Bardizbah al Bukhārī al Jughfī (t.t.), *Ṣaḡīḡ al Bukhārī*. Kaerah: Dār al-Hadīth, Jilid 5, h. 460. Abī Al-Husain Muslim ibn al-Hajjāj al Qushairī Al Naisābūrī, (1955) *Ṣaḡīḡ Muslim*. (pentahkik) Muhammad Fūad 'Abdu al Bāqī, Dār Iḡyā Kutub al-'Arabiyyah, Jilid 1, h. 50. Abi 'Isā Muhammad ibn 'Isā ibn Saurah (1976), *al-Jamī' al-Ṣaḡīḡ : wa huwa Sunan al-Tirmidhī*, (pentahkik) Muhammad Fūad 'Abdu al-Bāqī, Cet. III Matba'at Mustafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awladih, Jilid 3, h. 12. Abī Dāud Sulaimān bin al-Ash'ath al-Sijistāni al-Azdī, (t.t), *Sunan Abi Dāud*, (mualiq) Muhammad Muhyiddīn 'Abdul Ḥamīd, Dār Iḡyā al-Sunnah al-Nabawiyyah, Jilid 2, h. 104-105.

<sup>11</sup> Muhammad Yasin Mazhar Siddiqui (1993), *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah*. (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 355-363. lihat Lampiran D-1&2 Senarai Mubaligh (pendakwah dan guru).

Di Indonesia, dakwah melalui kegiatan majlis taklim pada awalnya dilaksanakan oleh tokoh-tokoh agama yang disebut sebagai ulama, mubaligh, da'i atau kyai yang berdakwah di masyarakat.<sup>12</sup> Ia berasaskan kesedaran atau disebabkan jemputan masyarakat kepada ustaz atau pendakwah tersebut. Golongan yang memiliki kesedaran secara individu ini masih sedikit, sementara jumlah masyarakat Islam di Indonesia sangatlah besar. Akibatnya masih banyak masyarakat yang belum memahami Islam karena sedikitnya jumlah para pendakwah. Selain jumlah yang sedikit, kebanyakan para pendakwah masih belum melaksanakan pengurusan dalam aktiviti dakwahnya.

Keberadaan jawatan guru agama di Kementerian Agama adalah usaha untuk menambah jumlah pendakwah yang profesional di masyarakat. Setelah 10 tahun wujudnya jawatan ini belum terdapat kajian ilmiah tentang pengurusan majlis taklim. Guru agama sebagai pihak yang secara langsung berdakwah dengan membimbing dan memberikan pengajaran, perlu diminta pandangan berkaitan dengan masalah pengurusan majlis taklim. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk melaksanakan satu kajian ilmiah dengan reka bentuk tinjauan terhadap pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan dari aspek persepsi guru agama.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Majlis taklim sebagai lembaga pendidikan agama tidak formal di masyarakat masih banyak yang belum dibentuk dengan pengurusan yang baik. Bahkan masih wujud masjid-masjid yang tidak digunakan sebagai tempat aktiviti-aktiviti dakwah melainkan solat fardu sahaja. Hal ini merupakan cabaran bagi guru agama sebagai pendakwah

---

<sup>12</sup> Departemen Agama (2004), *Panduan Tugas Operasional Penyuluh agama Islam Utama*. Jakarta: Departemen Agama, h. 7.

rasmi dari pemerintah untuk berusaha memakmurkan masjid-masjid yang belum memiliki aktiviti dakwah dan merancang aktiviti-aktiviti dakwah yang belum diurus dengan baik di masyarakat.

Sehubungan dengan itu timbul beberapa persoalan yang berhubung kait dengan kajian ini. Iaitu, bagaimanakah pandangan guru agama terhadap pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan? Apakah usaha-usaha yang telah dilaksanakan guru agama dalam bidang pengurusan majlis taklim? dan masalah-masalah apakah yang mereka hadapi dalam pengurusan majlis taklim? Untuk mengetahui persoalan-persoalan tersebut, maka suatu kajian perlu dilakukan untuk mengetahui keadaan yang sebenar.

#### **1.4 Objektif Kajian**

1. Mengenal pasti pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.
2. Mengenal pasti pandangan guru agama Islam terhadap amalan-amalan dalam fungsi pengurusan iaitu: perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, dan kawalan dalam aktiviti dakwah pada majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.
3. Mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh guru agama dalam pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.

#### **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini sangat penting khasnya bagi guru agama Islam di Kementerian Agama dan masyarakat Islam pada umumnya. Penyelidikan ini dapat dijadikan bahan panduan yang boleh digunapakai bagi merancang, menyusun, dan mengembangkan majlis taklim yang wujud di masyarakat. Kajian ini juga dapat digunakan sebagai penilaian terhadap aktiviti-aktiviti dakwah yang telah dilaksanakan untuk ditingkatkan lagi pengurusannya di masa hadapan.

Kajian ini sangat penting bagi Kementerian Agama Republik Indonesia, khususnya Kementerian Agama Kantor Wilayah Sumatera Selatan untuk mengenalpasti pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan. Sehingga dapat dijadikan bahan penilaian terhadap usaha-usaha yang telah dilakukan guru agama serta menjadi maklumat semasa untuk menyelesaikan masalah-masalah yang terjadi di lapangan dan solusi menghadapinya

Kajian ini penting dalam menyumbang kepada khazanah ilmu di rantau nusantara, kerana penyelidikan dalam bidang ini akan memberikan maklumat semasa tentang pengurusan lembaga dakwah di masyarakat seperti majlis taklim khususnya di Sumatera Selatan. Ianya juga penting kerana dapat membantu para penyelidik untuk mengetahui hasil penyelidikan dan meneruskan penyelidikan selanjutnya di bidang ini dan bidang lain yang berkaitan.

### **1.6 Skop Kajian**

Majlis taklim yang dimaksud dalam kajian ini adalah majlis taklim yang berada dibawah penyeliaan guru agama Islam pada Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan. Penyelidikan ini dijalankan kepada guru agama Islam yang bekerja di 5 Kementerian Agama kabupaten / kota dalam Provinsi Sumatera Selatan sahaja, iaitu kota Palembang, kota Prabumulih, kabupaten Ogan Ilir, kabupaten Muara Enim, dan kabupaten Lahat. Kajian ini dilaksanakan pada tahun 2009 dan 2010 manakala waktu sebelum kajian dilakukan, tidak termasuk dalam fokus pembahasan.

Adapun guru agama yang dimaksud dalam kajian ini adalah guru agama Islam yang dilantik secara tetap sebagai Pegawai Negeri Sipil (PNS) di Kementerian Agama



Republik Indonesia. Manakala guru agama Islam yang berjawatan kontrak tidak termasuk dalam kajian ini.

Kajian ini memberikan tumpuan kepada persepsi guru agama Islam terhadap usaha-usaha yang telah mereka lakukan dalam merancang, menyusun, melaksanakan, dan mengawal pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan. Apa-apa penemuan yang berkaitan dengan kajian hanya berdasarkan lokasi sahaja, sekiranya di kabupaten atau provinsi lain terdapat masalah yang hampir sama dengan kajian ini maka boleh untuk dimanfaatkan untuk mengetahui pandangan guru agama terhadap pengurusan majlis taklim.

### **1.7 Kajian-Kajian Lepas**

Dari tinjauan yang dilakukan, pengkaji tidak menemukan kajian-kajian terdahulu mengenai pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan. Ini bermakna bahawa kajian ini merupakan kajian baru yang dapat disumbangkan bagi kajian ilmiah.

Meskipun demikian, sepanjang menjalankan kajian penulis telah merujuk kepada hasil-hasil kajian ilmiah terdahulu yang telah dibuat hampir sama dengan bidang kajian penulis iaitu tentang pengurusan aktiviti-aktiviti dakwah di institusi dakwah seperti masjid dan lembaga dakwah lainnya.

Antara kajian tersebut adalah Fakhru Adabi bin Abdul Kadir (2006), *Kelas Agama di Masjid-masjid Daerah Hulu Langat: Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesanannya*.<sup>13</sup> Di antara hasil kajiannya mendapati bahawa kesemua masjid di Daerah Hulu Langat telah mengadakan program kelas agama untuk masyarakat

---

<sup>13</sup> Fakhru Adabi bin Abdul Kadir (2006), "Kelas Agama di Masjid-masjid Daerah Hulu Langat: Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesanannya" (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

setempat. Namun begitu terdapat perbezaan yang ketara dari segi pengurusan antara masjid yang terletak di lokasi bandar dengan masjid yang terletak di lokasi kampung dan pekan kecil. Di mana masjid-masjid yang terletak di lokasi bandar mempunyai sistem pengurusan yang baik dan dibanggakan. Manakala kebanyakan masjid yang terletak di lokasi kampung pengurusannya agak kurang memuaskan dan perlu diperbaiki.

Kajian ini juga mampu mengenal pasti empat masalah utama dalam kelas agama di Masjid Daerah Hulu Langat iaitu; 1) Tenaga pengajar yang tidak dapat menghadiri kelas pengajian atas sebab-sebab tertentu; 2) Pendengar yang sering bertukar atau tidak konsisten dengan kehadiran; 3) masalah kewangan bagi masjid-masjid di lokasi kampung; dan 4) Pengurusan yang sistematik bagi sesetengah masjid.

Erzy Izanur'ain binti Haron dalam kajian sarjananya yang bertajuk *Perkembangan Program Pertubuhan Dakwah di Kuala Lumpur*, menyelidiki perkembangan program-program pertubuhan dakwah (JAM'IYAH, PERKIM dan JIM) di Kuala Lumpur.<sup>14</sup> Objektif kajian ini antaranya ialah untuk mengenal pasti program yang dijalankan oleh pertubuhan dakwah di sekitar Kuala Lumpur. Dapatan kajian menyatakan bahawa pertubuhan-pertubuhan dakwah di Kuala Lumpur, secara menyeluruh, dalam kajian ini pihak JAM'IYAH, PERKIM dan juga JIM masih lagi mengekalkan program tradisi seperti ceramah, usrah, tadzkirah, dan kelas-kelas pengajian agama. Namun begitu, menurut hasil kajiannya setiap pertubuhan telah menonjolkan kemampuan masing-masing dalam merancang dan melaksanakan program-program alternatif baru seperti perkhemahan, ekspedisi, motivasi, seminar, forum, dan perkelahan.

---

<sup>14</sup> Erzy Izanur'ain binti Haron (2008), "Perkembangan Program Pertubuhan Dakwah di Kuala Lumpur" (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur).

Penyelidikan Mahyudin Bin Abu Bakar dengan tajuk *Aktiviti Dakwah di Masjid-Masjid di Bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu Penilaian*,<sup>15</sup> mempunyai objektif kajian untuk meneliti dan menilai aktiviti dakwah di masjid-masjid di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Kajian ini hanya terhad kepada dua masjid iaitu Masjid Negara, Kuala Lumpur dan Masjid Putra, Putrajaya. Kajian ini mendapati bahawa aktiviti yang mendapat sambutan tertinggi sekali ialah kehadiran semasa menunaikan solat sunat dua hari raya, solat jum'at, aktiviti forum, ceramah umum, kuliah bersiri dan majlis bacaan yasin, tahlil dan doa selamat sempena hari kebesaran Islam. Aktiviti yang mencapai sederhana ialah majlis tadarus al-Qur'ān, khatam al-Qur'ān, kem motivasi dan kem ibadah. Manakala aktiviti yang kurang mendapat sambutan seperti bengkel, seminar, majlis berkumpulan, majlis bacaan yasin malam jumat, qiamullail, kuliah subuh dan lain-lain.

Haji Sham bin Haji Amin dengan tajuk *Peranan Imam dalam Pembangunan Masyarakat Brunei*,<sup>16</sup> mempunyai objektif kajian untuk mengetahui usaha-usaha yang dibuat oleh imam, pihak jabatan dan jawatan kuasa masjid dalam pelaksanaan aktiviti dakwah. Kajian ini juga mengenal pasti bentuk aktiviti yang dilaksanakan oleh imam dalam membangun masyarakat dan bagaimana sambutan masyarakat terhadap aktiviti yang dilaksanakan serta masalah yang dihadapi dalam membangun masyarakat melalui masjid.

---

<sup>15</sup> Mahyudin Bin Abu Bakar (2007), "Aktiviti Dakwah Di Masjid Di Bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) : Satu Penilaian". (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur).

<sup>16</sup> Haji Sham bin Haji Amin (2007), "Peranan Imam dalam Pembangunan Masyarakat Brunei". (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur).

Dapatan kajian ini dalam bidang pelaksanaan aktiviti pula imam mempunyai peranan yang sangat luas iaitu melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan sama ada aktiviti harian/mingguan, aktiviti berkala dan aktiviti bermusim. Dalam pelaksanaan aktiviti tersebut selain berperanan sebagai penggerak, pendidik, pembimbing, fasilitator, perangsang, penasihat, kaunselor dan lain-lain lagi. Menurut kajian ini secara keseluruhan sambutan masyarakat bagi semua aktiviti ialah menggalakkan iaitu sering hadir dan mengikuti aktiviti yang dilaksanakan oleh imam masjid. Perkara ini menunjukkan majoriti masyarakat memberi sambutan yang baik dan menggalakkan tentang aktiviti pembangunan yang dilaksanakan oleh imam di masjid.

Malahan, kajian ini juga mendapatkan masalah-masalah dalam membangun masyarakat. Antaranya: Seseorang imam kurang usaha dalam membangun masyarakat melalui masjid. *Kedua*, aktiviti masjid tidak dipelbagaikan menyebabkan masyarakat kurang berminat untuk hadir mengunjungi masjid; *Ketiga*, ahli jawatan kuasa takmir kurang memberikan kerjasama dalam mempelbagaikan aktiviti takmir di masjid; *Keempat*, segelintir masyarakat kurang memberi sambutan terhadap pelaksanaan aktiviti di masjid; dan *Kelima*, ialah kewangan masjid agak terhad dan tidak mencukupi untuk mempelbagaikan aktiviti bagi kemakmuran masjid.

Penulis mendapati projek penelitian master sains oleh Yaakob bin Abdul Rahim yang bertajuk *Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatan Kuasa*.<sup>17</sup> Kajian ini mempunyai objektif untuk mengetahui keupayaan masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai pusat pembangunan belia setempat dari pandangan pegawai dan ahli jawatankuasa. Sedangkan objektif khususnya adalah mengetahui

---

<sup>17</sup> Yaakob bin Abdul Rahim (1996), "Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatan Kuasa" (Master Sains, Universiti Pertanian Malaysia, Kuala Lumpur).

pandangan pegawai dan ahli jawatankuasa terhadap program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh pihak masjid; keupayaan pegawai dan ahlijawatan kuasa masjid dalam mengendalikan program pembangunan belia; keupayaan masjid dari segi kemudahan fizikal untuk membangunkan belia setempat; halangan-halangan yang boleh membantutkan pelaksanaan program untuk membangunkan belia setempat melalui masjid; perkara-perkara yang boleh mempertingkatkan masjid berperanan sebagai pusat pembangunan belia setempat dan perkaitan demografi terpilih iaitu umur, kelulusan akademik, kelulusan, tempoh berkhidmat dan keterlibatan dalam jawatan kuasa luar dengan pemboleh hubah tumpuan yang menjadi objektif khusus kajian ini.

Beberapa hasil kajian yang dapat digunakan oleh pengkaji dari projek penelitian ini adalah beberapa kesimpulannya iaitu majoriti pegawai dan ahli jawatankuasa berpandangan bahawa mereka mempunyai keupayaan yang tinggi untuk mengendalikan program belia di masjid. Sementara halangan-halangan program ini adalah merangkumi sumber tenaga manusia, kemahiran, kewangan, kemudahan dan kepimpinan. Kajian ini berguna bagi pengkaji untuk melihat bagaimana cara untuk mengenalpasti pandangan pegawai terhadap program-program dakwah.

Penulis juga mendapati sebuah kajian sarjana yang ditulis oleh Damis dengan tajuk *Majlis Taklim Sebagai Wadah Pembinaan Umat (Telaah atas peran Majlis Taklim sebagai sarana penerapan ajaran Islam)*.<sup>18</sup> Kajian ini menunjukkan tentang pentingnya peranan majlis taklim sebagai sarana bagi umat Islam untuk belajar, memahami dan menerapkan ajaran-ajaran Islam.

---

<sup>18</sup> Damis, S.Ag, M.Pd.I. (2002), "Majlis Taklim Sebagai Wadah Pembinaan Umat (Telaah atas peran Majlis Taklim sebagai sarana penerapan ajaran Islam)". (Disertasi, Pendidikan Islam. IAIN/ UIN Alaudin Makasar).

Terdapat sebuah kajian sarjana tentang guru agama yang dilakukan oleh Moh Asy'ari, *Pengaruh Penyuluh Agama Terhadap Perubahan Perilaku Sosial Keagamaan*, Disertasi Masyarakat Islam, IAIN/UIN Sunan Gunung Djati Bandung. Kajian ini menyoroti tentang seberapa jauh pengaruh guru agama terhadap perubahan perilaku atau amalan keagamaan di masyarakat.

Selama melaksanakan kajian penyelidikan juga menemukan satu kajian disertasi yang baharu saja di selesaikan dengan tajuk *Peranan Majlis Taklim Dalam Meningkatkan Pengetahuan Agama Umat (Kasus Majlis Taklim Al-Mu'minin Ujanmas Baru Kecamatan Ujanmas Kabupaten Muara Enim)* yang ditulis oleh M. Shaleh dalam jabatan Ilmu Pendidikan Islam di Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Raden Fatah Palembang pada tahun 2010.

Kajian ini mempunyai tiga objektif, iaitu: untuk mengetahui bagaimana pelaksanaan Majlis Taklim Al- Mu'minin di Ujanmas Baru Kecamatan Ujanmas Kabupaten Muara Enim. Kedua, mengetahui peranannya dalam meningkatkan pengetahuan agama umat Islam di wilayah kajian. Ketiga, mengetahui faktor penyokong dan penghalang peranan majlis taklim di wilayah kajian.

Kajian ini mendapati bahawa aktiviti yang dilaksanakan hanyalah setakat pembelajaran membaca al-Qur'an sahaja. Manakala peranan dalam meningkatkan pengetahuan agama menurut responden yang terdiri dari anggota-anggota majlis taklim majoritinya, 66% berpendapat kurang berperanan 18.2% cukup berperanan dan 15.2% tidak berperanan. Faktor penyokong adalah semangat belajar yang tinggi daripada jemaah sedangkan penghalang adalah kurangnya sarana dan alatan-alatan untuk belajar dan terhadapnya kewangan. Dalam saranan kajian ini menjelaskan tentang peri pentingnya

pengurusan dalam sebuah majlis taklim dengan meningkatkan kemahiran modal insan, kerjasama antara seluruh masyarakat dan pelaksanaan fungsi-fungsi pengurusan.<sup>19</sup>

Selain daripada tesis dan disertasi terdapat pula jurnal, dokumen dan buku-buku yang memberikan penjelasan tentang majlis taklim dan guru agama Islam serta beberapa penulisan yang berkaitan dengan sejarah dakwah di Sumatera Selatan antaranya:

Karya Tuty Alawiyah (1997) *Strategi Dakwah di Lingkungan Majelis Taklim*, Buku ini menjelaskan tentang bagaimana cara Tuty Alawiyah sebagai rektor Universiti Islam As-syafi'iyah itu mengelola, dan berdakwah melalui majlis taklim. Buku ini menghuraikan gagasan-gagasan menurut Tutty Alawiyah dalam melakukan strategi dakwah di lingkungan majlis taklim. Menurut buku ini, istilah majlis taklim pada mulanya lahir dari pengajian di Masjid Al-Barkah yang dikelola K.H. Abdullah Syafi'ie. Sebelum itu hanya disebut dengan istilah pengajian sahaja. Penamaan majlis taklim akhirnya memunculkan identiti tersendiri yang membedakan dengan pengajian awam biasa, yaitu sifatnya yang tetap dan berkelanjutan.<sup>20</sup>

Dalam *Jurnal Harmoni*, Khadijah Munir menulis tentang peningkatan kualiti majlis taklim menuju percepatan dan peningkatan dalam pembangunan umat. Tulisan ini memberikan data tentang jumlah majlis taklim di Jakarta, pusat bandar Indonesia yang mencapai 5582 majlis taklim. Menurutnya wujudnya majlis taklim mempunyai peranan yang sangat penting dalam perkembangan masyarakat. Hal ini tidak lepas dari

---

<sup>19</sup> M. Shaleh (2010), "Peranan Majelis Taklim Dalam Meningkatkan Pengetahuan Agama Umat: Kasus Majelis Taklim Al-Mu'minin Ujanmas Baru Kecamatan Ujanmas Kabupaten Muara Enim", (Disertasi, Jabatan Ilmu Pendidikan Islam, IAIN Raden Fatah Palembang). h. 102-103.

<sup>20</sup> Tuty Alawiyah (1997), *Strategi Dakwah di Lingkungan Majelis Taklim*. Bandung: Mizan, h. 91-92.

pengaruh dari guru agama Islam di Jakarta yang berjumlah 147 orang dan guru agama yang bukan Pegawai Negeri Sipil yang berjumlah 2000 orang.<sup>21</sup>

Akan tetapi tulisan ini tidak menjelaskan bagaimana peranan atau usaha-usaha yang dilakukan guru agama terhadap majlis taklim di Jakarta. Kajian ini menjelaskan tentang fungsi majlis taklim masa kini iaitu sebagai lembaga keagamaan, lembaga pendidikan yang berorientasi pada dakwah, dan lembaga pembinaan ekonomi dan sosial.

Ab. Aziz Mohd Zin pada tahun 1994 telah membuat penyelidikan mengenai keberkesanan kelas-kelas agama di pejabat-pejabat kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Hasil daripada kajian yang dijalankan menghasilkan kesimpulan yang antaranya sebagaimana berikut:<sup>22</sup>

1. Berlakunya pertambahan dan penghayatan keagamaan di kalangan kebanyakan sasaran di pejabat-pejabat kerajaan dan badan-badan berkanun di Kuala Lumpur.
2. Kelas-kelas agama di pejabat-pejabat kerajaan dan badan-badan berkanun di Kuala Lumpur memainkan peranan yang besar dalam menambah pengetahuan keagamaan dan penghayatan Islam kepada sasaran yang terlibat, di samping pihak-pihak lain.
3. Tenaga pengajar yang dijemput untuk mengajar dan memberi kuliah di pejabat-pejabat dapat memenuhi kehendak kebanyakan sasaran. Namun di sebalik itu, masih ramai sasaran yang berasa tenaga-tenaga tersebut tidak dapat memenuhi kehendak sasaran, atau paling tidak kurang memuaskan.

---

<sup>21</sup> Khadijah Munir (2007), "Peningkatan Kualitas Majelis Taklim Menuju Akselerasi dan Eskalasi Pemberdayaan Umat". *Jurnal Harmoni*, Volume VI, Nombor 24, Oktober-Disember 2007, Jakarta: Pusat Kehidupan Keagamaan Badan Litbang & Diklat Departemen Agama. h. 12.

<sup>22</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (1994), *Ibid.*, 180-197.



Selain tajuk-tajuk tentang pengurusan dan majlis taklim, bagi mengetahui sejarah masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan penulis banyak mengutip daripada buku yang ditulis oleh para pakar sejarah Indonesia yang merupakan hasil seminar di Palembang yang ditulis oleh KHO Gajah Nata dan Edi Sasono (1986), *Masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*,<sup>23</sup> buku ini merupakan hasil seminar *Masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan* pada tahun 1984 di Palembang yang diselenggarakan Majlis Ulama Daerah Tingkat I Wilayah Sumatera Selatan Palembang. Salah satu kesimpulan seminar bahawa Islam masuk di Indonesia secara langsung dari negeri Arab, bukan melalui tangan kedua, dan ini sudah terjadi pada abad pertama Hijriah.

Kajian tentang peranan tokoh agama yang berada dalam kerajaan pada zaman kesultanan Palembang juga menjadi bahan tambahan tentang pendekatan dakwah di Palembang yang dikaji oleh Husni Rahim dengan tesisnya *Sistem Otoritas dan Administrasi Islam, Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial di Palembang*. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa peranan pemegang autoriti keagamaan atau yang dikenal dengan penghulu menunjukkan pasang naik dan dan surut. Hal ini berkait rapat dengan wibawa sang tokoh terhadap penguasa dan berapa besar minat penguasa terhadap Islam. Dari kajian ini, Ia mencadangkan pada masa hadapan perlunya penerimaan pegawai pemerintahan berasaskan kepakaran yang dilakukan secara terbuka khususnya di Kementerian Agama.<sup>24</sup>

Bagi melengkap data tentang kajian ini penyelidik dibantu dengan buku-buku panduan yang diterbitkan oleh Kementerian Agama Republik Indonesia bagi Guru

---

<sup>23</sup> KHO Gajah Nata dan Edi Sasono (1986), *Masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*. UI Press : Jakarta.

<sup>24</sup> Husni Rahim (1998), *Sistem Otoritas dan Administasi Islam, Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial di Palembang*. Jakarta: Logos, h. 251-260.

agama Islam antaranya, *Petunjuk Teknis Pelaksanaan Jabatan Fungsional Penyuluh dan Angka Kreditnya*, *Pedoman Pembentukan Kelompok Sasaran Guru Agama Ahli*, *Panduan Tugas Operasional Guru Agama Islam Utama*, *Pedoman Penyusunan Laporan Guru agama Islam dan Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majelis Taklim* dan lain-lain. Buku-buku ini merupakan garis pandu bagi penulis dalam mengenal pasti usaha-usaha yang sepatutnya dilakukan oleh guru agama Islam dalam merancang, menyusun, melaksanakan dan mengawal aktiviti dakwah di masyarakat Islam seperti majlis taklim.

Dari tinjauan kajian-kajian lepas belum ada suatu kajian khusus yang menggabungkan kajian tentang majlis taklim dan guru agama Islam khususnya di Sumatera Selatan. Tetapi ianya membantu untuk menambah dan memperkaya teori-teori dalam penyelidikan ini. Dengan adanya penyelidikan ini diharapkan boleh memberikan sumbangsih bagi keilmuan dakwah untuk memantapkan konsep-konsep pelaksanaan dakwah. Antaranya boleh mengetahui kondisi majlis taklim di Sumatera selatan dan memberi garis pandu kepada masyarakat dan pendakwah secara praktikal dalam mengurus majlis taklim.

## **1.8 Huraian Istilah**

### **1.8.1 Pengurusan**

Dalam *Kamus Dewan*, secara bahasa Teuku Iskandar mengertikan pengurusan sebagai perihal kerja mengurus sesuatu, perihal mengurus. Manakala mengurus bererti menjaga supaya rapi, mengaturkan, mengemaskan dan menyusun. Apabila menguruskan bererti mengendalikan sesuatu supaya teratur atau menyelenggarakan supaya berjalan dengan baik, memimpin dan mengatur, mengelolakan, menjalankan.<sup>25</sup>

---

<sup>25</sup> Teuku Iskandar (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1779-1780.

Dalam kajian ini penulis menggunakan definisi George R Terry, iaitu pengurusan sebagai proses merancang, mengorganisasi, melaksanakan dan mengawal suatu aktiviti atau pekerjaan agar dapat mencapai matlamat yang telah ditentukan dengan menggunakan sumber-sumber yang ada. Aktiviti yang dimaksud adalah aktiviti dakwah di majlis taklim.

### **1.8.2. Majlis Taklim**

Istilah majlis taklim hampir sama dengan istilah kelas agama di Malaysia. Dalam buku panduan tentang *Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majlis Taklim* dijelaskan bahawa majlis taklim adalah lembaga pendidikan Islam tidak formal yang mempunyai kurikulum sendiri, dilaksanakan secara berkala dan teratur, dan diikuti jemaah yang cukup banyak. Ia bertujuan untuk membimbing dan mengembangkan hubungan yang santun dan serasi antara manusia dan Allah SWT, dan antara sesama manusia dengan persekitarannya supaya terwujud masyarakat yang bertakwa.<sup>26</sup>

### **1.8.3 Provinsi Sumatera Selatan**

Provinsi Sumatera Selatan adalah sebuah negeri di Indonesia yang terletak di Selatan Pulau Sumatera. Ia terletak antara 1 derajat sampai 4 derajat Lintang Selatan dan 102 derajat sampai 106 derajat Bujur Timur dengan luas daerah seluruhnya 87.017,42 km<sup>2</sup>. Sempadan daerah ini adalah: di sebelah Utara dengan Provinsi Jambi, di sebelah Selatan dengan Provinsi Lampung, di sebelah Timur dengan Provinsi Bangka Belitung, di sebelah Barat dengan Provinsi Bengkulu.<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Departemen Agama (2006), *Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majelis Taklim*. Palembang: Kantor Wilayah Provinsi Sumatera Selatan, h. 3.

<sup>27</sup> Badan Pusat Statistik Provinsi Sumatera Selatan, <http://sumsel.bps.go.id/datastatistik/index.php?hal=geografis>, Kamis 25 Jun 2009.

#### **1.8.4 Guru Agama**

Yang di maksud dengan guru agama dalam kajian ini adalah Penyuluh Agama Islam sebagai PNS (Pegawai Negeri Sipil) di Kementerian Agama Republik Indonesia yang memiliki tugas untuk berdakwah di masyarakat sebagai tugas utamanya. Dalam kajian ini guru agama yang menjadi responden adalah guru agama di Kementerian Agama Wilayah Sumatera Selatan.

### **1.9 Metodologi Kajian**

Metodologi kajian mengandungi penerangan dan huraian tentang reka bentuk, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian.<sup>28</sup> Dalam kajian ini penyelidik menggunakan reka bentuk tinjauan secara deskriptif yang dibantu dengan pengumpulan data melalui kepustakaan dan lapangan.

#### **1.9.1 Rekabentuk Kajian**

Bentuk kajian ini suatu kajian tinjauan yang berbentuk deskriptif. Data dan maklumat yang diperoleh akan ditinjau dengan berbentuk deskriptif. Kajian deskriptif bertujuan memerihalkan sesuatu fenomena atau situasi yang berlaku semasa kajian dijalankan. Dalam kajian ini penulis ingin meninjau tentang bagaimana pandangan guru agama terhadap pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan dan masalah-masalah yang dihadapi.

#### **1.9.2 Kawasan Kajian**

Kajian ini telah dijalankan di Provinsi Sumatera Selatan, Indonesia yang terkenal dengan pusat bandar Palembang. Pengkaji telah memilih lima kabupaten / kota dalam

---

<sup>28</sup> Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

Provinsi Sumatera Selatan sebagai sampel kajian dari 15 kabupaten / kota. Ada beberapa faktor yang menarik minat pengkaji untuk memilih di Sumatera Selatan, iaitu :

1. Sumatera Selatan merupakan salah satu Provinsi di Indonesia yang memiliki sejarah Islam gemilang. Di wilayah ini pernah berdiri kerajaan Islam Palembang Darussalam. Di wilayah ini pernah lahir seorang ulama dunia yang terkenal di Nusantara dengan kitabnya iaitu *Hidāyatus Sālikīn* dan *Siyārus Sālikīn*, Abdus Shamad Al-Palimbani. Dengan mengkaji dakwah di Sumatera Selatan boleh membangkitkan semangat keislaman di Provinsi Sumatera Selatan untuk melahirkan generasi-generasi penerus para ulama.
2. Sumatera Selatan adalah kota terbesar ke-5 di Indonesia. Wilayah ini mempunyai suku-suku yang pelbagai daripada Jawa, Melayu dan suku-suku lokal seperti Semendo dan Pasemah. Penduduk di wilayah Sumatera Selatan berjumlah 7.019.964 (Tujuh juta sembilan belas ribu sembilan ratus enampuluh empat) orang.<sup>29</sup>

### **1.9.3 Kaedah Pengumpulan Data**

Bagi mengumpulkan data dan maklumat penulis menggunakan dua kaedah penyelidikan iaitu penyelidikan kepustakaan dan penyelidikan lapangan. Penyelidikan kepustakaan digunakan bagi memantapkan teori-teori dan konsep tentang pengurusan, majlis taklim dan guru agama. Penyelidikan lapangan digunakan bagi mendapatkan maklumat sebenar menurut pandangan guru agama dan para kaki tangan Kementerian Agama tentang pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.

---

<sup>29</sup> Badan Pusat Statistik Provinsi Sumatera Selatan, Sumatera Selatan Dalam Angka, <http://sumsel.bps.go.id/datastatistik>, 25 Jun 2009.

## **1. Penyelidikan Kepustakaan**

Kajian kepustakaan dalam kajian ini bertujuan untuk mengetahui konsep dan teori yang berkaitan dengan kajian secara mendalam. Bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian ini penulis menggunakan beberapa buah perpustakaan, antaranya ialah: Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan IAIN Raden Fatah Sumatera Selatan, Perpustakaan UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Perpustakaan Daerah Palembang, Perpustakaan Kantor Wilayah Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan dan lain-lain. Hasil kajian melalui kepustakaan dibentangkan pada bab 2 dan bab 3.

## **2. Penyelidikan Lapangan**

Kaedah dalam melakukan penyelidikan lapangan yang penulis gunakan adalah kaedah tinjauan. Bagi mendapatkan maklumat di lapangan penulis menggunakan beberapa kaedah untuk mengumpulkan data iaitu; temu bual, pengamatan dan soal selidik.

Beberapa langkah yang telah diikuti sebelum kajian dimulakan pengkaji menghantar surat daripada Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan kepada Kepala Kantor Wilayah Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan bagi memohon kebenaran melakukan kajian di Kantor Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan dengan mengambil sampel di 5 kabupaten / kota. Selanjutnya pihak Kantor Wilayah Kementerian Agama mengeluarkan surat arahan kepada Kepala Kantor Kementerian Agama kabupaten / kota yang terpilih sebagai sampel kajian supaya memberikan izin dan kerjasama semasa kajian dijalankan.<sup>30</sup>

---

<sup>30</sup> Dilaksanakan pada tanggal 02 – 05 Disember 2009

### **a. Temu Bual**

Temu bual yang penulis lakukan adalah temu bual akademik iaitu interaksi sosial di antara penemu bual (*interviewer*) dengan yang ditemubual (*interviewee*). Interaksi sosial ini bertujuan untuk mendapat sebanyak mungkin maklumat dari *interviewee* dan tidak ada unsur hiburan atau paksaan.<sup>31</sup>

Bagi mendapatkan maklumat tentang gambaran secara am tentang pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan oleh guru agama Islam dan penilaian terhadap usaha-usaha tersebut, penyelidik melakukan temu bual dengan Kepala Bidang Penamas dan Pemberdayaan Masjid Kantor Wilayah Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan, dan Kepala Kantor Kementerian Agama di 5 kabupaten / kota di wilayah Provinsi Sumatera Selatan.<sup>32</sup>

### **b. Observasi**

Observasi ialah suatu pemerhatian yang dilaksanakan ke atas satu keadaan yang telah dikenal pasti hasil dari satu perancangan yang teliti. Pemerhatian ini akan menghasilkan satu deskripsi terperinci tentang keadaan berkenaan bagi membolehkan penyelidik memahaminya secara mendalam.<sup>33</sup>

Penyelidik akan melakukan pemerhatian kepada laporan secara tertulis daripada guru agama Islam di pejabat kantor Kementerian Agama sama ada di provinsi mahupun kota / kabupaten, untuk mengenalpasti kesahan hasil penyelidikan, penulis akan

---

<sup>31</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd., h. 71.

<sup>32</sup> Temu bual dilaksanakan pada tanggal 02 hingga 05 Disember 2009 di Kantor Wilayah Departemen Agama dan 5 Kantor Kementerian Agama kabupaten / kota.

<sup>33</sup> Idris Awang (2009), *op.cit.*, h. 74.

melakukan pemerhatian dengan mengikuti pelaksanaan beberapa kegiatan majlis taklim yang diadakan di beberapa majlis taklim yang terpilih.

### **c. Soal Selidik**

Dalam kajian ini, soal selidik diertikan sebagai rangkaian soalan yang distrukturkan berasas pembolehubah-pembolehubah yang dikenalpasti untuk menghasilkan sejumlah data bagi menjelaskan masalah yang dikaji.<sup>34</sup> Menggunakan soal selidik sebagai salah satu alat pengukuran dikeranakan ia lebih praktikal dan berkesan sesuai dengan populasi yang besar.

Soal selidik akan dibagikan kepada responden iaitu guru agama Islam bagi memastikan pandangan mereka terhadap pengurusan majlis taklim dan pandangan terhadap amalan-amalan dari fungsi pengurusan iaitu perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan kawalan pada aktiviti dakwah di majlis taklim dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pelaksanaannya.

Soal selidik yang pengkaji gunakan terdiri dari 5 bahagian A, B, C, D dan E. Bahagian A berisikan maklumat pribadi responden yang berkaitan dengan demografi, iaitu jantina, umur, taraf perkahwinan, pendidikan, dan jabatan semasa pengajian.(5 soalan) Bahagian B merupakan soalan-soalan tentang maklumat yang berkaitan dengan guru agama dan majlis taklim (7 Soalan).

Bahagian C. merupakan soalan yang akan menjawab objektif pertama iaitu pandangan terhadap pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan. Bahagian D merupakan soalan-soalan yang akan menjawab objektif kedua iaitu berkaitan dengan

---

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 76.



pandangan terhadap amalan-amalan dari fungsi pengurusan yang terdiri dari aspek perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, dan kawalan. Bahagian E merupakan soalan tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh guru agama dalam mengurus majlis taklim.

#### **d. Populasi dan Persampelan Kajian.**

Populasi guru agama Islam di Sumatera Selatan berdasarkan data dari Kementerian Agama Sumatera Selatan tahun 2009 adalah seramai 188 orang yang tersebar di 15 kabupaten / kota.

Kerana luasnya wilayah kajian, bagi memilih responden dari guru agama Islam yang tersebar di 15 tempat, penyelidik menggunakan kaedah persampelan kelompok atau *cluster*. Persampelan kelompok adalah proses mengambil atau menggunakan sampel bilamana unit persampelan bukan lagi unsur dari populasi tetapi unsur dari kelompok populasi<sup>35</sup> iaitu dengan memilih 5 kabupaten / kota yang mewakili wilayah Provinsi Sumatera Selatan iaitu Kota Palembang (53 Orang), Prabumulih (8 Orang), Kabupaten Ogan Ilir (6 Orang), Muara Enim (17 Orang), dan Lahat (22 Orang) maka total responden yang akan menerima soal selidik berdasarkan jumlah guru agama Islam di lokasi kajian berjumlah 106 orang.<sup>36</sup>

Dalam melakukan temu bual pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan seringkali dikaitkan dengan persampelan penilaian/pakar (*judgmental*). Dalam persampelan penilaian penyelidik akan memilih individu atau sekumpulan individu yang memberikan input yang

---

<sup>35</sup> Mohd. Najib A. Ghafar (1998), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM, h. 38-39, Mohd. Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 75-76.

<sup>36</sup> Temu bual di lima kabupaten/kota tanggal 02-05 Disember 2009.

diandaikan dapat menggambarkan populasi yang dikaji.<sup>37</sup> Persampelan ini dipilih kerana akan meningkatkan nilai maklumat yang dipakai oleh penulis kepada sampel yang telah dikenal pasti oleh penyelidik.

#### **1.9.4 Analisis Data**

Menurut Idris Awang dalam membincangkan analisa data, selalunya kaedah induktif dan deduktif yang dijelaskan<sup>38</sup>. Maka pada kajian ini data-data yang diperoleh dianalisa menggunakan kaedah induktif dan deduktif.

Dalam pendekatan induktif, menurut Matthew B.Miles dan A.Michael Huberman, penyelidik menggenerat atau mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelas atau menghuraikan fenomena yang dikaji.<sup>39</sup> Pada kajian ini penulis menggunakan pendekatan induktif dalam dengan mengumpulkan dokumen, laporan tertulis guru agama Islam, dan pandangan pimpinan guru agama Islam yang diperoleh melalui temu bual, serta hasil soal selidik kepada responden yang disebarkan untuk dianalisa menjadi sebuah dapatan kajian terhadap permasalahan yang dikaji.

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science* SPSS versi 12.00 kemudian data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menerangkan taburan kekerapan dan peratusan. Manakala data-data daripada temu bual dan pemerhatian juga dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong atau menghurai data soal selidik.

---

<sup>37</sup> Sabitha Marican (2005), *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Kuala Lumpur: Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h.105-106.

<sup>38</sup> Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publication, h. 82.

<sup>39</sup> *Ibid.*

Pendekatan deduktif yang merupakan pendekatan umum kepada khusus. Penulis gunakan pada bab II dan III manakala pendekatan induktif pengkaji gunakan pada bab IV dalam menganalisa data yang diperoleh melalui soal selidik.

### **1.10 Sistematika Penulisan**

Dalam melakukan kajian ilmiah pengkaji membahagikan kajian ini kepada lima bab. Pada bab pertama, merupakan bab pendahuluan yang terdiri dari pengenalan, latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian-kajian lepas, huraian istilah, dan metodologi kajian yang mengandungi rekabentuk kajian, kawasan kajian, kaedah pengumpulan data dan analisa data.

Bab kedua merupakan bab mengenai teori-teori tentang pengurusan majlis taklim. Bab ini menjelaskan tentang konsep pengurusan, majlis taklim, dan pengurusan majlis taklim.

Bab ketiga merupakan bab mengenai guru agama dan pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan. Bab ini selain mengemukakan teori juga diperkuat dengan data-data yang diperoleh di lapangan melalui buku-buku dan laporan dari Kementerian Agama di Provinsi Sumatera Selatan dan hasil temu bual dengan pihak-pihak yang berkaitan. Dalam bab ini terdiri dari pengenalan Provinsi Sumatera Selatan, pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan, pengenalan guru agama dan usaha-usaha yang mereka laksanakan di majlis taklim serta masalah-masalah yang dihadapi dalam pengurusan majlis taklim.

Bab empat merupakan analisa terhadap dapatan kajian yang diperoleh melalui soal selidik. Bab ini terdiri dari analisa terhadap demografi responden, pandangan terhadap pengurusan majlis taklim, amalan-amalan dalam fungsi pengurusan di majlis taklim dan masalah-masalah yang dihadapi dalam pengurusan majlis taklim.

Bab kelima merupakan bab penutup yang terdiri dari kesimpulan, saranan dan juga cadangan bagi pihak-pihak tertentu yang berkaitan dengan kajian ini, iaitu: Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan, guru agama, pengurus dan ahli-ahli majlis taklim serta pengkaji yang akan datang.

## **BAB II**

### **PENGURUSAN MAJLIS TAKLIM**

#### **2.1 Konsep Pengurusan**

Konsep adalah pengertian am atau idea yang mendasari sesuatu.<sup>40</sup> Maka dalam landasan teori pada bahagian awal dari bab dua pengkaji akan menjelaskan pengertian am atau idea yang mendasari pengurusan yang terdiri daripada pengertian pengurusan, prinsip-prinsip dalam pengurusan dan fungsi-fungsi pengurusan.

##### **2.1.1 Pengertian Pengurusan**

Dalam *Kamus Dewan*, secara bahasa Teuku Iskandar mengertikan pengurusan sebagai perihal kerja mengurus sesuatu, perihal mengurus. Manakala mengurus bererti menjaga supaya rapi, mengaturkan, mengemaskan dan menyusun. Apabila menguruskan bererti mengendalikan sesuatu supaya teratur atau menyelenggarakan supaya berjalan dengan baik, memimpin dan mengatur, mengelolakan, menjalankan.<sup>41</sup>

Secara istilah pengurusan memiliki banyak pengertian sebagaimana telah dituliskan oleh para pakar pengurusan. Menurut Chuck Williams pengurusan atau *management* adalah *getting work done through others*. Menurutnya pengurusan yang baik ialah melakukan pekerjaan melalui kerjasama dengan orang lain untuk menyelesaikan tugas-tugas yang membantu menyelesaikan secara sempurna tujuan-tujuan organisasi dengan secepat mungkin.<sup>42</sup>

---


<sup>40</sup> Teuku Iskandar (2007), *op.cit.*, h. 816.

<sup>41</sup> *Ibid.*, 1779-1780.

<sup>42</sup> Chuck Williams (2005), *Management*. cet. 3. United States of America : Thomson South-Western, h. 4-5.

James A.F. Stoner dan Charles Wankel juga berpendapat bahawa pengurusan adalah proses merancang, mengorganisasi, memimpin, dan mengawal daya usaha anggota-anggota organisasi dan menggunakan sumber-sumber lain organisasi bagi mencapai matlamat-matlamat organisasi yang ditetapkan.<sup>43</sup>

George R. Terry memberikan definisi bahawa pengurusan ialah proses yang terdiri daripada perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, dan kawalan, dilakukan untuk menentukan dan mencapai sasaran yang sudah ditetapkan dengan menggunakan manusia dan sumber-sumber lainnya.<sup>44</sup> Proses ini jika digambarkan dengan carta adalah sebagai berikut:



Sumber: George R Terry, Principles of Mangement, h. 4.

Secara am menurut Ahmad Ibrahim Abu Sin, pengurusan ialah kebolehan menggunakan segala sumber alam sama ada berbentuk kebendaan atau kemanusiaan yang dikurniakan Allah SWT. Pengurusan secara istilah menurutnya iaitu satu kajian

<sup>43</sup> James A.F. Stoner dan Charles Wankel (1989), *Pengurusan*. Edisi Ketiga, Ya'acob Ibrahim (terj.), Petaling Jaya: Amiza, h.4.

<sup>44</sup> George R. Terry (1977), *Principles of Management*. seventh edition, Illinois: Richard D. Irwin, INC., h. 4.

ilmiah dan juga satu kesenian yang bergantung kepada bakat dan kebolehan seseorang yang akan menjadi pengurus.<sup>45</sup>

Menurut Chek Mat pengurusan adalah satu proses (1) pengarahan sumber-sumber tenaga manusia dan fizikal menjadikan (2) unit-unit organisasi dinamik yang (3) mampu mencapai objektif dan (4) memberi kepuasan kepada penerima dengan (5) semangat serta nilai pencapaian tinggi.<sup>46</sup> Manakala Mohammad Hasmi Abu Hassan Asaari dan Noorliza Karia mendefinisikan bahawa pengurusan adalah proses mengkoordinasi dan mengintegrasikan aktiviti-aktiviti kerja di mana ianya perlu diselesaikan secara berkesan dan cekap oleh pelbagai lapisan pekerja.<sup>47</sup>

Dalam buku-buku dakwah definisi pengurusan yang digunakan tidak jauh berbeza dengan pendapat-pendapat dari para pakar barat. Sebagaimana yang ditulis Rozhan Othman, ia juga memberikan pengertian pengurusan iaitu proses merancang, menyusun, mengawal dan memimpin sesebuah organisasi untuk tujuan mencapai matlamat-matlamat yang telah ditetapkan.<sup>48</sup>

Syed Othman Al-Habshi memberikan satu definisi pengurusan dakwah iaitu suatu pengurusan yang mampu menentukan matlamat dakwah yang sebenar, menentukan objektif yang harus dicapai supaya matlamat umumnya dapat diperolehi, menentukan wujudnya suatu struktur pengurusan yang mampu mengelola, merancang matlamat, objektif, strategi dan program yang wajar dilaksanakan, mengawal dan

---

<sup>45</sup> Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991), *Pengurusan Dalam Islam*. Abd Rashid Ngah dan Jusoh Kadir (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 37.

<sup>46</sup> Chek Mat (2005), *Kursus Pengurusan Program*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributor Sdn. Bhd., h. 2.

<sup>47</sup> Mohammad Hasmi Abu Hassan Asaari dan Noorliza Karia (2003), *Pengantar Pengurusan*, Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., h. 4.

<sup>48</sup> Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, Syah Alam: Umma Media Sdn. Bhd., h. 19.

melaksanakan kesemua tugas yang telah ditentukan, mengenal pasti segala masalah dan strategi pelaksanaannya dan membiayai segala program yang dirancangan.<sup>49</sup>

Pengurusan yang secara bahasa bererti mengendalikan sesuatu supaya teratur atau menyelenggarakan supaya berjalan dengan baik, adalah sebuah amalan yang dicintai oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam al-Qur'ān surah al-Şāf ayat 4:

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الَّذِينَ يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِهِ صَفًّا  
كَأَنَّهُمْ بُنْيَانٌ مَّرْصُومٌ

Maksudnya:

*Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berperang untuk membela agamaNya, dalam barisan yang teratur rapi, seolah-olah mereka sebuah bangunan yang tersusun kukuh.*

Surah al-Şāf (61): 4.

Dari pelbagai pendapat di atas, sama ada dari Barat, Melayu mahupun tokoh dakwah serta diperkuat dengan dalil dari ayat al-Qur'ān menegaskan bahawa pengurusan adalah suatu ilmu yang penting bagi membuat suatu pekerjaan, organisasi sama ada kecil mahupun besar seperti negara untuk mencapai matlamat yang ingin dicapai.

### **2.1.2 Prinsip-Prinsip Pengurusan**

Pengurusan sebagai sebuah proses merancang, mengorganisasi, melaksanakan dan mengawal sebuah organisasi untuk mencapai matlamat yang telah ditentukan dengan menggunakan sumber-sumber yang ada baik fizikal mahupun manusia memiliki prinsip-prinsip dalam pelaksanaannya.

---

<sup>49</sup> Syed Othman al-Habshi (1997), "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah", (penyunting) Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, dan Ideris Endot (1997), *Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 112.



Prinsip adalah asas atau dasar yang menjadi pokok sesuatu pemikiran, kajian atau tindakan.<sup>50</sup> Maka yang dimaksud dengan prinsip pengurusan adalah asas-asas yang harus ada dalam proses pengurusan iaitu merancang, mengorganisasi, melaksanakan dan mengawal sebuah organisasi bagi mencapai matlamat yang telah ditentukan. Kerana kajian ini merupakan kajian keislaman maka penyelidik menggunakan teori-teori pengurusan Islam. Antaranya ialah,

Yusof Ismail telah merumuskan beberapa prinsip-prinsip pengurusan yang harus ada dalam model pengurusan Islam iaitu:<sup>51</sup>

1. Mencari keredaan Allah.
2. Melaksanakan makruf dan mencegah mungkar
3. Menjaga kesejahteraan masyarakat
4. Membangun individu semaksimal mungkin
5. Melaksanakan syura
6. Mewujudkan jamaah
7. Berlaku adil
8. Berlaku ihsan
9. Membuat keputusan sesuai dengan prinsip-prinsip Islam.

Dalam disertasi sarjananya Azlina menyimpulkan bahawa sistem pengurusan Islam tertegak di atas paradigma tauhid yang diasaskan kepada beberapa prinsip utama. iaitu, syura, keadilan, persamaan hak, kebebasan dan pengagihan kuasa.<sup>52</sup>

---

<sup>50</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1232.

<sup>51</sup> Yusof Ismail (1991), *Mengurus Secara Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit A.S Noordeen, h. 46-47.

<sup>52</sup> Azlina Bt Abdul Aziz, (2001), "Tanggapan Kaki Tangan Perkhidmatan Awam Terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam". (Projek Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya). h. 30.

Dalam buku *Pengurusan dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qur'ani*. prinsip-prinsip dalam pengurusan Islami terdapat tiga prinsip iaitu, syura, amal jam'i atau kerja berpasukan dan kepimpinan dan kepengikutan.<sup>53</sup>

Syura adalah suatu mekanisme pembuatan keputusan. Dalam melaksanakan syura yang sihat ia harus bertolak dari sangka baik (*husnuzan*) di kalangan sesama pembuat keputusan itu. Selain itu harus menyepakati rujukan baku atau *terms of reference* yang digunakan. Dalam konteks Islam, rujukan baku adalah al-Qur'an dan al-Sunnah. Di dalam syura hendaklah ada kebebasan suara yang sepenuhnya di kalangan para anggota pembuat keputusan. Syura tidak akan mencapai objektifnya jika ia dilaksanakan dalam suasana budaya takut bersuara dan takut berbeza pendapat.<sup>54</sup>

Amal jam'i atau kerja berpasukan juga merupakan prinsip yang utama dalam pengurusan Islam. Hal ini sesuai dengan perintah Allah SWT dalam surah Ali 'Imran 104 agar berdakwah menerusi wadah ummah yang membawa makna sejumlah individu yang tergabung dalam organisasi dan bekerja secara kolektif. Ertinya agama sangat menekankan kaedah dan strategi amal jam'i atau kerja berpasukan untuk merealisasikan misi organisasi. Kerja berpasukan diberi harapan oleh Allah SWT akan mencapai kejayaan (*al-falāḥ*). Untuk memungkinkan terlaksananya amal jam'i, para warga organisasi tidak hanya perlu memiliki sifat-sifat individual yang baik tetapi juga perlu memiliki sifat-sifat kolektif yang baik seperti kepatuhan, kerja sama, nasihat-menasihati dan sebagainya.<sup>55</sup> Amal jam'i dapat dijayakan andainya telah wujud semangat jam'i atau berpasukan, iaitu mentaliti atau sikap mengutamakan kepentingan organisasi. Cara untuk memupuk semangat amal jam'i adalah menerusi pelbagai program dan aktiviti

---

<sup>53</sup> Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qur'ani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd.

<sup>54</sup> *Ibid.*, h. 95-98.

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 102-104.

seperti galakan sembahyang berjemaah, makan bersama, ziarah menziarahi, berbalas ucap selamat, hari keluarga, aktiviti kebajikan, kesukanan dan sebagainya.

Kepimpinan dan kepengikutan adalah prinsip yang tidak boleh ditinggalkan dalam pengurusan Islam.. Pemimpin dan pengikut seharusnya merupakan suatu gandingan mantap yang diikat dalam hubungan hak dan tanggungjawab. Dalam tradisi keislaman pemimpin tidak cuma harus memerintah, mengarah dan mengerah, tetapi sekaligus harus dapat memberikan contoh. Pemimpin harus mampu memasyarakatkan sejumlah nilai, sikap dan amalan positif di kalangan warga organisasi. Oleh itu peribadi atau perilaku pemimpin seharusnya mencerminkan nilai-nilai yang ingin dibudayakan. Lebih dari itu, seorang pemimpin hendaklah orang yang berprinsip, berwawasan, dan bermisi berasaskan ajaran kitab (petunjuk ilahi). Faktor kepengikutan juga tidak kalah pentingnya dengan kepemimpinan. Antara tanggung jawab utama pengikut ialah memberikan kesetiaan, kepatuhan dan iltizam yang sepenuhnya. Untuk menjayakan hubungan yang baik antara pemimpin dan pengikut ialah wujudnya sikap timbal-balik dari segi keadilan, kerjasama, kasih sayang, dan nasihat menasihati antara pemimpin dan pengikut.<sup>56</sup>

Menurut Azman Che Umar, pengurusan Islam mempunyai beberapa prinsip utama iaitu, amanah, syura dan adil. Dalam tulisannya ia menjelaskan bahawa amanah merupakan nilai utama dalam pengurusan Islam. Seorang pengurus ialah seorang yang diberi amanah melalui jawatannya untuk melakukan kerja-kerja pengurusan dengan amanah. Amanah ialah setiap yang wajib dipelihara dan ditunaikan kepada ahlinya. Natijah daripada amanah ini akan lahir pula sifat-sifat terpuji lain yang membawa

---

<sup>56</sup> *Ibid.*, h. 114-120.

kepada terlaksananya amanah seperti ikhlas, jujur dan bekerja mencari keredaaan Allah.<sup>57</sup>

Syura menurut Azman Che Umar merupakan asas penting kejayaan sesebuah pengurusan. Justeru, pengurusan Islam meletakkan syura sebagai inti proses dalam kerja-kerja pengurusan. Dalam pengurusan syura bererti penyertaan dan penglibatan pekerja dalam proses membuat keputusan yang melibatkan kerja mereka. Prinsip yang ketiga setelah amanah dan syura menurutnya adalah keadilan. Maksud keadilan dalam pengurusan ialah meletakkan sesuatu perkara kena pada tempatnya. Dalam Islam, keadilan diukur melalui al-Qur'ān dan al-Sunnah dan bukan ditafsir mengikut hawa nafsu manusia. Antara bentuk-bentuk keadilan dalam pengurusan menurut Azman Che Umar adalah dengan memberikan kerja yang sesuai dengan fitrah individu masing-masing. Memberikan upah, ganjaran atau insentif yang sewajar dan mengenakan hukuman yang wajar jika mendapat kesalahan. Dalam pengurusan dikenali dengan disiplin.<sup>58</sup>

Ahmad Ibrahim Abu Sin menjelaskan bahawa pengurusan Islam mempunyai beberapa prinsip. Di antara yang terpenting adalah, demokrasi, syura dan delegasi. Demokrasi membawa maksud jaminan hak individu untuk bertindak bagi mendapatkan dan mempertahankan haknya; Syura dalam Islam mewajibkan agar setiap keputusan yang hendak diambil oleh pihak pengurusan mestilah terlebih dahulu diadakan perundingan, perbincangan dan mesyuarat; dan maksud delegasi adalah bahawa setelah keputusan dibuat maka delegasi atau agihan dan penyerahan tugas dilakukan mengikut kelayakan, kemahiran dan minat seseorang.<sup>59</sup>

---

<sup>57</sup> Azman Che Umar (2001), *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 55-56.

<sup>58</sup> *Ibid.*, h. 57-61.

<sup>59</sup> Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991), *op.cit.*, h. 126.

Menurut pengkaji prinsip-prinsip yang telah dikemukakan oleh beberapa pakar pengurusan di atas tidaklah bercanggah satu sama lain. Malahan, ianya saling melengkapi satu dengan yang lainnya. Dari prinsip-prinsip pengurusan di atas nampak bahawa syura adalah prinsip yang paling utama yang harus ada dalam pengurusan Islam. Hal ini juga telah dijelaskan dalam ayat-ayat al-Qur'ān:

وَالَّذِينَ اسْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ  
بَيْنَهُمْ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ

Maksudnya :

*Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhannya serta mendirikan sembahyang dengan sempurna dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya.*

Surah al-Shūrā (42) : 38.

Ayat ini menjelaskan bahawa orang-orang yang taat kepada perintah Allah SWT. Salah satunya adalah orang yang memutuskan perkara-perkara dalam kehidupan melalui syura di antara orang-orang yang beriman. Malahan, prinsip syura bukan setakat dilakukan bersama orang-orang yang telah beriman sahaja tetapi juga kepada orang lain seperti para sasaran dakwah sebagaimana dijelaskan dalam surah Ali 'Imran ayat 159:

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ<sup>ط</sup> وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظًا  
الْقَلْبِ لَأَنفَضُوا<sup>ط</sup> مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ<sup>ط</sup> وَأَسْتَغْفِرْ لَهُمْ  
وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ<sup>ط</sup> فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ<sup>ج</sup> إِنَّ اللَّهَ  
مُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

Maksudnya:

*Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah-limpah) dari Allah (kepadamu wahai Muhammad), engkau telah bersikap lemah-l lembut kepada mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu), dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka lari dari kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang mereka lakukan terhadapmu) dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan (peperangan dan hal-hal keduniaan) itu. Kemudian apabila engkau telah berazam (sesudah bermesyuarat, untuk membuat sesuatu) maka bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah Mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya.*

Surah Ali 'Imran (3): 159.

Dari penjelasan kedua ayat ini maka dapat disimpulkan bahawa syura merupakan prinsip asas dalam pengurusan Islam yang harus diterapkan dalam setiap fungsi-fungsi pengurusan disamping tidak mengabaikan beberapa prinsip lainnya seperti kerja berpasukan dan prinsip keadilan.

### **2.1.3 Fungsi-fungsi Pengurusan**

#### **a. Perancangan.**

Perancangan secara bahasa bererti perbuatan mengatur lebih dahulu, mempersiapkan, merencanakan.<sup>60</sup> Secara istilah George R. Terry mendefinisikan sebagai proses memilih dan mengkaitkan fakta-fakta dan membuat andaian-andaian tentang masa hadapan dalam suatu gambaran dan rumusan tentang cadangan aktiviti-aktiviti yang diyakini dapat dicapai hasilnya.<sup>61</sup>

---

<sup>60</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1280.

<sup>61</sup> George R. Terry (1977), *op.cit.*, h. 173.

Perancangan dakwah menurut Rozhan Othman adalah proses menyatukan dan menjuruskan segala sumber organisasi yang terhad secara optimum untuk mencapai matlamat dakwah.<sup>62</sup>

Ahmad Ibrahim Abu Sin menjelaskan bahawa perancangan ialah mengkaji aspek-aspek atau perkara-perkara yang berbagai-bagai sebelum melakukan sesuatu kerja, kemudian memilih satu-satu cara yang paling baik yang membolehkan tercapainya matlamat dalam masa tertentu, mengikut keupayaan serta suasana dan keadaan yang tertentu.<sup>63</sup>

Perancangan adalah proses yang sangat penting dalam pengurusan. Dalam al-Qur'ān pentingnya perancangan terdapat dalam al-Qur'ān Surah al-Ḥashr ayat 18.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ  
لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

Maksudnya:

*Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat) dan (sekali lagi diingatkan): Bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi PengetahuanNya akan segala yang kamu kerjakan.*

Surah al-Ḥashr (59): 18.

Dalam mengatur pembuatan rancangan, para pakar pengurusan memberikan berbagai cara untuk membuatnya. Menurut Nana Rukmana, langkah awal yang paling penting dalam tahapan penyusunan rancangan dakwah adalah mengenali dan merumuskan masalah yang dihadapi masyarakat. Langkah berikutnya adalah

<sup>62</sup> Rozhan Othman (1990), *op.cit.*, h. 19.

<sup>63</sup> Ahmad Ibrahim Abu Sin (2002), *op.cit.*, h. 111.

menentukan sasaran dakwah yang akan dijadikan objek dakwah. Pembahagian ini boleh berasaskan pembahagian dari aspek profesi atau kerjaya, (seperti pegawai kerajaan, syarikat swasta, petani, pedagang, cek gu atau masyarakat awam) aspek umur (iaitu anak kecil, remaja, orang tua), jantina (lelaki, perempuan), atau kualifikasi berasaskan status sosial (orang kaya, miskin, para pemimpin syarikat, kaki tangan dan lain-lain). Setelah menentukan siapa yang menjadi sasaran dakwah telah ditentukan, maka langkah selanjutnya adalah dengan merumuskan isi kandungan dakwah yang sesuai dengan keperluan sasaran dakwah sesuai dengan kelayakannya.<sup>64</sup>

Dalam melakukan perancangan Rahimin Affandi Abdul Rahim mencadangkan bagi pertubuhan Islam mahupun menghadapi sasaran dakwah agar dilakukan dengan perancangan SMART. *specific, measurable, accesibble, realistic* dan *timelimit*.<sup>65</sup>

*Specific* ertinya perancangan harus jelas maksud maupun ruang lingkupnya. Tidak terlalu meluas dan terlalu idealis. *Measurable* ertinya program kerja atau rencana harus dapat diukur tingkat kejayaannya, bukan sebuah anggan-angan. *Realistic* ertinya sesuai dengan kemampuan dan sumber daya yang ada, tidak terlalu mudah dan tidak terlalu susah meskipun tetap mempunyai cabaran. *Time* ertinya ada had waktu yang jelas. Setiap minggu, setiap bulan, setiap tiga bulan, setiap semester atau setiap tahun. Sehingga mudah untuk dikawal dan dinilai.

---

<sup>64</sup> Nana Rukmana (2009), *op.cit*, h. 221.

<sup>65</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), "Ilmu dan Kepimpinan Islam". Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi, *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 34-35.



Dalam membuat perancangan George R Terry memberikan panduan melalui soalan-soalan asas yang biasa dikenal dengan pertanyaan "5 W's dan How" iaitu<sup>66</sup>

1. Why must it done?
2. What action is necessary?
3. Where will it take place?
4. When will it take place?
5. Who will do it?
6. How will it be done?

## **b. Pengorganisasian**

Menurut George R Terry, pengorganisasian adalah usaha membina hubungan yang berkesan antara orang-orang sehingga mereka dapat bekerja sama secara cekap dan memperoleh kepuasan peribadi dalam melakukan tugas-tugas yang dipilih di bawah keadaan persekitaran yang diberikan dengan tujuan untuk mencapai suatu tujuan atau matlamat.<sup>67</sup>

Pengorganisasian juga dapat ditakrifkan sebagai penyusunan sumber-sumber organisasi tersebut ke dalam bentuk kesatuan dengan cara yang berkesan agar matlamat dan objektif organisasi yang dirancang dapat dicapai. Pengorganisasian menentukan cara mana matlamat tersebut akan dicapai dan menetapkan peranan dan tugas yang mesti dijalankan oleh pihak yang terlibat dalam satu organisasi dan hubungan satu sama lain.<sup>68</sup>

A Rasyad Shaleh mendefinisikan pengorganisasian sebagai rangkaian aktiviti menyusun suatu kerangka yang menjadi wadah bagi segenap kegiatan usaha dakwah dengan jalan mengagihkan dan membahagikan pekerjaan-pekerjaan yang harus dilaksanakan serta menetapkan dan menyusun pola hubungan kerja di antara bahagian-

---

<sup>66</sup> George R. Terry (1977), *op.cit.*, h. 201.

<sup>67</sup> *Ibid.*, h. 264.

<sup>68</sup> Jaafar Muhammad (1997), *Asas Pengurusan*. cet.6, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd., h. 62.

bahagian organisasi atau pengurusnya.<sup>69</sup> Pengorganisasian menurut Berhanudin Abdullah lebih dikenal sebagai pembahagian tugas bagi anggota organisasi serta mengatur sumber fizikal dan tenaga secara tersusun dan dimaksimumkan penggunaannya.<sup>70</sup>

Dari penjelasan teori tentang pengorganisasian dapat difahami bahawa perancangan yang telah dibuat pada waktu awal diperlukan pihak-pihak yang akan melaksanakan perancangan tersebut. Siapa yang menjadi pimpinan, siapa yang bertanggung jawab terhadap pentadbiran organisasi, siapa yang memegang kewangan dan lain sebagainya. Pengagihan tugas seperti ini adalah merupakan inti dari pengorganisasian.

### **c. Pelaksanaan**

Pelaksanaan menurut George R Terry adalah usaha untuk mendapatkan semua ahli kumpulan anda mau dan berusaha untuk mencapai matlamat daripada organisasi dan para ahli, kerana ahli yang ingin mencapai tujuan tersebut.<sup>71</sup>

Dalam buku *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qur'ani* yang dimaksud dengan pelaksanaan adalah proses menterjemahkan segala yang telah dirancangan ke dalam sejumlah tindakan menurut urutannya. Proses ini perlu dilakukan dengan tegas, yakin berani dan tanpa ragu-ragu.<sup>72</sup>

---

<sup>69</sup> A. Rasyad Shaleh (1977), *op. cit.*, h. 88.

<sup>70</sup> Berhanudin Abdullah (2000), "Pentadbiran Organisasi Dakwah". dalam Abdul Ghafar Don, Berhanudin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani (2000), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 41-42.

<sup>71</sup> George R. Terry (1977), *op. cit.*, h. 371.

<sup>72</sup> Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *op. cit.*, h. 30.

Pada fungsi yang ketiga ini diharapkan semua anggota kumpulan dalam organisasi, siapapun yang terbabit dalam aktivitiya boleh bekerja dengan ikhlas dan sungguh-sungguh, penuh kreativiti yang berasaskan dengan rasa tanggung jawab yang tinggi. Maka dalam hal ini, seorang pengurus agar para anggota mau melaksanakan rancangan dan susunan yang telah ditetapkan hendaklah memperhatikan keperluan para anggota, terutama keperluan asas yang diperlukan oleh mereka. Kepuasan anggota terhadap amalan-amalan yang ditetapkan para pengurus akan membuat mereka berpuas hati dengan menjalankan rancangan dengan telus, ikhlas dan sungguh-sungguh.<sup>73</sup>

Dari pendedahan tentang makna fungsi pelaksanaan di atas, maka beberapa langkah yang dilaksanakan ialah, memberikan sokongan atau motivasi, memberikan bimbingan, melaksanakan penyelarasan, komunikasi, dan pembangunan insan. Ertinya pada fungsi ketiga ini bagaimana semua program yang telah dirancang dan tugas-tugas yang diagihkan boleh terlaksana dengan baik atau cekap dan berkesan dengan sokongan seluruh pengurus dan anggota organisasi.

#### **d. Kawalan**

Kawalan mengikut George R Terry adalah suatu proses menentukan apa yang sedang dicapai, iaitu penilaian prestasi yang telah terlaksana dan jika perlu menerapkan ukuran perbaikan pelaksanaan sehingga berlangsung sesuai dengan rancangan.<sup>74</sup>

Hampir sama dengan pendapat di atas, Jaafar Muhammad mentakrifkan kawalan sebagai satu proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan.<sup>75</sup>

---

<sup>73</sup> Khatib Pahlawan Kayo, (2007), *Manajemen Dakwah, Dari Dakwah Konvensional Menuju Dakwah Profesional*. Jakarta: Amzah, h. 36.

<sup>74</sup> George R. Terry (1977), *op.cit.*, h. 481.

<sup>75</sup> Jaafar Muhammad (1997), *op.cit.*, h. 213.

Kawalan adalah salah satu fungsi manajemen dengan membuat penilaian terhadap pelaksanaan dan apa yang telah dicapai, bila perlu memperbaiki sehingga apa yang dilakukan dapat dihalai mencapai tujuan dan matlamat yang telah digariskan semula. Fungsi yang besar dari kawalan adalah memastikan segala pengurusan itu berjalan mengikut jadual, mendedahkan kelemahan dan kesilapan bahagian-bahagian dalam pengurusan dan bertindak segera untuk membetulkan kelemahan khususnya jika berlaku penyelewengan.<sup>76</sup>

Secara am menurut Rozhan Othman kawalan terbahagi kepada tiga bentuk iaitu:

1. Kawalan awal: iaitu kawalan yang dilakukan sebelum proses atau aktiviti dijalankan. Tujuan utamanya ialah memastikan segala input yang digunakan dalam aktiviti memenuhi keperluan.
2. Kawalan Selari: iaitu kawalan yang dilakukan sepanjang tugas dilakukan. Tujuannya ialah memastikan semua aktiviti berjalan sesuai dengan perancangan.
3. Kawalan maklumbalas: iaitu kawalan yang dilakukan dengan menilai output sesuatu proses atau aktiviti. Tindakan yang diambil ialah ke atas input dan proses.<sup>77</sup>

Dalam kawalan menurut teori pengurusan terdapat langkah-langkah yang perlu disiapkan iaitu: menetapkan piawaian, mengadakan pemeriksaan dan penilaian terhadap pelaksanaan tugas yang telah ditetapkan, membandingkan antara pelaksanaan dan piawaian, dan mengadakan perbaikan dan pembedulan terhadap pelaksanaan.<sup>78</sup>

1. Menetapkan piawaian.

---

<sup>76</sup> Mustafa Haji Daud (1997), *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan, h. 65.

<sup>77</sup> Rozhan Othman (1990), *op.cit.*, h. 46-47.

<sup>78</sup> A. Rasyad Shaleh (1977), *op.cit.*, .h. 153.

Dalam aktiviti dakwah perlu dibuat piawaian sebagai pengukur-pengukur kejayaan aktiviti dakwah. Sebagai contoh jumlah ahli yang datang di majlis taklim haruslah selalu dikawal agar mereka merasa senang dan mendapatkan manfaat, ilmu pengetahuan daripada aktiviti di majlis taklim.

2. Mengadakan pemeriksaan dan penilaian terhadap pelaksanaan tugas dakwah yang telah ditetapkan.

Adakah pendakwah, pengurus dan jamaah sentiasa datang tepat waktu? adakah masa yang digunakan cukup atau kurang? Mengapa para jamaah tidak banyak yang datang? Soalan-soalan ini dibuat bagi mengetahui masalah-masalah yang wujud dalam pelaksanaan dakwah.

3. Membandingkan antara pelaksanaan dan piawaian.

Setelah mengadakan pemeriksaan, pendakwah hendaklah membandingkan antara piawaian dan pelaksanaan. Apabila ia telah berjalan sesuai dengan piawaian maka hendaklah diteruskan. Apabila ia tidak berjalan sesuai dengan piawaian hendaklah pendakwah merubah strategi atau cara yang tepat bagi menjayakan aktiviti dakwah.

4. Mengadakan perbaikan dan pembetulan terhadap pelaksanaan.

Para pengurus dan pendakwah hendaklah mahu untuk mendengar masukan atau ide-ide dari para jamaah. Perlu adanya kerja sama yang erat antara seluruh pihak yang terlibat dalam sesebuah organisasi. Hal ini kerana salah satu prinsip pengurusan adalah kerja berpasukan. Maka seluruh pihak sama ada pengurus, pendakwah, pegawai dan jamaah haruslah bekerjasama bagi melakukan pembetulan dan perbaikan terhadap masalah yang belum sesuai dengan apa yang diharapkan.

## 2.2 Majelis Taklim

### 2.2.1 Pengenalan Majelis Taklim

Majlis taklim berasal dari bahasa Arab yang terdiri dua suku kata yakni *majlis* berarti tempat dan *taklim* berarti belajar. Gabungan dari dua kata tersebut ialah *majlis taklim*. Secara bahasa majlis taklim bererti tempat belajar. Secara istilah majlis taklim adalah sebuah lembaga pendidikan tidak formal yang memiliki jamaah dengan jumlah yang relatif banyak, usia yang pelbagai, memiliki kurikulum berbasis keagamaan dan waktu yang fleksibel sesuai keperluan jamaah.<sup>79</sup>

Meskipun demikian istilah ini tidak dapat dilepaskan dari tradisi pengajian yang berlaku sejak daripada zaman Rasulullah SAW. Menurut Hasbullah, majlis taklim merupakan lembaga pendidikan tertua dalam Islam, kerana ia sudah dilaksanakan sejak zaman Rasulullah SAW. Meskipun tidak disebut dengan majlis taklim. Namun begitu, pengajian Nabi Muhammad SAW yang berlangsung secara sembunyi-sembunyi di rumah Arqam bin Abil Arqam dapat dianggap sebagai majlis taklim dalam konteks pengertian sekarang. Begitu juga di Indonesia, terutama pada masa penyiaran Islam oleh para wali-wali dahulu, mereka juga menggunakan saluran majlis taklim untuk menyampaikan dakwahnya. Itulah sebabnya maka untuk Indonesia, majlis taklim juga merupakan lembaga pendidikan Islam tertua.<sup>80</sup>

Menurut Tuty Alawiyah majlis taklim adalah organisasi yang ditubuhkan oleh masyarakat secara murni. Mereka menubuhkan, menyusun, dan mengelola, mengembangkan dengan sokongan para ahli-ahli untuk memenuhi keperluan-keperluan yang mereka inginkan.<sup>81</sup>

---

<sup>79</sup> Khadijah Munir (2007), *op.cit.*, 12.

<sup>80</sup> Hasbullah (1996), *Kapita Selektta Pendidikan Islam*. Jakarta, PT. Raja Grafindo Persada, h. 96.

<sup>81</sup> Tuty Alawiyah (1997), *op.cit.*, h. 75.

Menurut Fakhru Adabi, kelas agama yang maknanya hampir sama dengan majlis taklim di masjid merupakan kelas pengajian yang membicarakan ilmu-ilmu Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah, khususnya perkara-perkara mengenai akidah, ibadat dan akhlak. Kebiasaannya kelas agama di masjid diadakan selepas solat maghrib dalam bentuk *halaqah* iaitu para pelajar atau pendengar mengelilingi guru. Ianya juga lebih berkonsepkan pendidikan secara tidak formal, pendidikan dewasa, dan pendidikan percuma yang tidak mengenakan bayaran pengajian kepada pelajarnya.<sup>82</sup>

Kementerian Agama memberikan definisi majlis taklim sebagai lembaga pendidikan Islam tidak formal yang mempunyai kurikulum sendiri, diselenggarakan secara berkala dan teratur, dan diikuti jemaah yang cukup ramai. Ia bertujuan untuk membina dan mengembangkan hubungan yang santun dan serasi antara manusia dan Allah SWT dan antara sesama manusia dengan lingkungannya dalam rangka membina masyarakat yang bertakwa.<sup>83</sup>

Dari istilah-istilah tersebut pengkaji mencuba untuk memberikan takrifan sendiri iaitu sebuah kumpulan di masyarakat yang melaksanakan pengkajian agama Islam, sama ada akidah, ibadah dan akhlak secara tidak formal secara teratur dan berterusan dengan tujuan silaturahmi, menambah ilmu, kefahaman dan meningkatkan amalan-amalan Islam untuk membina masyarakat yang beriman dan bertakwa.

---

<sup>82</sup> Fakhru Adabi Abdul Kadir (2007), *op.cit.*, h. 75-76

<sup>83</sup> Departemen Agama (2006), *Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majelis Taklim*, Palembang: Kantor Wilayah Provinsi Sumatera Selatan, h. 3.

### 2.2.2 Fungsi dan Matlamat Majlis Taklim

Menurut Khadijah Munir fungsi majlis taklim sekurang-kurangnya tiga iaitu: Sebagai lembaga keagamaan, sebagai lembaga pendidikan yang berorientasi dakwah dan sebagai lembaga pembangunan ekonomi dan sosial.<sup>84</sup>

Sementara Tuty Alawiyah memberikan empat fungsi wujudnya majlis taklim iaitu *pertama*, tempat memberi dan memperoleh tambahan ilmu dan kemampuan. *Kedua*, tempat mengadakan hubungan sosial, *Ketiga*, tempat mewujudkan keinginan sosial, *Keempat*, tempat untuk mendorong agar lahir kesedaran dan pengamalan yang boleh mensejahterakan kehidupan rumah tangga.<sup>85</sup>

Dalam buku pedoman pembimbingan majlis taklim, disebutkan bahawa majlis taklim sebagai lembaga pendidikan tidak formal menjadi penting kerana ia mempunyai beberapa fungsi, iaitu :

1. Membangun dan mengembangkan Agama Islam dalam rangka membentuk masyarakat yang bertakwa kepada Allah SWT.
2. Sebagai taman rekreasi rohani, kerana ia diselenggarakan dengan santai.
3. Sebagai tempat silaturahmi yang boleh meningkatkan semangat berdakwah dan ukhuwah islamiyah.
4. Sebagai saluran untuk berdialog antara para ulama, umara dan umat Islam
5. Sebagai saluran menyampaikan ide-ide moden yang bermanfaat bagi pembangunan umat.<sup>86</sup>

Matlamat majlis taklim menurut Tuty Alawiyah adalah menambah ilmu dan keyakinan beragama yang diharapkan dengannya akan mendorong pengamalan agama,

---

<sup>84</sup> Khadijah Munir (2007), *op.cit.*, h. 13

<sup>85</sup> Tuty Alawiyah (1997), *op.cit.*, h. 76.

<sup>86</sup> Departemen Agama (2006), *op.cit.*, h. 7.



silaturahmi dan meningkatkan kesedaran dan kesejahteraan rumah tangga dan lingkungan jamaahnya.<sup>87</sup>

Dengan beberapa penjelasan tentang fungsi dan matlamat majlis taklim maka majlis taklim berfungsi sebagai sebuah saluran bagi masyarakat untuk menambah ilmu dan pengetahuan keislaman, bersilaturahmi, berdiskusi, untuk menguatkan kefahaman terhadap ajaran-ajaran agama Islam dan melaksanakan dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, bagi para pendakwah dan ustaz majlis taklim merupakan saluran untuk berdakwah dan menyampaikan ide-ide keislaman yang bermanfaat bagi masyarakat.

### **2.3 Pengurusan Majlis Taklim.**

Dari penjelasan tentang teori-teori pengurusan dan maklumat tentang istilah majlis taklim di Indonesia maka yang dimaksud dengan pengurusan majlis taklim ialah usaha-usaha untuk merancang, mengorganisasi aktiviti majlis taklim untuk dilaksanakan dan dikawal sesuai dengan matlamat ditubuhkannya secara cekap dan bekesan.

#### **2.3.1 Matlamat Pengurusan Majlis Taklim**

Dakwah Islam yang dilaksanakan melalui aktiviti majlis taklim sudah bermula sejak masa para pendakwah awal di nusantara meskipun namanya tidak dikenal dengan majlis taklim melainkan pengajian yang berterusan kepada seorang guru agama, atau ceramah agama yang dilaksanakan pada hari-hari tertentu dengan menjemput penceramah yang khas. Melalui ilmu pengurusan diharapkan pelaksanaan majlis taklim di rumah-rumah, sekolah, masjid dan pejabat-pejabat yang pada amnya masih dilaksanakan tanpa perancangan mengikut kebiasaan yang telah lama berlaku sahaja akan berubah menjadi lebih baik.

---

<sup>87</sup> *Ibid*, h. 78.

Dengan menggunakan prinsip-prinsip pengurusan dan fungsi-fungsi pengurusan majlis taklim sebagai sebuah lembaga atau organisasi kecil di masyarakat dapat dikelola dengan lebih baik dari pada masa sebelumnya. Maka matlamat pengurusan majlis Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini mempunyai matlamat supaya pelaksanaan dakwah di majlis taklim tidak lagi terlaksana apa adanya, tanpa perancangan, tidak ada kurikulum, tidak sesuai dengan keperluan masyarakat, dan tidak ada penilaian terhadap kesan dari aktiviti majlis taklim, melalui pengurusan yang baik akan menjadi sebuah aktiviti dakwah yang terancang dengan baik, terorganisir dengan rapi, dikelola dengan profesional dan penuh tanggung jawab untuk mewujudkan masyarakat yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan.

Untuk menjadikan sebuah majlis taklim dikelola dengan pengurusan yang berkesan, Sri Haningsih memberikan beberapa contoh aktiviti yang harus dilakukan oleh masyarakat atau pengurus yang terbabit dengan majlis taklim iaitu dengan melakukan aktiviti-aktiviti berikut ini iaitu;<sup>88</sup>

1. Mesyuarat atau rapat program
2. Diskusi bersama antara pengurus dan para jama'ah
3. Studi banding dengan majlis taklim yang dianggap baik
4. Menerapkan konsep pengurusan dan pentadbiran moden
5. Melaksanakan pelbagai kegiatan dan kerjasama dengan pejabat-pejabat lain yang mempunyai komitmen untuk membangunkan majlis taklim

Dalam buku pelaksanaan bimbingan dan kurikulum mjelis taklim dijelaskan bahawa pentingnya melaksanakan aktiviti majlis taklim melalui pengurusan yang

---

<sup>88</sup> Sri Haningsih (2009), *op.cit.*, h. 19.

sebenarnya ialah kerana setakat ini kefahaman dalam berorganisasi masih belum menjadi kesedaran secara umum. Organisasi majlis taklim baharu bermakna sebagai tempat berkumpul sahaja bukan bekerja sama untuk kepentingan bersama.<sup>89</sup>

### **2.3.2 Unsur-unsur Majlis Taklim**

Majlis taklim mempunyai fungsi dan matlamat sebagai sebuah saluran bagi masyarakat untuk menambah ilmu dan pengetahuan keislaman, bersilaturahmi, berdiskusi, untuk menguatkan kefahaman terhadap ajaran-ajaran agama Islam dan melaksanakan dalam kehidupan sehari-hari. Maka, agar pengurusan majlis taklim menjadi lebih baik, majlis taklim hendaknya mempunyai unsur-unsur yang ada pada majlis taklim, iaitu:

#### **a. Jemaah**

Jemaah menurut Teuku Umar adalah kumpulan orang beribadat atau orang ramai.<sup>90</sup> Jemaah majlis taklim ialah kumpulan dari orang ramai yang mengikuti aktiviti pada majlis taklim. Pada umumnya, majlis taklim yang berjaya akan diikuti oleh jemaah yang ramai. Adapun majlis taklim yang kurang berjaya tidak begitu ramai diikuti oleh masyarakat di persekitaran. Bahkan muncul istilah majlis taklim yang *mati tidak, hidup tak mahu*. Ini merupakan gambaran tentang wujudnya majlis taklim yang jemaahnya tidak bertambah dan tidak memiliki aktiviti-aktiviti yang tersusun rapi.

#### **b. Pengurus**

Pengurus ialah orang yang mengurus atau orang yang menjalankan pengurusan.<sup>91</sup> Pengurus majlis taklim sebagai lembaga pendidikan tidak formal di masyarakat sepatutnya mempunyai kebolehan dan kemahiran yang diperlukan dalam bidang

---

<sup>89</sup> Departemen Agama (2006), *op.cit.*, h. 19-20.

<sup>90</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 621.

<sup>91</sup> *Ibid.*, h. 1780.

pengurusan. Menurut Mohammad Najib Abdul Ghafar berikut ini adalah ciri-ciri asas pengurus yang mempunyai kebolehan dan kemahiran:<sup>92</sup>

1. Bertindak balas terhadap perubahan;
2. Mempunyai rasa tanggung jawab;
3. Bertindak dengan yakin;
4. Mempunyai pemikiran konseptual;
5. Mempunyai kepelbagaian perspektif;
6. Boleh membuat jangkaan;
7. Menghormati orang lain;
8. Boleh berkomunikasi dan berkongsi visi; dan
9. Mempunyai kesedaran

Pengurusan diperlukan dalam semua organisasi, sama ada organisasi kecil mahupun besar, swasta atau badan kerajaan. Fungsi pengurusan bukan sahaja dipertanggungjawab kepada seorang pengurus besar atau pengarah tetapi kepada mereka yang diamanahi untuk mengurus bahagian-bahagian tertentu dalam sesebuah organisasi.

Menurut Juhary Ali dan Ishak Ismail, tugas-tugas yang harus dilakukan oleh pengurus hakikatnya terdapat 5 hal iaitu:<sup>93</sup>

1. Sebagai penyelarasan dan pengarah dalam organisasi yang mengawasi aliran kerja serta menyatupadukan semua unsur organisasi. Mereka mempunyai kuasa yang diberikan untuk orang lain yang berada di bawah tanggungjawab mereka.

---

<sup>92</sup> Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004), *Pembangunan Organisasi di Malaysia: Projek Pendidikan*, Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia, h.4-5.

<sup>93</sup> Juhary Haji Ali dan Ishak Ismail (2004), *Prinsip dan Amalan Pengurusan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 2, h. 6.

2. Pengurus bertanggungjawab menggunakan segala sumber dengan cekap untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan
3. pengurus tidak boleh lari daripada bertanggungjawab terhadap kegagalan dan kejayaan orang-orang di bawah jagaan mereka.
4. pengurus mengimbangkan matlamat dan menetapkan prioriti seperti menjalankan kerja-kerja yang penting dahulu atau dengan serta merta.
5. pengurus mewujudkan matlamat, perancangan dasar dan mengimplementasikan strategi.

Dalam majlis taklim sebagai sebuah organisasi kecil di masyarakat, pengurus majlis taklim mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab. Tugas dan tanggungjawab yang harus dilakukan oleh pengurus majlis taklim boleh dibahagikan kepada tiga peranan sebagaimana yang dikemukakan oleh Henry Mintzberg (1975) iaitu:<sup>94</sup>

1. Peranan sebagai penghubung atau orang perantaraan.
2. Peranan sebagai penyebar atau penyampai maklumat
3. Peranan sebagai pemutus keputusan.

### **c. Pendakwah**

Menurut Ab. Aziz Mohd Zin pendakwah ialah orang yang berusaha mengajak orang lain kepada Islam dengan cara-cara tertentu. Dengan itu menurutnya pendakwah hendaklah mempunyai kelengkapan secukupnya, yang berhubung dengan agama Islam, latar belakang sasaran dan kelengkapan dirinya sendiri<sup>95</sup> Erzy berpendapat bahawa pendakwah adalah golongan yang bertanggungjawab menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat.<sup>96</sup>

---

<sup>94</sup> *Ibid.*, h. 17.

<sup>95</sup> Ab. Aziz Mohd Zin (2003) *Pengantar Dakwah Islamiah*, cet. 3, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 136.

<sup>96</sup> Erzy Izanur'ain binti Haron (2008), *op.cit.*, h. 44.

Pendakwah pada majlis taklim adalah orang yang mengajak para jamaah untuk mengamalkan ajaran-ajaran Islam dengan memberikan ceramah atau pengajaran Islam sama ada akidah, fiqih, akhlak mahupun persoalan-persoalan semasa dari pandangan Islam pada pelaksanaan aktiviti dakwah di majlis taklim.

Oleh kerana pendakwah harus mempunyai kelengkapan ilmu, kesempurnaan iman dan mampu untuk berkomunikasi dengan masyarakat, maka menurut Ab Aziz Mohd. Zin yang menyokong penjelasan Ghalush, para pendakwah di majlis taklim paling tidak hendaklah memiliki 3 sifat ini iaitu:<sup>97</sup>

1. Luas pengetahuan dan maklumat
2. Kuat hubungan dengan Allah SWT
3. Baik hubungan dengan orang lain.

### **1. Luas pengetahuan dan maklumat**

Pendakwah yang mempunyai ketinggian ilmu pengetahuan dan luasnya maklumat mampu meletakkan mereka pada tahap yang tinggi dan dihormati oleh masyarakat. Pengetahuan yang harus mereka punyai adalah pengetahuan yang mendalam tentang Islam. Hal ini kerana mereka akan membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada masyarakat berlandaskan ajaran Islam yang benar. Maklumat semasa yang terhadap peristiwa-peristiwa yang berlaku dimasyarakat perlu dikenal pasti oleh pendakwah bagi memudahkannya dalam berdakwah.

---

<sup>97</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2003), *Op.Cit.*, h.137, Ahmad Ahmad Ghalush (t.t.), *al-Da'wah al-Islāmiyyah usūluha wa wasāiluha*. Kaherah: Dāru al-Kitāb, h. 225.

## **2. Kuatnya hubungan dengan Allah SWT**

Pendakwah yang ingin berjaya dalam melakukan aktiviti dakwah hendaklah memiliki hubungan yang kuat dengan Allah. Kerana Allah yang pada akhirnya memberikan hidayah kepada manusia. Oleh itu para pendakwah mesti terlebih dahulu menjadi generasi contoh yang telah mengamalkan ibadah-ibadah yang boleh mendekatkan dan menguatkan hubungan manusia dengan Allah. Para pendakwah tidak setakat berbicara secara lisan tetapi juga orang yang mengamalkan apa yang ia bicarakan. Mereka juga tidak lagi menjadi golongan yang hanya setakat mengamalkan kewajipan-kewajipan agama sahaja tetapi juga menjadi pengamal amalan-amalan sunnah yang boleh mendekatkan diri kepada Allah, seperti memperbanyak sholat sunnah khususnya qiyamul lail, merutinkan membaca al-Qur'ān dan banyak berzikir kepada Allah serta amalan-amalan sunnah yang lainnya. Kerana hidayah kepada manusia berpuncakan dari Allah swt maka kuatnya hubungan seorang pendakwah dengan Allah swt menjadi faktor utama keberjayaan dakwah.

## **3. Baik hubungan dengan masyarakat**

Hubungan dengan masyarakat dilakukan melalui komunikasi dan perilaku yang ia tunjukkan. Oleh itu dalam komunikasi dan bertingkah laku para da'i wajib untuk mengamalkan akhlak Islam. Para pendakwah harus menghilangkan sifat sombong, bongkak atau suka menonjolkan diri kerana sifat demikian mampu merobohkan amalan-amalan kebaikan, menghapuskan pahala dan membawa akibat yang buruk.<sup>98</sup> Sikap suka berbangga diri dan menganggap hanya dirinya saja yang betul serta sering menyalahkan pendapat orang lain juga bertentangan dengan akhlak-akhlak Islami.

---

<sup>98</sup> Erzy Izanur'ain binti Haron (2008), *op.cit*, h. 45. Lihat Fatih Yakan (1994), *Halangan-halangan dakwah*. Drs. Ahmad Rofai Ayuddin et al. (terj.), Kuala Lumpur: al-Kautsar, h. 64.

#### **d. Kurikulum**

Kurikulum ialah skop dan isi kandungan sesuatu mata pelajaran di sekolah dan lain-lain tempat.<sup>99</sup> Kurikulum majlis taklim adalah rancangan pelajaran yang dibuat dan dilaksanakan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Maka kurikulum yang baik pada sesebuah majlis taklim ialah kurikulum yang dibuat berasaskan keperluan jemaah.<sup>100</sup>

Kurikulum terdiri dari isi kandungan dakwah yang akan disampaikan kepada jemaah yang hadir pada aktiviti majlis taklim. Pada amnya kurikulum mengandungi tiga unsur iaitu tujuan, isi kandungan, organisasi dan strategi.<sup>101</sup>

##### **1. Tujuan**

Ada dua jenis tujuan dalam kurikulum majlis taklim iaitu tujuan am dan tujuan khas. Tujuan am ialah tujuan majlis taklim pada amnya. Tujuan ini merupakan penjelasan daripada tujuan dakwah dan pendidikan Islam. Kerana perbezaan kualiti jemaah, perbezaan situasi dan kondisi dan juga perbezaan keinginan masyarakat maka akan muncul perbezaan antara satu majlis taklim dan lainnya.

Tujuan khas ialah penjabaran tujuan am. Ertinya tujuan khas adalah bentuk terperinci yang boleh dan mudah untuk diukur dan dinilai. Oleh kerana itu tujuan khas digambarkan dengan bentuk pengetahuan, kemahiran yang didapat, atau nilai dan sikap yang akan dipunyai setelah selesai mengikuti aktiviti majlis taklim.

---

<sup>99</sup> Teuku Umar, (2007), *op.cit.*, h. 856.

<sup>100</sup> Departemen Agama (2006), *Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majelis Taklim*, Palembang: Kantor Wilayah Provinsi Sumatera Selatan, h. 21.

<sup>101</sup> *Ibid.*, h. 22.



## 2. Isi Kandungan

Isi kandungan ialah pelajaran-pelajaran yang terdiri dari ilmu-ilmu keislaman atau maklumat am lainnya yang diperlukan jemaah. Seperti al-Qur'ān, hadith, fiqih, akidah, tafsir, dan ilmu-ilmu lain. Dengan tajuk khas, dan bahagian-bahagian yang terdapat di dalamnya.

## 3. Organisasi dan Strategi.

Organisasi dan strategi kurikulum adalah cara untuk menyusun pembahagian atau penggolongan pelajaran-pelajaran atau tajuk mengikut masa yang disediakan dan metode apa yang bersesuaian dengan isi kandungan yang disampaikan.<sup>102</sup> Dari tajuk yang besar diperincikan lagi sesuai dengan bahagian-bahagiannya kemudian menentukan metode penyampaian dan sarana-sarana apa yang diperlukan untuk menyokong kejayaan dalam memudahkan kefahaman jemaah terhadap isi kandungan yang disampaikan.

Menurut Sri Haningsih majlis taklim masa kini sudah seharusnya mempunyai kurikulum sendiri. Kurikulum taklim menurutnya ialah rancangan pengajaran (taklim) yang dibuat dan dilaksanakan untuk mencapai tujuan taklim yang telah ditetapkan. Kurikulum terdiri dari susunan isi kandungan taklim sebagai panduan seorang ustaz atau mu'allim dalam mengajar. Isi kandungan tersebut disusun berasaskan urutan per-pertemuan ke pertemuan berikutnya bagi memudahkan pengajar dan jama'ah.<sup>103</sup>

---

<sup>102</sup> *Ibid.*, h. 23.

<sup>103</sup> Sri Haningsih (2009), "Peranan Majlis Taklim Dalam Kehidupan Umat" (Kertas Kerja Workshop Manajemen Majlis Taklim Pondok Pesantren di Hotel Satya Graha Yogyakarta 11 Maret 2010), h. 20.

### e. Metode

Asas metode dakwah di majlis taklim dalam al-Qur'ān adalah surah al-Naḥl ayat 125

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ  
وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ  
ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya:

*Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.*

Surah al-Naḥl (16): 125

Ayat tersebut mengemukakan cara dakwah yang harus dilakukan oleh setiap pendakwah iaitu dengan cara hikmah, cara nasihat yang baik, dan dengan cara perbincangan, dialog dan perbahasan yang terbaik. Ketiga cara ini merupakan asas yang utama dalam metode dakwah.<sup>104</sup>

Selain itu para pendakwah juga boleh menggunakan pelbagai metode lain dalam berdakwah, seperti *targhīb wa tarhīb*, penceritaan, membawa perumpamaan, gurau senda, dialog dan soal jawab, mengambil peluang dari pelbagai keadaan, belajar dari

<sup>104</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, cet. 3. h. 8.

contoh teladan dan lain-lain lagi.<sup>105</sup> Metode dakwah di majlis taklim sama dengan metode dakwah secara am khususnya metode dakwah bil lisan.

#### **f. Sarana**

Sarana adalah segala sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat untuk mencapai atau melaksanakan sesuatu.<sup>106</sup> Sarana dalam majlis taklim adalah segala sesuatu yang dapat digunakan sebagai alat untuk memudahkan dalam pengajian agama Islam, sama ada pengajian dalam bidang akidah, ibadah dan akhlak dan lain-lain secara tidak formal tetapi teratur dan berterusan dengan tujuan silaturahmi, menambah ilmu, kefahaman dan meningkatkan amalan-amalan Islam untuk membina masyarakat yang beriman dan bertakwa.

Di antara sarana yang perlu disediakan adalah alatan-alatan yang menyokong pengajian agama Islam seperti kitab al-Qur'ān, al-Hadith, tafsir, dan kitab-kitab agama yang diperlukan, adanya alatan-alatan elektronik seperti mikropon, tape recorder, bahkan seharusnya pada masa kini juga mempunyai multi media seperti OHP, Laptop, dan Proyektor. Juga alatan-alatan dalam proses belajar mengajar seperti pen, buku, penghapus, papantulis, meja dan kerusi. Semua itu alatan-alatan yang boleh menyokong kemudahan dalam proses belajar mengajar di majlis taklim. Meskipun jika alatan tidak lengkap tetap harus dilaksanakan sesuai dengan kondisi yang ada.

#### **g. Tempat dan Waktu Pelaksanaan**

Tempat pelaksanaan majlis taklim pada lazimnya dilaksanakan di rumah, sekolah atau madrasah, dan masjid. Ketiga tempat ini adalah saluran utama dalam

---

<sup>105</sup> Syarul Azman bin Shaharudin (2006), "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling Kuala Lumpur" (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi pengajian Islam Universiti Malaya) h. 58. Abu al-Majd Sayyid Naufal (1977), *al-Da'wah Islāmiyyah Khaṣā'isuhā, muqawwamatuhā wa manhajuhā*, Kaherah, h. 189-194.

<sup>106</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1392

membangunkan pendidikan bagi umat Islam.<sup>107</sup> Selain itu, di beberapa tempat utamanya di pusat bandar, tidak sedikit pejabat-pejabat yang melaksanakan aktiviti majlis taklim untuk para pegawai dan kaki tangannya.

#### 1. Rumah.

Rumah ialah binaan untuk tempat tinggal.<sup>108</sup> Majlis taklim yang dilaksanakan di rumah bertujuan untuk mengeratkan silaturahmi di antara sesama jemaah. Selain itu terdapat pula alasan kerana jarak dari rumah para jemaah ke masjid cukup jauh sementara waktu pelaksanaan dilaksanakan pada malam hari selepas sholat isya'.

Menggunakan rumah sebagai tempat aktiviti dakwah pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW iaitu di rumah Arqam bin Abil Arqam. Melalui rumah tersebut, Rasulullah SAW menyeru kepada manusia agar masuk Islam, sehingga banyak kaum yang hadir pada pertemuan-pertemuan di darul Arqom itu yang kemudian masuk Islam.<sup>109</sup>

#### 2. Madrasah/Pondok Pesantren/Sekolah.

Yang dimaksud dengan madrasah atau pondok pesantren dan juga sekolah adalah tempat untuk belajar dan mengajar.<sup>110</sup> Terdapat pula majlis taklim yang dilaksanakan di sekolah. Jemaah yang datang pada majlis taklim di sekolah adalah dari golongan ibu bapa para pelajar yang belajar di tempat tersebut dan juga masyarakat yang wujud di persekitaran.

---

<sup>107</sup> Departemen Agama, (2006), *op. cit.*, h.9-10, Abdurrahman Al Nahlawi (1995), *Pendidikan Islam di Rumah, Sekolah dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insani Press, h. 136-150.

<sup>108</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1350.

<sup>109</sup> Muhammad Amahzun (2006), *Manhaj Dakwah Rasulullah*, Jakarta: Qisthi Press, cet.2. h. 156.

<sup>110</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1415.

### 3. Masjid

Masjid mempunyai erti tempat sujud. Iaitu suatu binaan, gedung yang dibina secara khas sebagai tempat beribadah kepada Allah SWT, khasnya bagi mengerjakan solat. Istilah masjid berasal dari kata *sajada, yasjudu* yang bererti bersujud atau menyembah. Selain digunakan untuk tempat melaksakan ibadah solat lima waktu, solat jum'at, solat tarawih dan ibadah-ibadah lainnya masjid juga digunakan untuk kegiatan dakwah Islam, pendidikan agama, pengajian dan kegiatan lain yang bersifat sosial.<sup>111</sup> Majlis taklim paling ramai dilaksanakan di pelbagai masjid. Malahan masjid yang tidak mempunyai aktiviti majlis taklim boleh menunjukkan kurangnya aktiviti dalam pengimaran masjid tersebut.

### 4. Pejabat.

Pejabat ialah bangunan sama ada ruang mahupun bilik dan lain sebagainya yang digunakan sebagai tempat bekerja atau tempat diselenggarakannya pelbagai urusan.<sup>112</sup> Majlis taklim juga wujud di pelbagai pejabat sama ada kerajaan, perusahaan, mahupun pertubuhan yang dilaksanakan secara rutin. Adapun jemaah daripada majlis taklim di pejabat adalah para pekerja dan keluarga pekerja istri mahupun suami mereka.

Manakala waktu dan masa pelaksanaan majlis taklim terpulang kepada mesyuarat para pengurus dan jemaah. Pada amnya majlis taklim yang dilaksanakan di masjid untuk golongan wanita dilaksanakan antara waktu ashar dan maghrib. Manakala untuk golongan lelaki dilaksanakan antara sholat maghrib dan isya' atau selepas sholat isya' sehingga pukul 10.00 Malam. Manakala majlis taklim yang dilaksanakan di sekolah, pesantren dan madrasah dilaksanakan pada hari jum'at atau pada hari ketika

---

<sup>111</sup> Ensiklopedi Islam 3, "Masjid" Jakarta: PT IChtiar Van Hoeve, h. 169

<sup>112</sup> Teuku Umar(2007), *op.cit.*, h. 594.

sekolah cuti iaitu hari ahad pada pagi atau sore hari. Sedangkan untuk pejabat pada amnya dilaksanakan pada hari jum'at.

Adapun masa yang digunakan adalah 1 hingga 2 jam, yang terdiri dari ceramah, tanya jawab dan pelbagai aktiviti lain sesuai dengan kesepakatan para pengurus. Waktu yang digunakan juga berasaskan mesyuarat pengurus yang pada lazimnya seminggu sekali, dua minggu atau satu bulan sekali atau seminggu dua kali perjumpaan.

Dengan memahami teori-teori dalam bab 2 ini diharapkan dapat dijadikan asas dalam mengurus majlis taklim. Kajian kepustakaan tentang pengurusan majlis taklim dengan tujuan dan matlamatnya serta ciri-cirinya perlu difahami oleh masyarakat yang terbabit dengan pengurusan majlis taklim sama ada dari pihak pemerintah dalam hal ini Kementerian Agama, mahupun para pendakwah seperti guru agama atau ustaz yang menjadi pengajar dan juga masyarakat yang menjadi pengurus sekaligus jemaah dalam majlis taklim

**BAB III**  
**GURU AGAMA DAN PENGURUSAN MAJLIS TAKLIM DI PROVINSI**  
**SUMATERA SELATAN**

**3.1 Pengenalan Sumatera Selatan**

Wilayah Sumatera Selatan lebih dikenal dengan pusat bandarnya, yaitu Palembang. Menurut J.L Van Sevenhoven, asal kata Palembang dari suatu kata Jawa yaitu *limbang* yang bererti membersihkan biji atau logam dari tanah atau benda-benda lainnya dan *pa* iaitu suatu kata hadapan yang digunakan oleh orang-orang Jawa dan Melayu bila mereka hendak menyebut suatu tempat. Maka kata Palembang mempunyai erti sebagai tempat untuk membersihkan logam-logam emas urai dan biji timah<sup>113</sup>

Djohan Hanafiah lebih menyetujui dengan makna yang dikemukakan oleh R.J. Wilkinson dalam kamusnya *A Malay English Dictionary* iaitu *Lembang* yang bererti tanah yang berlekuk, tanah yang rendah, akar yang membengkak kerana terendam lama dalam air. Sedangkan arti *pa* atau *pe* menunjukkan keadaan atau tempat. Sehingga Palembang lebih tepat diertikan sebagai tempat dimana banyak tanah yang berair. Hal yang mensokong pendapat ini adalah kerana di Sumatera Selatan terdapat banyak sungai-sungai besar dan lebih dari 117 buah anak-anak sungai.<sup>114</sup>

Palembang sejak berabad yang lalu dikenal juga dengan sebutan Bumi Sriwijaya. Pada abad ke-7 hingga abad ke-12 Masehi wilayah ini merupakan pusat bandar kerajaan Sriwijaya yang juga terkenal dengan kerajaan maritim terbesar dan terkuat di Nusantara. Gaung dan pengaruhnya bahkan sampai ke Madagaskar di benua

---

<sup>113</sup> J.L. Van Sevenhoven (1971), *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Sugarda Purbakawatja, (terj.), Djakarta: Bhratara. h. 12. (terj.) dari *Beschrijving van de Hoogdplaats van Palembang* yang diterbitkan dalam VBGKW, IX, 1825, h. 41-126. Belanda

<sup>114</sup> Djohan Hanafiah (1995), *Melayu-Jawa Citra Budaya dan Sejarah Palembang*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 15-16.

Afrika. Sejak abad ke-13 sampai abad ke-14, wilayah ini berada di bawah kekuasaan kerajaan Majapahit. Selanjutnya wilayah ini pernah menjadi daerah tak bertuan dan bersarangnya rompak laut daripada antarabangsa terutama dari negeri China. Pada awal abad ke-15 berdirilah Kesultanan Palembang yang berkuasa sampai datangnya penjajahan Barat, lalu disusul oleh penjajahan oleh Jepun.<sup>115</sup>

Setelah kemerdekaan, Sumatera Selatan menjadi salah satu Provinsi<sup>116</sup> di Republik Indonesia. Provinsi Sumatera Selatan dibentuk pada tanggal 12 September 1950 berasaskan Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang (PERPU) No. 3 Tahun 1950 dengan ibukota Palembang. Ketika itu provinsi ini meliputi keresidenan Palembang, keresidenan Bangka-Belitung, keresidenan Bengkulu dan keresidenan Lampung. PERPU tersebut kemudian dikuatkan dengan Undang-Undang Darurat No. 16 Tahun 1955 dan Undang-Undang No. 25 Tahun 1959.<sup>117</sup>

Pada tahun 1960, kehidupan pemerintahan di Sumatera Selatan mengalami banyak perubahan. Wilayah Sumatera Selatan menjadi lebih kecil kerana keresidenan Lampung dijadikan provinsi sendiri berdasarkan PERPU No. 3 tahun 1964 dan UU No. 14 tahun 1964. Empat tahun kemudian keresidenan Bengkulu pun menyusul keluar menjadi Propinsi sendiri.<sup>118</sup> Pada tahun 2000 daerah Bangka Belitung ditetapkan sebagai provinsi ke-31 oleh Pemerintah Republik Indonesia berdasarkan Undang-Undang No. 27 Tahun 2000 tentang Pembentukan Provinsi Kepulauan Bangka Belitung.<sup>119</sup>

---

<sup>115</sup> Pemerintah Republik Indonesia, Sejarah Sumatera Selatan, [http://www.indonesia.go.id/id/index.php?option=com\\_content&task=view&id=2602&Itemid=1374](http://www.indonesia.go.id/id/index.php?option=com_content&task=view&id=2602&Itemid=1374), Isnin 7 Disember 2009.

<sup>116</sup> Provinsi ialah daerah yang di bawah jagaan seorang gabenor wilayah. Lihat Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1236

<sup>117</sup> Profil Provinsi Republik Indonesia (1992), *Sumatera Selatan*, Jakarta : Pemrakarsa, h. 1.

<sup>118</sup> *Ibid.*, h.1-2.

<sup>119</sup> Provinsi Kepulauan Bangka Belitung, *Sekilas Sejarah*, <http://www.babelprov.go.id/content/sekilas-sejarah>, Isnin 7 Disember 2009



Setelah perubahan-perubahan secara pentadbiran, saat ini Provinsi Sumatera Selatan terdiri daripada 15 kabupaten / kota iaitu, kota Palembang, kabupaten Ogan Ilir, kabupaten Ogan Komering Ilir, kabupaten Musi Banyuasin, kabupaten Banyuasin, kabupaten Ogan Komering Ulu, kabupaten Ogan Komering Ulu Selatan, kabupaten Ogan Komering Ulu Timur, kota Prabumulih, kabupaten Muara Enim, kabupaten Lahat, kota Pagar Alam, Empat Lawang, kabupaten Musi Rawas dan kota Lubuk Linggau.

Berasaskan laporan dalam pentadbiran masa kini, Provinsi Sumatera Selatan terletak antara 01° - 04° Lintang Selatan dan 102° - 106° Bujur Timur dengan sempadan pentadbiran dengan :

- a. Provinsi Jambi di sebelah Utara,
- b. Provinsi Lampung di sebelah Selatan
- c. Provinsi Bangka Belitung di sebelah Timur, dan
- d. Provinsi Bengkulu di sebelah Barat.

Pada masa kini, Provinsi Sumatera Selatan mempunyai luas wilayah seluruhnya ± 87.017,42 km<sup>2</sup> atau 8.701.742 Ha, termasuk kawasan hutan, sungai, danau, daerah rawa dan tepian pantai. Ibukota Provinsi Sumatera Selatan berada di Kota Palembang, yang mempunyai luas wilayah 421,01 km<sup>2</sup> dan merupakan pusat pemerintahan, pendidikan, kebudayaan, perniagaan dan industri. Jumlah penduduk Provinsi Sumatera Selatan pada tahun 2007 sebanyak 7.019.964 jiwa yang tersebar di sebelas kabupaten dan empat kota.<sup>120</sup>

---

<sup>120</sup> Badan Perencanaan Pembangunan Nasional BAPPENAS (2009), "Evaluasi Tiga Tahun Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional (RPJMN) tahun 2004 – 2009 di Provinsi Sumatera Selatan, Bersama Mencapai Perubahan". (Palembang: Laporan Universiti Sriwijaya), h. 18.

Secara keseluruhan, banci penduduk di Sumatera Selatan dari sisi jumlah pemeluk agama yang terdiri dari 5 agama terbahagi kepada Islam 6.601.075, 94.03% Kristian 120.225, 1.71 %, Katolik 84.147, 1.19 % Hindu 70.543,1.00 Budha 143.974. 2.05 %. <sup>121</sup> Maklumat ini menunjukkan Islam adalah agama terbesar jika dibandingkan dengan agama-agama lain dan merupakan potensi besar bagi umat Islam dari sisi modal insan secara kuantiti. Oleh itu kejayaan pendakwah Islam masa lalu menyebarkan agama Islam sehingga menjadi agama majoriti di Sumatera Selatan harus diteruskan oleh pendakwah-pendakwah masa kini dengan meningkatkan kualiti umat Islam yang sedia ada melalui dakwah dan pendidikan yang sistematik dan berterusan..

### **3.1.1 Islam di Sumatera Selatan**

Jumlah penduduk Muslim yang besar sebagaimana data di atas berlaku kerana proses Islamisasi Islam di Sumatera Selatan termasuk pada awal-awal masuknya Islam ke Indonesia. Dalam risalah seminar *Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia* di Medan pada tahun 1963, disimpulkan bahawa Islam menurut sumber-sumber yang diketahui untuk pertama kalinya masuk ke Indonesia pada abad pertama hijriah (abad ke-7 sampai ke-8 masehi) langsung dari Arab. Daerah yang pertama kali didatangi adalah Aceh. <sup>122</sup>

Sementara untuk Provinsi Sumatera Selatan berdasarkan kesimpulan Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan pada tanggal 29 November 1984 disimpulkan bahawa Islam telah pula masuk ke Sumatera Selatan pada pertama Hijriah atau abad ke-8 M dengan jalan damai melalui pelayaran dan perdagangan. Kumpulan muslim ini yang datang ke Sumatera Selatan selain berniaga, mereka juga berinteraksi dengan kumpulan masyarakat lainnya sehingga secara berangsur-angsur dan sesuai

---

<sup>121</sup> Data Penduduk Berdasarkan Agama di Provinsi Sumatera Selatan, H.M Yono Suryo, sumber: Laporan Kantor Wilayah Departemen Agama Provinsi Sumatera Selatan, September 2009.

<sup>122</sup> Uka Tjandrasasmita dan Hasan Muarif Ambari (1986), *Sejarah Masuknya Islam ke Sumatera Selatan*, dalam K.H.O. Gajah Nata dan Edi Sasono, Ed. (1986), *op.cit.*, h. 13.

dengan kondisi setempat tumbuhlah agama ini sepanjang abad ke-7 hingga abad ke-14 M.<sup>123</sup>

Hasil kesimpulan daripada seminar ini, juga diperkuat oleh pendapat seorang pakar sejarah Indonesia Taufiq Abdullah yang menjelaskan bahawa kemungkinan Palembang sebagai pusat Islam di bahagian selatan Pulau Emas ini bukan sahaja kerana ia tesohor sebagai pusat perniagaan yang ramai didatangi oleh peniaga-peniaga Arab atau Islam pada abad-abad kejayaan Sriwijaya, malahan ia juga disokong oleh kebesaran kerajaan Melaka, yang tak pernah melepaskan keterkaitannya dengan Palembang. Ia kemudian menyimpulkan bahawa pengislaman Palembang lebih lama daripada Minangkabau dan pedalaman Jawa, bahkan lebih awal daripada Sulawesi Selatan.<sup>124</sup>

Meskipun Islam telah masuk di Sumatera Selatan sejak abad pertama Hijriah, akan tetapi perkembangan Islam baru mulai nampak pada abad ke-15 setelah jatuhnya kerajaan Majapahit. Hal ini juga berdasarkan keputusan Seminar Masuk dan Berkembangnya Islam di Sumatera Selatan yang menjelaskan bahawa sejalan dengan surutnya peranan politik kerajaan Sriwijaya dan Majapahit, maka terjadilah pembangunan dan pengembangan Islam yang dilakukan tokoh-tokoh ulama dan pemuka masyarakat pada abad ke-15 M.

Menurut Slamet Mulyana penyebaran Islam di Sumatera Selatan juga dikembangkan oleh armada Tiongkok yang pertama kali masuk ke Nusantara melalui Palembang tahun 1407. Mereka mengusir perompak-perompak dari Hokkian Cina yang tinggal di Palembang. Kemudian Laksamana Cheng Ho membentuk kerajaan Islam di

---

<sup>123</sup> Djohan Hanafiah (1988), *Masjid Agung Palembang Sejarah dan Masa Depan*. Jakarta: CV Haji Masagung, h. 3.

<sup>124</sup> Taufiq Abdullah (1987), *Islam dan Masyarakat, Pantulan Sejarah Indonesia*. Jakarta: LP3S, h. 206.

Palembang. Namun begitu, kerajaan Demak lebih dikenal sebagai pendiri kerajaan Islam di Palembang.<sup>125</sup>

Pada awal abad ke- 16 mulai terbentuk dan tumbuh suatu pemerintahan yang bercorak Islam dan berkembang dengan pesat sampai ke daerah pedalaman. Pada masa perkembangan Islam, Palembang menghadapi cabaran dan halangan daripada penjajahan asing iaitu Belanda. Dan akhirnya pada abad ke-19 kesultanan Palembang berakhir digantikan oleh penjajahan Belanda. Meskipun begitu perjuangan terhadap penjajahan terus wujud yang dibangkitkan oleh semangat keislaman dalam menentang penjajahan.<sup>126</sup>

Dari perbagai pendapat para sejarawan dan penulis-penulis tentang Islam Sumatera Selatan dapat disimpulkan bahawa hingga kini Islam telah menjadi agama yang majoriti di Sumatera Selatan. Islam disebarkan oleh pelbagai umat Islam daripada Arab, China, Jawa, Melaka dan lain-lain. Malahan kerajaan Islam telah pula muncul yang menunjukkan kejayaan Islam di Sumatera Selatan,

### **3.1.2 Dakwah di Sumatera Selatan**

Sejak Islam masuk ke Sumatera Selatan dakwah telah disebarkan oleh umat Islam dari pelbagai tempat yang datang ke Palembang sama ada dari Arab, Tiongkok, Melaka mahupun daerah Jawa. Akan tetapi dakwah secara formal yang dilakukan oleh kerajaan dimulai sejak berdirinya kesultanan Palembang Darussalam.

---

<sup>125</sup> Wahyu Ilahi dan Harjani Hefni (2007) *Pengantar Sejarah Dakwah*. Jakarta: Kencana, h. 172. Slamet Mulyana (1968), *Runtuhnya Keradjaan Hindu Jawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara*. Jakarta: Bhratara.

<sup>126</sup> K.H.O. Gajah Nata dan Edi Sasono, Ed. (1986), *op.cit.*, h. 270-271.

Kesultanan Palembang Darussalam dirasmikan pada tahun 1675 oleh Susuhunan yang bergelar Sultan Abdurrahman Khalifatul Mukminin Sayidul Iman. Sultan Palembang ini mempunyai perhatian khusus pada agama Islam. Ia mendorong ulama-ulama Arab terutama Hadramaut untuk hijrah ke Palembang. Ulama-ulama Arab memegang peranan penting dalam memberikan pengaruh tradisi, ilmu pengetahuan mahupun budaya Islam di Palembang.<sup>127</sup>

Sebelum dirasmikan kerajaan Islam di Sumatera Selatan telah ada masjid yang ditubuhkan di Sumatera Selatan. Menurut Djohan Hanafiah masjid tua itu terletak di Kraton Kuta Gawang atau dikenal dengan Palembang Lama tetapi sudah hancur kerana dihancurkan oleh penjajah Belanda Mayor Joan Van Deer Laen pada tahun 1659 Masehi. iaitu pada peperangan pertama antara Belanda dengan Palembang.<sup>128</sup>

Beberapa tokoh dakwah yang ikut berperanan menyebarkan dakwah di Sumatera Selatan melalui pemikiran dan karya-karyanya menurut Azyumardi Azra pada abad ke-17 dan ke-18 antaranya ialah Abdul Shamad al-Palimbani, Syihabuddin, Kemas Fakhrudin, Muhammad Muhyiddin dan Kemas Muhammad.<sup>129</sup>

Drewes telah pula mensenaraikan beberapa ulama Palembang yang mempunyai karya-karya dalam bidang penulisan, antaranya: Syihabuddin bin Abdullah Muhammad, Kemas Fakhrudin, Abdul Samad al-Palimbani, Muhammad Muhyiddin bin Syekh

---

<sup>127</sup> Jalaludin (2001), *261 Tahun Masjid Agung dan Perkembangan Islam di Sumatera Selatan*. Palembang: Panitia Renovasi Masjid Agung Palembang, h. 6.

<sup>128</sup> JWJ Wellan (1939), *Bijdrage tot de Geschiedenis van de Masjid Lama te Palembang*, Culturrel Indie, vol. 1, h.305-314.

<sup>129</sup> Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*, Bandung: Mizan, h. 243-245.

Syihabuddin, Kemas Muhammad bin Ahmad dan Muhammad Ma'ruf bin Abdullah, karya-karya ini pada umumnya di bidang tasawuf dan tauhid.<sup>130</sup>

Zulkifli juga mencatat beberapa tokoh dakwah abad 18 dan 19 antaranya Syaikh Muhammad 'Aqib bin Hasanuddin, Syaikh Muhammad Azhary bin Abdullah, Masagus Haji Abdul Hamid bin Mahmud, Haji Abdul Rahmat Delamat, Haji Muhammad Azhari bin Abdullah bin Ma'ruf dan Haji Abdullah bin Muhammad Azhary.<sup>131</sup>

Dengan bilangan umat Islam masa kini di Sumatera Selatan yang mencapai bilangan 94 peratus, menunjukkan kejayaan dakwah yang telah dilakukan oleh para pendakwah masa lalu di Sumatera Selatan. Dari pelbagai tulisan tentang Islam di Sumatera Selatan menurut penulis kumpulan sasaran dakwah di Sumatera Selatan sejak masa lalu hingga kini terbahagi kepada empat, iaitu, 1) dakwah di istana 2) dakwah di daerah-daerah 3) dakwah di madrasah/pondok pesantren 4) dakwah di majlis taklim.

### **1) Dakwah di Istana.**

Islam tidak membezakan antara seorang dengan yang lain, walau apa keadaan sekalipun. Semua orang berhak mendapat penerangan mengenai Islam. Namun untuk lebih mempercepatkan penyebaran dakwah, golongan yang lebih berpotensi lebih diutamakan. Hal ini telah difahami oleh walisongo sebagai pendakwah. Oleh kerana itu Sunan Ampel dan kawan-kawannya berdakwah kepada Adipati Aria Damar dari Palembang. Beliau dan istrinya masuk Islam yang kemudian diikuti oleh pembesar

---

<sup>130</sup> G.W.J. Drewes (1977), *Direction For Travellers on the Mystic Path*, The Hague, h. 219-229 dalam karya ini Drewes mensenaraikan beberapa pengarang-pengarang dari Palembang dan kandungan karya-karya mereka serta dimana karya ini terdapat di pelbagai perpustakaan dunia.

<sup>131</sup> Lihat Zulkifli (1999), *Ulama Sumatera Selatan Pemikiran Dan Peranannya Dalam Lintasan Sejarah*. Palembang : Universitas Sriwijaya, h. 11- 40.

segenap anak negerinya<sup>132</sup> Dari Aria Damar inilah dakwah di kalangan Istana di Palembang di mulakan.

Menurut Ma'moen Abdullah dakwah Islam pada masa awal kepada golongan di istana di kerajaan-kerajaan Nusantara dilaksanakan dengan metode perkahwinan dengan putri-putri raja.<sup>133</sup> Setelah Islam berkembang di lingkungan istana kesultanan, maka kesultanan berkembang menjadi pusat Islamisasi di Palembang. Munculnya jawatan penghulu dan didirikannya masjid Agung oleh kesultanan merukan beberapa fakta berjayanya dakwah kepada Raja dan pimpinan di Sumatera Selatan.

Menurut catitan Steenbrink, Palembang menjadikan istana sebagai pusat sastra dan ilmu agama<sup>134</sup>, dalam pelaksanaannya Husni Rahim berpendapat bahawa ada kemungkinan bahawa istana lebih memfokuskan kepada aspek sastra dan tasawuf sedaangkan masjid pada aspek peribadatan dan fiqh.<sup>135</sup>

Hal ini disokong oleh pendapat Muhammad Yusuf Khalid yang menyatakan bahawa kebanyakan dari pendakwah Islam terdiri daripada pengamal tarekat tasawuf.<sup>136</sup> Pendekatan tasawuf adalah pendekatan dakwah yang digunakan di Palembang. Hal ini kerana tasawuf adalah pelajaran agama yang paling di senangi pada abad ke-18 M. Akan tetapi sayangnya ajaran ini boleh membuat orang ramai tersesat.

---

<sup>132</sup> Ab. Aziz Mohd. Zin (2005), *Metodologi Dakwah*, cet. 3, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 77. Lihat Widji Saksono (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa*, Bandung: Mizan.

<sup>133</sup> Lihat Ma'moen Abdullah, "Masuk dan berkembangnya Agama Islam pada Zaman Kesultanan Palembang: Suatu analisis", KHO Gajahnata, *op.cit.*, h. 43-44

<sup>134</sup> Karel A. Steenbrink (1984), *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia*. Jakarta: Bulan Bintang, h. 186.

<sup>135</sup> Husni Rahim (1998), *op.cit.*, h. 96.

<sup>136</sup> Muhammad Yusuf Khalid (2002), Peranan Tarekat Tasawuf dalam Dakwah Islamiyah, dalam *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam Kolej Universiti Islam Malaysia, h. 43.

Oleh itu, ulama asal Palembang yang menuntut ilmu di Mekkah Abdus Shamad al-Palimbani dari perhubungan yang luas dengan jemaah haji dan penuntut-penuntut ilmu yang datang ke Mekkah mendapat kesan bahawa tasawuf adalah bentuk ajaran agama yang paling disenangi di Indonesia, tetapi dalam hal itu pula kaum muslimin di sana sering tersesat dan mudah terpengaruh. Kerananya ia merasa amat perlu untuk menterjemah kitab-kitab tasawuf yang dianggapnya dapat memberikan bimbingan yang benar dan berkesan kepada peminat tasawuf.<sup>137</sup>

Oleh itu, ajaran tarekat menjadi berkembang pesat di daerah ini khususnya tarekat Sammaniah. Pesatnya perkembangan tarekat ini kerana ajaran tarekat Sammaniah menjadi ritual dan amalan rasmi di Kesultanan Palembang Darussalam. Ajaran tarekat Sammaniah secara terus menerus masih diamalkan oleh para penerusnya yang terkenal saat ini. Penerus ajaran yang masih hidup sampai saat ini adalah KH. M Zen Syukri dan Tunku Mudo Faisal Hamidi.<sup>138</sup>

## **2) Dakwah di Daerah-Daerah**

Setelah istana telah menjadi bahagian daripada Islam, dibangunkan Masjid Lama sekitar tahun 1552 oleh Ki Geding Sura. Setelah dihancurkan Belanda, didirikan kembali Masjid Baru pada tahun 1663. Pada tahun 1738 didirikan Masjid Agung oleh Sultan Mahmud Badaruddin sebagai lambang suatu negara Islam Kesultanan Palembang Darussalam. Dengan masjid ini sultan berharap akan dapat membina rakyat

---

<sup>137</sup> M. Chatib Quzwain (1996), *Mengenal Allah, Suatu Kajian Mengenai Ajaran Tasawuf Abdul Shamad Al-Palimbani*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd, h. 14.

<sup>138</sup> Kms. H. Andi Syarifuddin (2008), "Peranan Syekh Abdus Somad Al-Palembani dalam Penyebaran Tarekat Sammaniyah di Sumatera Selatan", (Kertas Kerja pada Symposiom Nasional Jejak Langkah Wali Allah di Sumatera Selatan, Palembang: Fakulti Adab IAIN Raden Fatah Palembang, 3 Disember 2008) h.



secara langsung dengan menjadi khotib sholat Jumat, ceramah agama, dan acara-acara keagamaan.<sup>139</sup>

Dari penubuhan masjid oleh pihak kerajaan menunjukkan bahwa perkembangan dakwah Islam di Palembang disokong oleh pihak kerajaan. Malahan, seorang sultan seperti Sultan Mahmud Badaruddin sering menjadi imam di Masjid. Beliau selalu berada di dekat para ulama untuk berdiskusi tentang masalah-masalah agama bahkan hingga masa perang.<sup>140</sup>

Setelah dakwah ini berkembang di pusat bandar Palembang, selanjutnya para ulama oleh kalangan istana sebagaimana yang diungkapkan oleh Salman Aly kemudian disebar ke daerah-daerah di wilayah Sumatera Selatan dan sekitarnya. Penyebaran para pendakwah seperti ini adalah gambaran bahwa sejak daripada dahulu telah wujud para pendakwah yang khusus diutus oleh kerajaan untuk berdakwah ke seluruh pelosok di Sumatera Selatan.

Untuk penyebaran dakwah ke daerah-daerah pedalaman Kesultanan mengirimkan para pendakwah ke seluruh pelosok wilayah. antaranya Khatib Ahmad, Kyai Haji Abdurahman Delamat, Kyai Haji Abdul Hamid Merogan di daerah Musi Banyuasin. Khatib dari Kurinci di daerah Buay Pemuka Beliung, dan Haji Jamaluddin yang dilanjutkan oleh Penghulu Umar di Martapura Ogan Komering Ulu.<sup>141</sup>

Dalam sistem Kesultanan, Sultan mempunyai seorang penasihat agama dan setiausaha. Ia juga didampingi pelaksana pemerintahannya sehari-hari sebagai

---

<sup>139</sup> Jalaludin (2001), *Op. Cit.*, h. 11, Husni Rahim (1998), *op.cit.*, h. 52.

<sup>140</sup> Salman Aly (1986), "Sejarah Kesultanan Palembang," K.H.O. Gajah Nata dan Edi Sasono, Ed. (1986), *op.cit.*, h. 159.

<sup>141</sup> *Ibid*, h. 159-160.

pelaksana harian dan didampingi oleh kepala pemerintahan setempat sebagai Kepala Daerah. Pada masa ini terdapat tiga orang sebagai dewan menteri terdiri Pangeran Natadiraja, Pangeran Wiradinata dan Pangeran penghulu nata agama yang mengatur tentang seluruh permasalahan agama Islam.<sup>142</sup>

Pada masa kesultanan, ulama terbahagi kepada tiga macam, iaitu ulama kesultanan, ulama penghulu, dan ulama bebas. Menurutnya ulama kesultanan berperan sebagai guru bagi sultan dan keluarganya serta bertugas memberikan masukan dan mendampingi dalam menjalankan roda pemerintahan. Sementara ulama penghulu atau birokrat merupakan pejabat agama yang bertugas mengurus masalah-masalah agama di kesultanan mencakup, bidang agama, kekeluargaan dan bidang kemasyarakatan. Dua jenis ulama ini mendapatkan gaji dari sultan. Adapun ulama bebas adalah ulama yang mendapat pengakuan dari masyarakat akan kualitas pengetahuan agama dan kesahihannya yang berperan di bidang pengajaran dan dakwah Islamiyah.<sup>143</sup> Dari sini nampak bahawa dakwah dikembangkan oleh seluruh ulama sama ada ulama di kerajaan, ulama yang menjawat sebagai penghulu dan juga ulama-ulama yang wujud di masyarakat.

Para ulama dari kalangan penghulu yang bertugas di daerahnya merupakan perpanjangan dari kesultanan. Sementara ulama-ulama yang tidak terikat dengan kesultanan lebih dikenal oleh masyarakat karena aktiviti dakwahnya di tengah-tengah masyarakat.

---

<sup>142</sup> Kms. H. Andi Syarifuddin (2008), *op.cit.*, h. 2.

<sup>143</sup> Zulkifli (1999), *Ulama Sumatera Selatan Pemikiran Dan Peranannya Dalam Lintasan Sejarah*. Palembang : Universitas Sriwijaya, h. 97-98.

### 3) Dakwah melalui Madrasah/ Pondok pesantren

Di Sumatera Selatan hingga dua dekade awal abad 20 M meskipun terdapat ulama-ulama yang memberikan pendidikan di masyarakat dan dakwah Islamiah belum terdapat lembaga pendidikan formal. Malahan di wilayah ini, sebelum abad 20 M juga tidak mengenal lembaga pesantren seperti di Jawa.<sup>144</sup>

Menurut Peeters sebelum tahun 1925 pengajaran agama di Palembang masih bersifat tradisional. Pengajaran hanya dijalankan di Surau dan Masjid kepada kelompok murid yang mempunyai umur yang berbeza-beza. Metodenya adalah pada peringkat awal diajarkan mengaji al-Qur'ān tanpa terlalu memperhatikan kefahaman terhadap teks mahupun lagu yang tepat. Peringkat selanjutnya adalah pengajaran bahasa Arab yang terutama terdiri dari menghafaz naskah sederhana. Peringkat selanjutnya bila telah menguasai bahasa Arab diizinkan untuk mengikuti pelajaran yang diberikan oleh ulama yang terkenal dan memberikan komentar dalam bahasa melayu.<sup>145</sup>

Setelah abad ke-20 menurut Husni Rahim baru terdapat beberapa catatan sejarah tentang lembaga pendidikan Islam yang muncul di Sumatera Selatan, antaranya:

1. Madrasah al-Qur'āniyyah, didirikan pada tahun 1920 oleh Kiayi Haji Muhammad Yunus di Palembang;
2. Sekolah Ahliah Diniyah, didirikan pada tahun 1920 di Palembang oleh Kiayi Masagus Haji Nanang Misri.
3. Madrasah/Pesantren Nurul Islam di Seri Bandung, didirikan Pada tahun 1932 di Tanjung Batu Ogan Komering Ilir oleh Kiayi Haji Anwar bin Haji Kumpul.
4. Madrasah Nurul Falah, didirikan di Palembang pada tahun 1934 oleh Kiayi Haji Abu bakar Bastari.

---

<sup>144</sup> *Ibid.*, h. 80.

<sup>145</sup> Jeroan Peeters (1998), *Kaum Tuo-Kaum Mudo: Perubahan Religius di Palembang 1821-1942*. Jakarta: INIS, h. 146.

5. Pendidikan Islam Air Itam, didirikan oleh Haji Abdul Hamid pada tahun 1937 di air itam musi ilir. Lembaga pendidikan ini pada tahun 1938 menggabungkan diri dengan syarikat Islam.
6. Madrasah Darul Funun, didirikan pada tahun 1938 di Palembang oleh Kiayi Haji Ibrahim.

Selain madrasah-madrasah di atas, Husni Rahim menambahkan berikutnya muncul lagi pelbagai madrasah seperti madrasah Salatiyah, Madrasah Tarbiyah Islamiah, Madrasah Nurul Huda dan lain-lain<sup>146</sup>

Pada masa kini, terdapat 344 Pondok Pesantren di Provinsi Sumatera Selatan yang terdaftar di Forum Pondok Pesantren Sumatera Selatan.<sup>147</sup> Dari pondok pesantren-pondok pesantren ini kemudian muncul pendakwah-pendakwah baru yang aktif berperan di masyarakat.

#### **4) Dakwah di Majlis Taklim**

Adanya kumpulan yang belajar di masjid dan surau merupakan warisan Islam yang dahulu dikenal dengan istilah *halaqah* di masjid-masjid pada masa awal-awal Islam. Pada masa kini istilah pengajian di masjid atau disurau mahupun di pejabat-pejabat di kenal dengan majlis taklim. Bahkan, pengajaran di masjid-masjid Sumatera Selatan tetap digalakkan sama ada dari kalangan kanak-kanak, remaja dan dewasa. Saat ini pengajarnya adalah dari kalangan ulama-ulama di masyarakat yang disokong oleh pemerintah dan pegawai pemerintah di Kementerian Agama yang tugas rasminya adalah berdakwah jawatan mereka dikenal dengan guru agama.

---

<sup>146</sup> Husni Rahim (1998), *op.cit.*, h. 173.

<sup>147</sup> Hj. Imam Barizi, Ketua Forum Pondok Pesantren (FORPESS) *Pemerintah Hentikan Dana Ponpes Papan Nama*, [http://www.sumselprov.go.id/index.php?pageNum\\_rss=34&totalRows\\_rs=107&module=newsdetail&id=3268](http://www.sumselprov.go.id/index.php?pageNum_rss=34&totalRows_rs=107&module=newsdetail&id=3268), Palembang, 5 Januari 2010.

Hingga kini tahun 2010 telah wujud 7.318 Masjid dan 4.250 surau yang tersebar di wilayah Sumatera Selatan. Di setiap masjid dan surau mayoritas terdapat majlis taklim yang dilaksanakan oleh masyarakat dengan pendakwahnya dari golongan ulama dan guru agama yang merupakan salah satu jawatan di Departemen Agama Sumatera Selatan. Masyarakat juga bekerja sama dengan organisasi agama yang ditubuhkan oleh pemerintah seperti Majelis Ulama Indonesia (MUI), dan organisasi agama yang ditubuhkan masyarakat seperti Nahdhatul Ulama, Muhammadiyah dan cawangan-cawangannya, pondok pesantren dan para da'i secara individu hingga kini terus berupaya membina masyarakat Sumatera Selatan menjadi masyarakat yang beriman dan bertakwa untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akherat.<sup>148</sup>

Kerana keberkesanan majlis taklim telah meningkatkan pengetahuan agama masyarakat di Indonesia. Maka, sejak tahun 2003 majlis taklim secara rasmi dimasukkan sebagai pendidikan tidak formal yang rasmi melalui Undang-Undang Republik Indonesia Nombor 20 Tahun 2003. Hal ini, menjadikan majlis taklim sebagai sarana dakwah yang perlu dikembangkan dengan serius agar boleh meningkatkan keimanan dan ketakwaan masyarakat Sumatera Selatan.<sup>149</sup>

Dalam konteks kekinian, dimana tidak terdapat lagi kerajaan di Sumatera Selatan, dakwah di kerajaan dapat diertikan dengan dakwah di pejabat-pejabat pemerintahan. Sementara dakwah di sekolah dan pesantren telah menjadi sebuah institusi pendidikan khas yang menciptakan generasi Islami. Dakwah melalui majlis taklim di masjid-masjid, pejabat dan sekolah-sekolah dapat diteruskan dengan pengurusan yang lebih cekap dan berkesan.

---

<sup>148</sup> Data rumah ibadah Provinsi Sumatera Selatan, Sumber: Kementerian Agama Kantor Wilayah Provinsi Sumatera Selatan, September 2009

<sup>149</sup> Undang-undang Sistem Pendidikan Nasional Nombor 20 Tahun 2003 Pasal 26 ayat 4.

### **3.1.3 Pengurusan Majlis Taklim di Sumatera Selatan**

Majlis taklim telah menjadi bahagian daripada kehidupan masyarakat Islam di Sumatera Selatan. Menurut Encik Siharuddin, M.Pd.I, Majlis taklim di Sumatera Selatan pada amnya dilaksanakan di masjid. Meskipun dalam satu masjid biasanya terbahagi menjadi dua golongan dengan waktu yang berbeza iaitu majlis taklim bapak-bapak dan ibu-ibu. kajian yang dilaksanakan lazimnya adalah kajian tafsir, akidah, fiqh. Kajian di majlis taklim dilaksanakan secara rutin mengikut kesepakatan antara pengurus dan jemaah.<sup>150</sup>

Dalam aspek pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan diharuskan untuk mempunyai pengurusan organisasi meskipun secara sederhana seperti ketua, bendahari dan setiausaha serta bahagian-bahagian lain jika memungkinkan dan melaporkan susunan pengurusan kepada Kementerian Agama di Kecamatan dan Kabupaten. Kepentingan adanya pengurusan dalam sesebuah organisasi seperti majlis taklim menurut Encik Siharuddin, adalah untuk mencegah daripada munculnya golongan-golongan yang mengajarkan ajaran-ajaran sesat dengan wujudnya suatu pengurusan pada sesebuah majlis taklim menjadikan aktiviti yang dilaksanakan di masjid boleh diketahui oleh pemerintah dan masyarakat.

Sayangnya di Sumatera Selatan meskipun diharuskan bagi setiap majlis taklim mempunyai susunan pengurusan, para pengurus yang terpilih belum berasas kepada kemahiran, melainkan dipilih kerana faktor umur yang lebih tua atau sesiapa yang mau aktif untuk menjadi pengurus sahaja. Hal ini berlaku kerana sistem pengurusan belum

---

<sup>150</sup> Encik Siharuddin, M.Pd.I., Kepala Bidang Bahagian Penamas Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan. Temubual pada 2 Disember 2009.

disokong dengan kewangan yang baik ia hanya berasas kepada keikhlasan para pengurus untuk mengurus majlis taklim.<sup>151</sup>

Dari dokumentasi yang penyelidik dapatkan di 5 wilayah kajian, baharu sejak tahun 2009, majlis taklim-taklim di Sumatera Selatan telah tercatat di Kementerian Agama Kabupaten untuk diberikan izin operasional pelaksanaannya. Hal ini bermaksud agar majlis taklim-majlis taklim yang ada telah dikenal pasti keberadaannya dan dapat diketahui perkembangannya pada masa hadapan. Ertinya pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan sebelum tahun 2009 belum diurus dengan berkesan oleh Kementerian Agama.

Meskipun secara pentadbiran yang terarkib sejak tahun 2009, dalam pelaksanaan majlis taklim di Sumatera Selatan melalui kementerian agama telah menyediakan kurikulum yang boleh digunakan oleh majlis taklim agar isi kandungan yang disampaikan oleh ustaz, penceramah atau guru agama tersusun secara sistematik. Tidak ada keharusan dalam menggunakan kurikulum yang disediakan oleh kementerian agamainya hanya sebagai panduan sahaja bagi majlis taklim yang mau menggunakannya.<sup>152</sup>

Jadual 3.1 berikut ini, adalah contoh dari kurikulum yang digunakan oleh beberapa majlis taklim di Sumatera Selatan.dengan berpandukan kurikulum daripada buku di Kementerian Agama.

---

<sup>151</sup> *Ibid.*

<sup>152</sup> Azmi Ahmad, Kepala Seksi Bahagian Penamas dan Pemberdayaan Masjid di Kantor Kementerian Agama Kota Palembang, Temubual pada 3 Disember 2009.

**Jadual 3.1**  
**CONTOH : KURIKULUM MAJLIS TAKLIM**

NO 1	Tema BAHASAN	TUJUAN	SUB BAHASAN	HURAIAN
	AQIDAH	Jama'ah menger ti , memahami & meyakini aqidah Islam, mengetahui sifat-sifat Allah agar terhindar daripada kemusyrikan dalam kehidupan sehari- hari.	1. Pengertian aqi- dah  2. Rukun Iman  3. Iman, Islam dan Ihsan  4. Mngenal Allah  5. Mengenal Ma- Laikat  6. Kitab-kitab Allah	<ul style="list-style-type: none"> <li>- menurut bahasa</li> <li>- menurut istilah</li> <li>- dasar aqidah Islam</li> <li>- cara memurnikan aqidah</li> <li>- arti iman kepada Allah</li> <li>- uraian rukun iman dan da- lilnya</li> <li>- hal yang wajib diimani</li> <li>- pengertian dan perbeadaan</li> <li>- uraian masing-masing</li> <li>- sifat-sifat Allah</li> <li>- Asmaul Husna</li> <li>- bukti-bukti Allah ada</li> <li>- Malaikat makhluk Allah</li> <li>- Malaikat terbuat dari Nur</li> <li>- Jumlah dan tugas malaikat</li> <li>- pengertian Kitab</li> <li>- kitab yang diturunkan oleh Allah</li> <li>- al-Qur'ān Kalam Allah</li> </ul>
			7. Nabi dan Rasul  8. Hari Kiamat  9. Qodlo dan Qodr  10. Bertaqwa ke- pada Allah  11. Hal-hal yang Perlu dijauhi	<ul style="list-style-type: none"> <li>- arti dan beda Nabi – Rasul</li> <li>- jumlah nabi dan rasul</li> <li>- nama-nama hari kiamat</li> <li>- tanda-tanda hari kiamat</li> <li>- pengertian dan perbeadaan</li> <li>- uraian qodho dan qodar</li> <li>- hubungan qodho dan qodr dengan usaha dan do'a</li> <li>- arti taqwa kepada Allah</li> <li>- ciri-ciri orang bertaqwa</li> <li>- cara bertaqwa kepda Allah</li> <li>- Musyrik, munafiq, murtad Kafir, fasiq (arti dan ciri).</li> </ul>

Sumber: Departemen Agama (2002), Pedoman Pembinaan Majelis Taklim, h. 38.

Dalam pelaksanaannya, Pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan terdapat perbezaan antara satu tempat dengan beberapa tempat lainnya. Di Kabupaten Ogan Ilir contohnya, sebagaimana dijelaskan oleh Encik Drs. Syamsuri, majlis taklim-majlis taklim yang ada masih belum diurus dengan baik. Hal ini boleh berlaku kerana guru



agama di Kabupaten Ogan ilir hanya berjumlah 6 orang sahaja. Sementara itu majlis taklim yang ada sangat sedikit yang melaporkan kepengurusannya ke Kementerian Agama maklumat yang diterima tentang majlis taklim di Kabupaten Ogan Ilir didapati dari laporan guru agama Islam dan guru agama tidak tetap dari Kementerian Agama.<sup>153</sup>

Meskipun demikian di Kabupaten Ogan Ilir majlis taklim yang wujud di masjid-masjid banyak dibangunkan oleh pendakwah-pendakwah dari kalangan pondok pesantren yang banyak terdapat di wilayah Kabupaten Ogan Ilir seperti Pondok Pesantren Raudhatul Ulum Sakatiga, Pondok Pesantren Al-Ittifaqiah, Pondok Pesantren Sri Bandung dan yang lainnya. Malahan terdapat pula majlis taklim yang tempatnya diurus oleh pihak pondok pesantren atau madrasah di Sumatera Selatan.

Di Kabupaten Muara Enim sebagaimana dijelaskan oleh Cik Dra. Badariah Yusuf (salah seorang kaki tangan yang telah mengurus laporan bulanan guru agama dan memiliki arkib/catatan tentang data majlis taklim di Kementerian Agama Kabupaten Muara Enim) majlis taklim mulai tersusun organisasinya sejak wujudnya jawatan guru agama khasnya guru agama Islam dari kementerian Agama yang mulai ramai sejak tahun 2003, malahan kementerian agama telah memberikan bantuan kepada beberapa majlis taklim setiap tahunnya 7.500.000 rupiah. Pada tahun 2009 menurutnya di Kabupaten Muara Enim di berikan bantuan kepada 4 majlis taklim.

Menurut Drs Ali Ghufrani di Kementerian Agama Kota Prabumulih, sebelum wujud jawatan guru agama, pada amnya majlis taklim diurus oleh tokoh-tokoh agama di masyarakat. Kebanyakannya masjid-masjid yang mengadakan aktiviti majlis taklim

---

<sup>153</sup> Drs. Syamsuri, Ketua kumpulan guru agama Islam di Kementerian Agama Kabupaten Ogan Ilir. Temubual pada 3 Disember 2009.

hanya setakat menjadi majlis silaturahmi, pembacaan surah yasin dan sholawat sahaja. Itupun diikuti oleh sedikit orang dari kalangan golongan tua. Dengan adanya guru agama melalui bimbingan terhadap pengurusan di majlis taklim menjadikan majlis taklim mempunyai kurikulum yang tersusun rapi sesuai dengan harapan jemaah dan keperluan yang mereka hadapi dalam kehidupan beragama sehari-hari seputar masalah ibadah, akidah dan akhlak. Hal ini kerana tugas penyuluh adalah melaksanakan bimbingan di masyarakat dan setiap penyuluh diwajibkan untuk mempunyai kumpulan khas seperti majlis taklim di masyarakat untuk dibimbing kemudian dibuatkan laporannya setiap bulan di kementerian agama.<sup>154</sup>

Menurut Encik Amir Hamzah, majlis taklim di Kabupaten Lahat telah mempunyai susunan kepengurusan. Akan tetapi dalam pelaksanaannya belum berlari dengan maksimum. Masih terdapat beberapa aktiviti majlis taklim yang dilaksanakan tidak secara rutin. Majlis taklim yang berkembang di Lahat adalah majlis taklim yang dihadiri oleh golongan perempuan atau ibu-ibu. Perkembangan majlis taklim di Lahat disokong oleh kerjasama antara guru agama dan organisasi-organisasi keagamaan non pemerintah seperti Muhammadiyah dan Nahdatul Ulama dan lain-lain. Biasanya, guru agama dijemput untuk menjadi penceramah di majlis taklim secara rutin setiap minggunya.<sup>155</sup>

Meskipun majlis taklim di Kabupaten Lahat cukup marak akan tetapi menurut Encik Amir Hamzah dari sisi pengurusan belum dilaksanakan dengan baik. Masih banyak majlis taklim yang berjalan apa adanya tanpa pengurusan yang cekap dan berkesan

---

<sup>154</sup> Drs Ali Ghufuran, Kepala Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Kementerian Agama Kota Prabumulih. Temubual pada 04 Disember 2009.

<sup>155</sup> Amir Hamzah, kaki tangan Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Kementerian Agama Kabupaten Lahat. Temubual pada 05 Disember 2009.

Menurut Encik Azmi Ahmad, di Kota Palembang majlis taklim telah dihala untuk menggunakan kurikulum dalam pelaksanaan aktiviti. Dalam pelaksanaan aktiviti dakwah di majlis taklim kota Palembang, yang paling berperanan adalah para guru agama. Menurutnya guru agama seharusnya tidak hanya berperanan sebagai penceramah atau da'i tetapi juga sekaligus berperanan sebagai penyelia atau pembimbing bagi kumpulan majlis taklim. Ini kerana majoriti jemaah majlis taklim tidak memahami pengurusan. Oleh itu para guru agama hendaklah memberikan bimbingan dalam aspek pengurusan dan juga dari aspek isi kandungan.<sup>156</sup>

Dari data yang terdapat di Kementerian Agama kabupaten pada wilayah kajian, didapati bahawa bilangan majlis taklim di Kota Palembang seramai 619 kumpulan majlis taklim, di Kabupaten Ogan Ilir 67 Majlis Taklim, di Kota Prabumulih tercatat 70 Majlis Taklim. Di Kabupaten Muara Enim tercatat 391 Majlis Taklim dan di Kabupaten Lahat tercatat terdapat 367 Majlis Taklim.<sup>157</sup> Meskipun demikian menurut staf/kaki tangan di Kementerian Agama Kabupaten masih terdapat majlis taklim yang belum tercatat dalam buku pentadbiran di kementerian agama masing-masing kota. Hal ini kerana masih terdapat kumpulan majlis taklim di rumah-rumah yang dilaksanakan secara tradisional dan mereka belum melaporkan aktiviti mereka ke Kementerian Agama di kabupaten / kota di wilayahnya. Berikut ini adalah jadual tentang perbandingan antara jumlah masjid dan aktiviti majlis taklim di 5 daerah dalam wilayah kajian.

---

<sup>156</sup> Azmi Ahmad, Kepala Seksi Bahagian Penamas dan Pemberdayaan Masjid di Kantor Kementerian Agama Kota Palembang, Temubual pada 3 Disember 2009

<sup>157</sup> Laporan daripada Bahagian Penamas di Kementerian Agama Di Kota Palembang, Kabupaten Ogan Ilir, Kota Prabumulih, Kabupaten Muara Enim dan Lahat. Data diperoleh setelah melakukan temu bual pada tanggal 2-5 Disember 2009.

**Jadual 3.2**  
**Perbandingan Jumlah Masjid dan Majlis Taklim di 5 Wilayah Kajian**

No	Kota/ Kabupaten	Masjid	Majlis Taklim
1	Palembang	765	619
2	Ogan Ilir	291	69
3	Prabumulih	152	70
4	Muara Enim	592	391
5	Lahat	521	382

Sumber Data: Laporan Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan bulan November 2009

Dari Jadual 3.2 di atas, nampak bahawa masih banyak masjid-masjid yang belum mempunyai aktiviti majlis taklim di Sumatera Selatan. Ertinya diperlukan peran serta seluruh pihak iaitu pemerintah dan masyarakat dalam memakmurkan masjid-masjid yang ada dengan aktiviti dakwah seperti majlis taklim. Dari keterangan para kakitangan dan staf di kementerian agama. Pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan menjadi lebih baik disebabkan adanya peranan dari jawatan guru agama yang mulai wujud sejak tahun 1999 dan secara rasmi pendataan majlis taklim mulai diwajibkan baharu pada tahun 2009.

Oleh itu, pada pembahasan selanjutnya pengkaji akan mengenalkan tentang jawatan guru agama dan usaha-usaha yang telah mereka laksanakan dalam membangunkan majlis taklim di Sumatera Selatan.

### **3.2 Guru Agama Islam di Sumatera Selatan**

#### **3.2.1 Pengenalan**

Kementerian Agama Republik Indonesia melalui Jawatan Penerangan Agama pada tahun 1954 mengangkat 1000 *Guru agama Honorer (GAH)*.<sup>158</sup> Mereka dipilih dari kalangan da'i, muballigh, imam masjid, khatib di masyarakat. Dari sinilah bermula asal

<sup>158</sup> A.M Romly (2004), *Penyuluhan Agama Menghadapi Tantangan Baru*. Jakarta: PT Bina Rena Pariwara, h. 38.

munculnya jawatan Guru agama di Departemen Agama. Jumlah GAH sejak saat itu terus bertambah, hingga pada tahun 1972 menjadi 11.852 yang tersebar di seluruh Indonesia.<sup>159</sup>

Pada tahun ini 1972 menurut A.M Romly, mulai dirintis gagasan menjadikan guru agama sebagai pendakwah profesional dari Pegawai Negeri Sipil (PNS) yang bukan bersifat kontrak seperti GAH. Meskipun hal ini belum terlaksana, pada tahun 1985 jumlah GAH terus bertambah sehingga berjumlah 24.252 orang.<sup>160</sup> Pada tahun 1985 istilah GAH di ganti dengan Penyuluh Agama Honorer (PAH) karena istilah Guru agama Honorer memiliki makna yang hampir sama dengan guru yang berada di pendidikan formal.<sup>161</sup>

Sayangnya kerana terbatasnya anggaran dana dari pemerintah untuk Kementerian Agama, pada tahun 1996/1997 jumlah da'i, imam, khatib yang ada di masyarakat yang selama ini menjadi PAH berkurang menjadi 9.508 orang sahaja dari jumlah sebelumnya. Meskipun demikian, setelah itu jumlah PAH terus bertambah sehingga pada tahun 2001 mencapai 52.058.<sup>162</sup>

Akhirnya ide untuk menjadikan guru agama sebagai suatu profesi bagi da'i dari kalangan pegawai pemerintah baru terwujud pada tahun 1999 pada masa pemerintahan Presiden BJ Habibie. Untuk guru agama dari kalangan pemerintah (PNS) pada masa kini disebut dengan Penyuluh Agama Fungsional. (PAF). Hingga tahun 2001 Jumlah guru agama di Indonesia berjumlah 1.769. sejak adanya PAF maka pendidikan tidak

---

<sup>159</sup> *Ibid.*, h. 46.

<sup>160</sup> *Ibid.*, h. 61.

<sup>161</sup> Istilah guru agama adalah istilah yang telah digunakan pada masa awal. Masa kini, di Kementerian Agama RI dalam konteks Indonesia, telah menggunakan istilah lain iaitu Penyuluh Agama Honorer dan Penyuluh Agama Fungsional.

<sup>162</sup> *Ibid.*, 62-63.

formal kepada masyarakat menjadi tugas utama PAF dan tetap dibantu oleh PAH yang masih wujud hingga kini. Para guru agama ini diwajibkan untuk membentuk kumpulan-kumpulan sasaran dakwah yang bersifat tetap untuk dibina. Dengan menyiapkan materi isi kandungan, kurikulum, dan kawalan terhadap kumpulan yang mereka menjadi penanggung jawabnya.<sup>163</sup>

### **3.2.2 Fungsi dan Matlamat Guru agama Islam**

Tugas utama guru agama sesuai dengan surat keputusan Menteri Negara Koordinator Bidang Pengawasan Pembangunan dan Pendayagunaan Aparatur Negara No 54/Kep/MK.WASPAN/9/1999 adalah melaksanakan dan mengembangkan kegiatan dakwah dan pembangunan melalui pendekatan agama.<sup>164</sup>

Selain itu, berasaskan Lampiran Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Nombor 516 tahun 2003 tentang Petunjuk Teknis Pelaksanaan Jabatan Fungsional Guru agama dan Angka Kreditnya, Guru agama adalah Pegawai Negeri Sipil yang diberi tugas, tanggung jawab, dan kuasa secara penuh oleh pejabat yang memiliki autoriti untuk melaksanakan kegiatan bimbingan keagamaan dan penyuluhan pembangunan melalui bahasa agama.<sup>165</sup>

Guru agama ditugaskan di kabupaten / kota yang kemudian disebar untuk di tugaskan di pejabat pada kecamatan (pekan kecil) dalam wilayah kabupaten. Dengan jumlah satu penyuluh untuk satu kecamatan. Meskipun bila tidak atau belum ada guru

---

<sup>163</sup> *Ibid.*, h. 64-65.

<sup>164</sup> *Ibid.*, h. 4.

<sup>165</sup> Departemen Agama (2003), *Petunjuk Teknis Pelaksanaan Jabatan Fungsional Guru agama dan Angka Kreditnya*, Jakarta: Departemen Agama, h. 2.

agama ia juga boleh untuk membimbing di kecamatan-kecamatan lain di sekitar kecamatannya.<sup>166</sup>

Setelah guru agama bertugas atau bekerja di wilayah sasarannya seorang guru agama hendaklah membentuk suatu kumpulan masyarakat untuk dibimbing secara berterusan. Kumpulan masyarakat maksudnya adalah bahagian dari masyarakat di wilayah sasaran yang berkumpul dengan jumlah minimal 10-20 orang yang dibimbing melalui program yang terarah dan sistematis.

Kementerian Agama menghala guru agama untuk membimbing kumpulan sasaran yang belum terjangkau atau belum dibimbing oleh pendakwah lain. Meskipun dalam pelaksanaan membimbing masyarakat dimulakan oleh guru agama sendiri, mereka juga perlu menyelaraskan dan melakukan kerjasama yang sebaik-baiknya dengan / antar tokoh agama, guru agama lain, mahupun lembaga atau instansi yang berhubung kait dengan tugas guru agama seperti dokter, penyuluh pertanian, yang berada di wilayah sasarannya masing-masing.

Dengan adanya penugasan seorang guru agama untuk melaksanakan penyeliaan di masyarakat diharapkan tercapai matlamat iaitu terlaksanannya pendidikan masyarakat melalui bimbingan, penyuluhan agama, dan pembangunan melalui bahasa agama kepada seluruh masyarakat dalam wilayah binaan melalui kelompok binaan seperti majlis taklim, taman pendidikan al-Qur'ān, remaja masjid, konsultasi keluarga dan lain-lain dengan pembinaan yang terarah dan sistematis. Sehingga terbentuklah masyarakat yang semakin memahami, menghayati dan mengamalkan nilai dan ajaran agamanya masing-masing dan mampu menerapkan nilai ajaran agama dalam seluruh aspek hidup

---

<sup>166</sup> *Ibid.*, h. 6.

dan kehidupan pribadi masyarakat serta menjaga / mengembangkan kerukunan hidup beragama dalam masyarakat.<sup>167</sup>

### **3.3 Usaha-usaha Guru Agama Islam dalam Pengurusan Majlis Taklim di Sumatera Selatan**

#### **3.3.1 Perancangan Majlis Taklim**

Sebelum melaksanakan pembimbingan kepada suatu kumpulan sasaran guru agama mempunyai beberapa panduan usaha-usaha yang mesti dilaksanakan bagi membuat suatu perancangan untuk kumpulan sasaran yang akan dibimbing seperti majlis taklim, iaitu dengan melaksanakan amalan-amalan berikut.

1. Melakukan penyelidikan untuk mengetahui maklumat tentang potensi wilayah dan keperluan dari sasaran atau masyarakat yang ada
2. Menganalisa hasil data tentang potensi wilayah yang ada.
3. Melakukan pendekatan dengan tokoh masyarakat dan tokoh agama di wilayah sasarannya.
4. Melakukan mesyuarat pembentukan sebuah kumpulan dengan memperhatikan hajat atau keperluan, atau keinginan masyarakat yang ada.
5. Membentuk setiap kumpulan serta menetapkan program sasaran pembinaan.<sup>168</sup>

Dari lima langkah-langkah di atas, terbahagi kepada empat tahapan yang harus dilaksanakan oleh Guru agama Islam iaitu: *Pertama*, guru agama terlebih dahulu mengadakan observasi atau studi lapangan di persekitaran masyarakat yang menjadi objek sasaran guru agama Islam; *Kedua*, guru agama mengumpulkan data dan informasi yang berkaitan dengan kelompok masyarakat yang menjadi sasaran penyuluhan. Di

---

<sup>167</sup> *Ibid.*, h. 7.

<sup>168</sup> *Ibid.*, h. 9.



antara data dan maklumat yang perlu diketahui adalah jumlah penduduk, agama, kerjaya, tokoh-tokoh masyarakat, ulama dan kecenderungan masyarakat terhadap agama dan kegiatan keagamaan. (lihat lampiran borang potensi wilayah kumpulan sasaran.)

*Ketiga*, setelah data dan maklumat terkumpul dan dipelajari secara teliti maka guru agama melakukan pendekatan kepada orang yang memiliki pengaruh di persekitaran. Tujuan pendekatan ini adalah bagi meyakinkan mereka terhadap manfaat pembinaan keagamaan secara teratur dan berkelanjutan melalui pembentukan kumpulan yang akan mempelajari agama. *Keempat*, adalah pembentukan kumpulan untuk mengadakan aktiviti dakwah khas seperti majlis taklim dengan matlamat, rancangan dan program yang masyarakat harapkan.

### **3.3.2 Pengorganisasian Majlis Taklim**

Setelah melaksanakan amalan perancangan dengan melaksanakan penyelidikan tentang potensi kumpulan sasaran yang akan dibimbing pada sebuah majlis taklim. Tahap selanjutnya adalah tahap pengorganisasian. Dalam fungsi pengorganisasian ini dimulakan dengan menetapkan susunan pengurus-pengurus, nama majlis taklim (jika diperlukan), tempat dan kekerapan kegiatan, serta sokongan kewangan yang diperlukan.<sup>169</sup>

Dalam menentukan susunan kepengurusan, guru agama hanya setakat fasilitator atau penyelaras sahaja yang memberikan masukan kepada pengurus. Sedangkan susunan pengurus terdiri dari masyarakat dan jemaah yang terbabit dengan aktiviti majlis taklim di daerahnya.

---

<sup>169</sup> Departemen Agama (2002), *Pedoman Pembentukan Kelompok Sasaran* Jakarta: Departemen Agama, h. 22.

Setelah pengurusan terbentuk, guru agama dengan bekerjasama dengan seluruh pengurus untuk memperkenalkan wujudnya aktiviti majlis taklim kepada seluruh masyarakat di wilayah tersebut. Para anggota majlis taklim yang juga menjadi jemaah perlu untuk diberikan kefahaman terhadap manfaat mengikuti pengajian yang dilaksanakan di majlis taklim. Selain sebagai sarana belajar majlis taklim juga sebagai wadah meningkatkan silaturahim dan ukhuwah serta untuk pengembangan individu.<sup>170</sup>

Untuk mengenalkan aktiviti tersebut, guru agama dapat bekerja sama dengan seluruh pengurus dan jemaah dengan membuat pelbagai bentuk hebahan yang boleh menarik masyarakat untuk menghadiri aktiviti dakwah di majlis taklim. Antaranya dengan silaturahmi secara langsung ke rumah-rumah, melalui jemputan rasmi, atau berbentuk jemputan melalui pengumuman yang disampaikan sebelum sholat jumat dan metode-metode lainnya.

Bagi guru agama sendiri dalam aspek pengorganisasian mereka hendaklah menyusun rancangan kerja, menyusun program kerja dan menyusun isi kandungan yang akan di sampaikan pada waktu pelaksanaan aktiviti majlis taklim sebagai seorang ustaz atau penceramah di majlis taklim tersebut.

### **3.3.3 Pelaksanaan Majlis Taklim**

Usaha-usaha dalam fungsi pelaksanaan di majlis taklim mempunyai makna bahawa guru agama hendaklah mengikuti pelaksanaan aktiviti majlis taklim yang dirancang dan disusun untuk mewujudkan matlamat yang telah ditetapkan.

---

<sup>170</sup> *Ibid.*, h. 39.

Dalam buku pedoman tentang seleksi guru agama teladan, Seorang penyuluh dianggap seorang guru agama teladan adalah apabila dalam pelaksanaannya mempunyai lebih dari empat buah kumpulan majlis taklim. Dari aspek kekerapan perjumpaan dengan kumpulan majlis taklim adalah lebih dari empat kali setiap bulan.<sup>171</sup> Dengan kekerapan hadir di majlis taklim guru agama akan mengenal pasti bagaimana perjalanan aktiviti dakwah di majlis taklim tersebut telah selari dengan rancangan masa awal.

Pada setiap pelaksanaan majlis taklim seorang guru agama dapat menjadi seorang ustaz atau penceramah di majlis taklim yang dia bina. Guru agama juga boleh untuk menjadi motivator bagi jemaah lainnya apabila guru agama sentiasa hadir tepat pada masanya dan sentiasa semangat memberikan bimbingan dan penyeliaan kepada masyarakat. Dengan kehadiran yang terus menerus dan semangat yang dilandasi keikhlasan yang dapat membuat jemaah berpuas hati dan mendapatkan ilmu dan kefahaman melalui aktiviti dakwah di majlis taklim.

#### **3.3.4 Kawalan Majlis Taklim**

Usaha-usaha dalam fungsi kawalan di Majlis Taklim adalah usaha-usaha dalam melaksanakan pemantauan, penilaian dan pelaporan hasil pelaksanaan dakwah di majlis taklim. Dalam pelaksanaan kawalan perlu dilakukan secara bersama antara penyuluh dan seluruh pengurus.

Antara amalan yang dilaksanakan oleh guru agama adalah dengan menganjurkan kepada pengurusan agar melaksanakan mesyuarat bulanan untuk mengawal dan menilai pelaksanaan setiap bulannya. Memeriksa catatan-catatan dan arkib selama pelaksanaan tentang kehadiran jemaah dan kesesuaian isi kandungan dengan harapan para jemaah.

---

<sup>171</sup> Departemen Agama (2003), *Buku Pedoman Seleksi Guru agama Teladan*. Jakarta: Departemen Agama, h. 5.

Semua hasil mesyuarat dapat dijadikan bahan untuk mengawal kembali matlamat-matlamat yang belum dicapai dan memperbaiki kekurangan-kekurangan yang berlaku selama pelaksanaan.

Bagi mengawal aktiviti setiap pelaksanaannya, guru agama telah membuat borang pelaporan setiap minggu yang terdiri dari pelaporan tentang pelaksanaan yang terdiri dari isi kandungan yang disampaikan, tujuan dan target yang diharapkan, berapa jumlah jemaah yang hadir, jantina, metode penyampaian dan masalah-masalah yang dihadapi. (lihat lampiran borang laporan mingguan guru agama Islam)

### **3.4 Masalah-Masalah dalam Pengurusan Majlis Taklim**

Menarik dan merangsang masyarakat untuk menghadiri majlis taklim bukanlah suatu perkara yang mudah. Belum lagi bagaimana membuat masyarakat yang telah hadir sebagai jemaah untuk sentiasa hadir dan berperanan aktif dalam pelaksanaan majlis taklim. Dari sini nampak bahawa peran serta masyarakat sebagai modal insan, sama ada sebagai pengurus mahupun jemaah di majlis taklim sangatlah dominan. Penyelidik mendapati beberapa halangan yang boleh membantutkan pengurusan majlis taklim antaranya terhadapnya kewangan, kurangnya kemahiran dalam bidang pengurusan, kurangnya sokongan dari persekitaran dan kurangnya kerja sama antara pengurus dan jemaah.

#### **3.4.1 Terhadapnya Kewangan**

Masalah kewangan merupakan masalah yang sering berlaku dalam kebanyakan program dan aktiviti yang dirancang. Kewangan bagi sesebuah organisasi dapat melahirkan kecemerlangan dan kemakmuran sesebuah organisasi. Dalam beberapa kajian berkaitan dengan pengurusan program dan aktiviti dakwah masalah kewangan yang terhad

selalunya memang menjadi masalah utama bagi kelancaran sebuah organisasi untuk menjalankan program dan aktiviti yang dilaksanakan.<sup>172</sup>

### **3.4.2 Kurangnya Kemahiran dalam Bidang Pengurusan**

Tidak ramai orang yang berminat untuk menjadi pengurus di majlis taklim kerana ia berasaskan dari keikhlasan untuk mengabdikan kepada Allah dan membantu masyarakat tanpa adanya gaji rutin setiap bulan. Kerana itu punca lain yang boleh menjadi hambatan dalam pengurusan majlis taklim kerana tiada atau kurangnya kemahiran dalam bidang pengurusan dari para pengurus dan kaki tangan yang mengurus aktiviti majlis taklim. Meskipun ada seseorang yang mempunyai kemahiran tetapi kerana bebanan kerja tertumpu kepada seorang tertentu sahaja ia turut menjadi masalah dalam pengurusan majlis taklim.<sup>173</sup>

### **3.4.3 Kurangnya Sokongan dari Persekitaran**

Dalam kajian Fakhru Adabi salah satu masalah dari aspek pendengar atau jemaah adalah kurangnya sambutan dan sokongan di kalangan masyarakat setempat. Mayoriti jemaah yang biasa menghadiri kelas agama adalah warga tua dan golongan pesara. Malahan menurut Haji Sham bin Haji Amin, tanpa sambutan dan sokongan dari masyarakat walau secanggih mana pun aktiviti yang dilaksanakan, pembangunan masyarakat yang diharap sukar dicapai.<sup>174</sup>

Dalam kajian ini, selain sokongan jemaah, yang dimaksud dengan persekitaran adalah pemerintah dan masyarakat yang menetap di persekitaran tempat dilaksanakan kegiatan majlis taklim. Mereka kurang mengambil peduli dan tidak memberikan

---

<sup>172</sup> Fakhru Adabi bin Abdul Kadir (2006), *op.cit.*, h. 113. Erzy Izanur'ain Binti Haron, (2008), *op.cit.*, h. 51. M. Soleh (2010), *op.cit.*, h.79. Haji Sham bin Haji Amin (2007), *op.cit.*,

<sup>173</sup> Erzy Izanur'ain Binti Haron (2008), *Ibid.*, h. 50.

<sup>174</sup> Fakhru Adabi bin Abdul Kadir (2006), *op.cit.*, h. 111. Haji Sham bin Haji Amin (2007), *op.cit.*, h. 174.

sokongan terhadap kegiatan majlis taklim yang ada di wilayahnya. Bentuk sokongan yang diharapkan adalah berupa kehadiran pada kegiatan, memberikan bantuan kewangan, memotivasi warga lain untuk menjayakan aktiviti dakwah.

#### **3.4.4 Tidak Wujudnya Kerjasama Antara Pengurus dan Jemaah.**

Pengurus dan jemaah sebagai anggota dari organisasi majlis taklim adalah satu kesatuan yang saling memerlukan. Apabila pengurus tidak boleh untuk memenuhi keinginan para jemaahnya, maka besar kemungkinan jumlah yang hadir pada aktiviti di majlis taklim menjadi berkurang. Oleh itu, kerjasama antara pengurus dan jemaah adalah suatu kerharusan. Bila kerjasama antara pengurus dan jemaah tidak harmonis ia akan menjadi satu halangan dalam pengurusan dakwah.

#### **3.4.5 Perbezaan Pemikiran dan Mazhab Keagamaan.**

Masyarakat Islam di Sumatera Selatan juga terdiri dari pelbagai organisasi masyarakat yang memiliki perbezaan dari aspek pemikiran dan mazhab keagamaan. Antaranya golongan Muhammadiyah dan Nahdhatul ulama atau lebih dikenal dengan kaum muda dan kaum tua. Dalam pengurusan majlis taklim hal ini menjadi masalah ketika membahas masalah-masalah akidah dan pemikiran serta fiqih ibadah yang berbeza dalam memahaminya. Tidak sedikit jemaah yang tidak mau hadir kerana isi kandungan yang disampaikan berasaskan salah satu pendapat sahaja. Oleh itu di beberapa tempat perbezaan pemikiran dan mazhab keagamaan juga menjadi salah satu masalah dalam pengurusan majlis taklim.

### **3.4.6 Kurang Bersungguh-Sungguh dalam Menuntut Ilmu.**

Antara syarat menuntut ilmu adalah mujahadah, atau kesungguhan. Malahan dalam pepatah Arab dikenal istilah sesiapa yang bersungguh-sungguh maka ia akan berjaya. *Man jadda wajada*. Dalam majlis taklim terdapat para jemaah yang hadir hanya setakat menghabiskan waktu luang sahaja. Sehingga kehadiran pada aktiviti majlis taklim hanya sebagai aktiviti sambilan. Dan ini merupakan salah satu masalah dalam pengurusan majlis taklim.

## **BAB IV**

### **HASIL KAJIAN DAN ANALISA DATA**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini bertujuan untuk menerang dan membincang hasil penemuan kajian yang berasaskan kepada objektif kajian. Data yang dijelaskan diperoleh melalui pengagihan soal selidik di pejabat-pejabat Kementerian agama di 5 kabupaten/kota pada Provinsi Sumatera Selatan pada bulan April 2010. Peneliti mengambil kembali data yang sudah diisi pada bulan Mei 2010.

Pada saat pengagihan penyelidik menagagihkan 53 soal selidik untuk guru agama di Kementerian Agama Kota Palembang, 6 soal selidik di Kementerian Agama Kabupaten Ogan Ilir, 8 soal selidik di Kementerian Agama Kota Prabumulih, 17 soal selidik di Kementerian Agama Kabupaten Muara Enim dan 22 soal selidik di Kementerian Agama di Kabupaten Lahat bilangan seluruhnya sebanyak 106 soal selidik yang diagihkan kepada para responden.


Pada masa pengambilan soal selidik, penyelidik hanya menerima 47 soal selidik dari Kementerian Agama Kota Palembang, 6 soal selidik dari Kementerian Agama Kabupaten Ogan Ilir, 8 soal selidik dari Kementerian Agama Prabumulih, 12 soal selidik dari Kementerian Agama Kabupaten Muara Enim, dan 20 soal selidik dari Kementerian Agama Kabupaten Lahat. Bilangan soal selidik yang telah diisi dan dikembalikan berjumlah 93 buah soal selidik. Sisanya, sebanyak 14 soal selidik tidak dikembalikan kerana beberapa guru agama pada masa penyelidikan dilaksanakan, iaitu bulan April dan Mei tidak hadir di Kementerian Agama masing-masing kerana sakit dan alasan lainnya.



Dari 93 Soal selidik yang diterima terdapat seorang guru agama Islam yang belum melaksanakan dakwah di majlis taklim kerana masih baharu bekerja di Kementerian Agama sebagai guru agama akan tetapi ianya berdakwah di kalangan belia dan remaja. Oleh itu data yang dipaparkan adalah berasaskan informasi dari 92 responden, iaitu guru agama di 5 Kementerian Agama yang melaksanakan bimbingan dan ceramah pada majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.

Dari lima kota dan kabupaten yang dijadikan sampel kajian, Kota Palembang adalah kota yang dimana jumlah guru agama Islam paling ramai dibandingkan dengan kabupaten/kota lainnya. Kerana Kota Palembang adalah ibu kota Provinsi Sumatera Selatan yang mempunyai wilayah yang luas dan bilangan penduduk yang ramai. Manakala Kabupaten Ogan Ilir dan Prabumulih hanya memiliki sedikit guru agama Islam kerana kedua kabupaten dan kota ini merupakan kota dan kabupaten baharu di Provinsi Sumatera Selatan. Berikut ini adalah taburan peratusan jumlah guru agama Islam di 5 kabupaten/kota di Provinsi Sumatera Selatan yang menjadi responden pada penyelidikan ini. Palembang 46 orang 50%, Ogan Ilir 6 Orang, 6.5%, Prabumulih 8 orang 8.7% , Muara Enim 12 orang 13%, Lahat 20 orang 21.7%.

### Taburan Peratusan Responden Guru Agama di Wilayah Kajian



#### 4.2 Maklumat Demografi Responden

Responden dalam kajian ini adalah guru agama Islam yang bekerja di Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan. Maklumat demografi yang diambil ialah mengenai, jantina, umur, taraf perkahwinan, taraf pendidikan dan jabatan semasa pengajian peringkat universiti.

Dalam jadual 4.1, dapat dilihat bahawa jumlah responden mengikut jantina, golongan lelaki lebih sedikit dibandingkan golongan perempuan. Iaitu lelaki ( 41,3 % ) dan perempuan (58,7 % ) Ini bererti bahawa Kementerian Agama Republik Indonesia tidak mengkhususkan para lelaki sahaja untuk berdakwah, golongan perempuan juga boleh berperan dalam aktiviti dakwah sebagai seorang guru agama di Kementerian Agama.

Mengikut umur responden, umur 31-39 adalah yang paling banyak bilangannya iaitu 45 orang (48.9%), diikuti golongan umur 41-49 iaitu 22 orang (25.0%), 50 ke atas 19 orang (20.7%), dan 20-30, 5 orang (5.4%). Had kerja di Kementerian Agama

sebagai Guru agama Islam adalah 56 Tahun. Artinya majoriti guru agama ramai yang berumur muda sehingga masih boleh untuk terus berperanan membangunkan aktiviti dakwah di masyarakat sebagai seorang pendakwah yang profesional dengan terus menambah ilmu pengetahuan dan maklumat-maklumat semasa.

Manakala taraf perkahwinan, golongan yang berkahwin adalah golongan yang paling ramai iaitu 85 orang, setara dengan 92.4 peratus. Hanya 5 orang sahaja yang belum berkahwin dan 2 orang janda/duda. Dari maklumat ini dapat diketahui bahawa majoriti guru agama Islam telah berkahwin.

**Jadual 4.1**  
**Taburan Responden Mengikut Jantina, Umur dan Taraf Perkahwinan**  
**(n = 92)**

No.	Perkara	Bilangan	Peratus
1	<b>Jantina</b>		
	Lelaki	38	41.3
	Perempuan	54	58.7
2	<b>Umur</b>		
	20 hingga 30	5	5.4
	31 hingga 39	45	48.9
	40 hingga 49	23	25.0
	50 ke atas	19	20.7
3	<b>Taraf Perkahwinan</b>		
	Berkahwin	85	92.4
	Belum Berkahwin	5	5.4
	Dudajanda	2	2.2

Untuk taraf pendidikan responden yang merupakan guru agama Islam majoriti adalah universiti 91,3 peratus jika digabungkan antara peringkat master/Phd dan degree. khususnya Universiti Islam di Indonesia, baik alumni dari Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Raden Fatah di Palembang, mahupun universiti lain di Indonesia. Hanya

terdapat 8 orang sahaja yang bertaraf pendidikan menengah. 5 di antaranya adalah mereka yang telah berumur lebih dari 50 tahun.

Dari aspek jabatan semasa pengajian bagi mereka yang taraf pendidikan universiti tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara satu jabatan dengan jabatan lainnya. Majoritinya adalah dari jabatan agama iaitu, tarbiah, syari'ah, usuluddin, dakwah dan adab. Hanya 2 dari 84 orang yang bertaraf pendidikan universiti dari jabatan awam di luar jabatan bahagian agama.

**Jadual 4.2**  
**Taraf Pendidikan Guru Agama Islam**  
**Di Provinsi Sumatera Selatan**  
**(n = 92)**

No.	Perkara	Bilangan	Peratus
4	<b>Taraf Pendidikan</b>		
	Master / Phd	5	5.4
	Degree	79	85.9
	SPM	8	8.7
5	<b>Jabatan masa di Universiti (n = 84)</b>		
	Tarbiah	13	14.1
	Syariah	33	35.9
	Usuluddin	27	29.3
	Dakwah	7	7.6
	Adab/Sastra	2	2.2
	Lainnya	2	2.2

#### **4.3 Maklumat Tempoh Kerja Responden dan Aktiviti Pada Majlis Taklim**

Semua responden adalah guru agama Islam di Kementerian Agama wilayah Sumatera Selatan yang tersebar di kabupaten dan kecamatan dalam Provinsi Sumatera Selatan. Jawatan ini mula dikenal di Kementerian Agama sebagai salah satu jawatan rasmi di Kementerian Agama sebagai Pegawai Negeri Sipil di mulakan pada tahun 1999. oleh itu terdapat beberapa pegawai yang telah lama bekerja di Kementerian Agama sebagai kaki

tangan atau pegawai biasa, ditugaskan sebagai guru agama pada tahun 1999. Setelah tahun 1999 hingga kini, telah diadakan penerimaan pegawai dengan jawatan guru agama Islam secara khas.

Oleh itu dalam kajian ini terdapat orang yang telah lama bekerja di kementerian agama lebih dari sebelas tahun tetapi masa kerja sebagai guru agama kurang dari masa kerjanya. Ini terjadi kerana ia berpindah tugas dari jawatan lainnya di kementerian agama menjadi jawatan fungsional guru agama. Atau sebaliknya terdapat responden yang masa kerja menjadi guru agama lebih lama dibandingkan masa bekerja sebagai Pegawai Negeri Sipil hal ini berlaku kerana ia telah lama menjadi guru agama tidak tetap sebelumnya dan kemudian diangkat menjadi Pegawai Negeri Sipil di Kementerian Agama. Tetapi pada awalnya masa kerja menjadi pegawai negeri sipil dan jawatan guru agama adalah sama bagi mereka yang diangkat menjadi pegawai negeri sipil secara langsung dengan jawatan guru agama.

Dari 92 responden memberikan jawapan, kesemuanya memilih jawapan Ya, pada soal nombor 3 B ketika ditanya tentang apakah anda mempunyai majlis taklim yang dibimbing secara berterusan. Artinya semua guru agama Islam di Kementerian Agama yang menjadi responden, 100% melaksanakan aktiviti dakwah di majlis taklim. Dari sini dapat kita simpulkan bahawa guru agama sangat berperanan dalam membangunkan aktiviti majlis taklim di Sumatera Selatan.

**Jadual 4.3**  
**Maklumat Masa Kerja Responden**  
**(n = 92)**

No.	Perkara	Bilangan	Peratus
1	<b>Masa menjadi Pegawai Negeri Sipil di Kementerian Agama</b>		
	Lebih dari 11 tahun	26	28.3
	7-11 tahun	20	21.7
	3-6 tahun	20	21.7
	Kurang dari 3	26	28.3
2	<b>Masa kerja Menjadi Guru agama di Kementerian Agama</b>		
	lebih dari 9 tahun	32	34.8
	6-8 tahun	22	23.9
	3-5 tahun	19	20.7
	Kurang dari 3 tahun	19	20.7
3	<b>Apakah anda mempunyai kumpulan majlis taklim yang anda bimbing secara berterusan</b>		
	Ya	92	100
	Tidak	0	0

Keterlibatan mereka di majlis taklim terdapat perbezaan dari bilangan kumpulan majlis taklim yang mereka bimbing secara berterusan. Secara keseluruhannya, terdapat 21.7% yang membimbing lebih dari 8 majlis taklim, 22.8% yang membimbing 6 hingga 8 majlis taklim, 50% yang membimbing 3 hingga 5 majlis taklim dan hanya 5.4% yang mempunyai kurang dari 2 majlis taklim. Ertinya para responden telah cukup berperanan dalam usaha membangunkan majlis taklim dengan mempunyai kumpulan majlis taklim yang lebih dari 3 kumpulan majlis taklim.

Para responden yang pejabatnya terletak di kecamatan dan kabupaten melaksanakan bimbingan pada umumnya di wilayah kecamatan dan desa-desa dimana mereka bertugas. Hanya 8 orang sahaja yang berada di kabupaten. Sebanyak 34 orang membimbing hingga ke desa-desa dan 50 orang dalam wilayah kecamatan. Ertinya para penyuluh berdakwah melalui majlis taklim tidak setakat di dekat pejabat sahaja malahan

mereka berdakwah juga ke wilayah desa-desa atau kampung-kampung yang terkadang jaraknya cukup jauh dari pejabat dan rumah responden.

Dari aspek tempat pelaksanaan majlis taklim seluruh responden atau 100 peratus, mempunyai kumpulan majlis taklim yang dilaksanakan di Masjid, selain itu rumah juga menjadi tempat pelaksanaan majlis taklim sebanyak 22 orang, sekolah atau pondok pesantren 9 orang dan kantor 3 orang. Ini bererti bahawa masjid adalah tempat yang paling utama digunakan oleh masyarakat dalam melaksanakan aktiviti majlis taklim. Selain masjid, rumah dan sekolah menjadi tempat alternatif lain pelaksanaan aktiviti majlis taklim di masyarakat Sumatera Selatan. Pejabat-pejabat tidak banyak menjadi tempat pelaksanaan majlis taklim yang dilaksanakan secara berterusan. Di pejabat-pejabat pada amnya hanya setakat melaksanakan ceramah sampeña hari-hari besar Islam sahaja.

Dalam membimbing kumpulan majlis taklim, para responden mempunyai bilangan pertemuan yang berbeza pada setiap bulan. Majoritinya mereka melaksanakan pertemuan 3-5 kali setiap bulan atau seminggu sekali, sebanyak 41.3 %. Ramai pula yang melaksanakan pertemuan 2 kali dalam sebulan iaitu seramai 36 orang (39.1 %), meskipun begitu terdapat beberapa orang yang melakukan pertemuan lebih dari 5 kali perbulan iaitu 8 orang dan ada pula 10 orang yang hanya berjumpa dengan kumpulan majlis taklim 1 bulan sekali. Hal ini boleh berlaku kerana jarak tempuh ke lokasi majlis taklim sangat jauh sehingga pertemuan sukar untuk dilaksanakan. Selain itu di kumpulan majlis taklim juga terdapat para ustaz atau pembimbing-pembimbing di masyarakat selain daripada guru agama Islam kementerian agama.

**Jadual 4.4**  
**Aktiviti Guru Agama di Majlis Taklim**  
**(n = 92)**

No.	Perkara	Bilangan	Peratus
1	<b>Bilangan kumpulan majlis taklim yang mereka bimbing</b>		
	Lebih dari 8	20	21.7
	6-8 majlis taklim	21	22.8
	3-5 majlis taklim	46	50.0
	Kurang dari 2	5	5.4
2	<b>Wilayah majlis taklim yang dibina oleh Guru agama</b>		
	Desa	34	37.0
	Kecamatan	50	54.3
	Kabupaten	8	8.7
3	<b>Tempat Pelaksanaan Majlis Taklim</b>		
	Masjid Sahaja	48	52.2
	Masjid dan madrasah	9	9.8
	Masjid dan pejabat	3	3.3
	Masjid dan rumah	22	23.9
	Masjid dan 2 tempat Lain	6	6.5
	Semua Tempat	4	4.3
4	<b>Bilangan perjumpaan setiap bulan dalam aktiviti di majlis taklim</b>		
	Lebih 5 kali	8	8.7
	3-5 kali	38	41.3
	2 kali	36	39.1
	satu kali	10	10.9

Berasaskan soalan soal selidik yang diagihkan kepada responden guru agama Islam, keterlibatan mereka di majlis taklim sebagai salah satu tugas yang mereka kerjakan sebagai seorang pendakwah dari Kementerian Agama telah pula dilaksanakan. Meskipun dalam pelaksanaannya, terdapat perbezaan mengikut bilangan majlis taklim yang dibimbing dan jumlah pertemuan yang dilaksanakan hal ini nampaknya terpulang kepada individu masing-masing. Meskipun demikian dengan ikutnya mereka membangun aktiviti dakwah pada masyarakat melalui majlis taklim ini dapat memberikan maklumat tentang pandangan atau persepsi mereka terhadap pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan



#### **4. 4. Pandangan Terhadap Pengurusan Majlis Taklim di Sumatera Selatan.**

Pengurusan yang baik merupakan salah satu dari sebab kejayaan aktiviti dakwah. Demikian pula dalam mengurus majlis taklim sebagai salah satu bahagian dari aktiviti dakwah sepatutnya diurus dengan cekap dan berkesan. Menurut para responden pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan telah dilaksanakan dengan baik terdiri dari 64 orang yang setuju, 10 orang yang amat setuju. Jumlah total (81.5%). manakala sisanya memilih tidak pasti (13.0%), dan tidak setuju (6.5%), bahawa pengurusan majlis taklim telah berjalan dengan baik.

Aspek-aspek yang menyebabkan sebuah pengurusan berjalan baik adalah modal insan, iaitu pengurus atau ahli jawatankuasa yang mengurus sesebuah organisasi, sistem dalam hal ini adanya kurikulum, dan jemaah atau anggota yang mengikuti aktiviti majlis taklim. Penyelidik juga menanyakan tentang jantina jemaah yang ramai menghadiri jemaah majlis taklim kerana terdapat sebuah persepsi yang berkembang di masyarakat Sumatera Selatan bahawa golongan yang ramai mengikuti majlis taklim adalah golongan perempuan.

Menurut dapatan kajian, dari soalan tentang pengurus-pengurus telah menjalankan tugas dan amanah dengan baik, para responden memilih amat setuju sejumlah 9 orang (9.8%), 59 orang setuju (64.1%), sisanya memilih tidak pasti seramai 20 orang (21.7%), dan tidak setuju 4 orang (4.3%) sahaja. Jumlah peratus yang setuju bahawa pengurus telah menjalankan tugas dengan baik menurun jika dibandingkan soalan awal tentang pengurusan yang baik. Ertinya seramai 24 orang (26%), ragu dan tidak setuju bahawa pengurus telah melaksanakan tugas dengan baik.

Manakala ditanya persepsi mereka bahawa majlis taklim yang mereka bina telah mempunyai kurikulum dalam pelaksanaannya, para responden memilih amat setuju seramai 5 orang (5.4%), setuju 59 orang (64.1%) tidak pasti 24 orang (26.1%), tidak setuju 3 orang (3.3%), dan 1 orang memilih amat tidak setuju (1.1%). Dalam hal kurikulum jawapan yang memilih tidak pasti, tidak setuju dan amat tidak setuju bertambah seramai 28 orang. (30.5%). Hal ini menjelaskan bahawa terdapat seramai 28 orang yang belum mengetahui, atau ragu-ragu bahawasanya majlis taklim yang mereka bimbing belum memiliki kurikulum. Meskipun demikian seramai 69.5% tetap bersetuju dan amat setuju bahawa majlis taklim yang mereka bimbing telah mempunyai kurikulum dalam pelaksanaannya.

Meskipun majoriti responden memilih setuju dan amat setuju pada item no 1-3 soalan C. Pada soalan keempat tentang tentang pernyataan majlis taklim yang saya bimbing ramai diikuti jemaah para responden memilih amat setuju 10 orang (10.9%), setuju 39 orang (42.4%), tidak pasti 34 orang (37.0%), tidak setuju 7 orang (7.6%), dan amat tidak setuju 2 orang (2.2%). Menurut majoriti jemaah yang mengikuti majlis taklim ramai meskipun bilangannya tidak signifikan iaitu 49 orang. Para responden yang memiliki pandangan tidak pasti atau ragu-ragu pada terhadap pernyataan ini berjumlah 34 orang. Ini bererti bahawa jumlah jemaah majlis taklim yang hadir pada waktu pelaksanaan berbeza antara satu majlis taklim dengan majlis taklim lainnya. Pada sesebuah majlis taklim boleh dihadiri lebih dari 100 jemaah. Pada jemaah majlis taklim laian bahkan terdapat yang jumlah mereka tidak sampai 20 orang.

Pada pernyataan kelima tentang pandangan terhadap jantina yang ramai menghadiri aktiviti majlis taklim adalah perempuan, para responden memilih amat setuju seramai 34 orang (37.0%), setuju 46 orang (50.0%), tidak pasti 11 orang (12.0%) dan

amat tidak setuju 1 orang sahaja. Dari jawapan ini persepsi tentang jemaah majlis taklim sangat ramai dari golongan perempuan adalah benar adanya. Hal ini nampak dari pilihan para responden yang bersetuju dan amat setuju seramai 80 orang. Jawapan ini tidak setakat dari responden yang berjantina perempuan tetapi juga dari responden yang berjantina lelaki.

**Jadual 4.5**  
**Pandangan Responden Terhadap Pengurusan Majlis Taklim Secara Am**  
**(n = 92)**

No	Perkara	Bilangan/Peratus					Nilai Min
		ATS	TS	TP	S	AS	
1	Pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan telah dilaksanakan dengan baik	0	6	12	64	10	3.8478
		0%	6.5%	13.0%	69.6%	10.9%	
2	Pengurus-pengurus pada majlis taklim telah melaksanakan tugas amanahnya dengan baik	0	4	20	59	9	3.7935
		0%	4.3%	21.7%	64.1%	9.8%	
3	Majlis taklim telah mempunyai kurikulum dalam pelaksanaan aktiviti	1	3	24	59	5	3.6957
		1.1%	3.3%	26.1%	64.1%	5.4%	
4	Majlis taklim yang saya bimbing ramai diikuti para jemaah	2	7	34	39	10	3.5217
		2.2%	7.6%	37.0%	42.4%	10.9%	
5	Majlis taklim ramai diikuti oleh golongan perempuan	1	0	11	46	34	4.2174
		1.1%	0%	12.0%	50.0%	37.0%	

### **Kesimpulan**

Terhadap soalan 1-4 bahagian C tentang pandangan terhadap pengurusan majlis taklim para responden menunjukkan persepsi yang berbeza-beza yang terdiri amat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan amat tidak setuju. Dengan markah skor tertinggi 5 (amat setuju) dan terendah 1 (amat tidak setuju) mengikut skala Likert pada setiap soalan. Secara keseluruhan dalam 4 soalan diatas akan didapati bahawa markah terendah secara keseluruhan adalah 4 dan tertinggi adalah 20. Pengukuran tahap taburan

pandangan dalam item ini dibahagi kepada tiga iaitu rendah, sederhana, dan tinggi. Pengelasan ketiga-tiga tahap tersebut untuk menjelaskan secara deskriptif adalah dengan membezakan markah di antara ketiga-tiga tahap taburan iaitu apabila, 4-9 bererti rendah, 10-14 sederhana, dan 15-20 tinggi.

Secara keseluruhan nilai min soalan 1 hingga 4 melalui analisa SPSS adalah 3.8478, 3.7935, 3.6957, 3.5217 maka nilai min pada pandangan pertama ini adalah 14.8587 ertinya pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan dalam pandangan responden atau guru agama adalah dalam taraf sederhana meskipun angka ini sudah mendekati taraf baik atau memuaskan.

Nilai min jemaah yang ramai menghadiri majlis taklim kebanyakan dari golongan perempuan adalah 4.2174. ertinya majoriti responden berpandangan setuju bahawa majoriti jemaah majlis taklim adalah perempuan.

#### **4.5 Pandangan Responden Terhadap Amalan-Amalan dalam Fungsi-Fungsi Pengurusan Majlis Taklim.**

Fungsi-fungsi pengurusan sebagaimana dijelaskan dalam bab 2 tentang landasan teori pada kajian ini terdiri dari empat fungsi iaitu perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan kawalan. Maka soalan-soalan yang dibentuk pada soalan D 1 hingga 16 terdiri dari amalan-amalan pada empat fungsi tersebut. Jumlah amalan yang penyelidik cadangkan terdiri dari 4 pernyataan tentang amalan dari setiap fungsi pengurusan.

##### **4.5.1 Pandangan dalam Perancangan Aktiviti Majlis Taklim.**

Perancangan adalah fungsi yang sangat penting dalam pengurusan. Untuk membuat sebuah perancangan seseorang memerlukan maklumat tentang apa yang ingin

dirancang. Untuk itu sebagai bahan perancangan guru agama harusnya melakukan sebuah penyelidikan awal untuk mendapatkan maklumat dari wilayah atau tempat yang akan dibentuk atau dibimbing menjadi sebuah kumpulan yang terorganisir dengan baik.

**(a) Melaksanakan Penyelidikan Sebelum Membimbing Majlis Taklim**

Pada item pertama tentang perancangan iaitu tentang melaksanakan aktiviti penyelidikan sebelum memulakan membimbing sebuah majlis taklim para responden mempunyai pandangan bahawa mereka amat setuju seramai 11 orang (12.0 %), 66 orang (71.7%) setuju, 10 orang (10.9%) tidak pasti. Hanya terdapat 4 orang (4.3%) yang tidak setuju dan ada 1 orang yang sangat tidak setuju. Hal ini bererti bahawa dalam pandangan responden guru agama Islam mereka telah melaksanakan penyelidikan sebelum memulakan membimbing sebuah majlis taklim di Sumatera Selatan. Akan tetapi ada juga di antara guru agama yang melaksanakan bimbingan di majlis taklim tanpa melaksanakan penyelidikan terlebih dahulu.

**Jadual 4.6**  
**Melaksanakan Penyelidikan Sebelum Membimbing Majlis Taklim**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Setuju	4	4.3
Tidak Pasti	10	10.9
Setuju	66	71.7
Amat Setuju	11	12.0

**(b) Melaksanakan Mesyuarat Dengan Tokoh-Tokoh Agama dan Masyarakat**

Bagi aktiviti melaksanakan syura dengan tokoh-tokoh agama dan masyarakat yang terpilih untuk merancang aktiviti dan program di majlis taklim para responden secara keseluruhan memilih amat setuju 14 orang (15.2 %), setuju 68 orang (73.9 %), tidak pasti 9 orang (9.8%) dan tidak setuju hanya 1 orang (1.1%) sahaja, malahan tidak ada yang memilih jawapan amat tidak setuju. Ertinya, melalui soalan kedua ini para guru

agama berpandangan bahawa telah wujud bentuk amalan mesyuarat awal bersama tokoh-tokoh agama atau tokoh masyarakat bagi merancang aktiviti dakwah melalui majlis taklim.

**Jadual 4.7**  
**Melaksanakan Mesyuarat Dengan Tokoh-Tokoh Agama dan Masyarakat**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Pasti	9	9.8
Setuju	68	73.9
Amat Setuju	14	15.2

### C. Majlis Taklim Mempunyai Visi Dan Misi Secara Tertulis

Dalam pernyataan bahawa majlis taklim telah mempunyai visi dan misi secara tertulis para responden berpendapat bahawa mereka amat bersetuju sebanyak 9 orang (9.8%), setuju 45 orang (48.9%), tidak pasti 31 orang (33.7%), tidak bersetuju 7 orang (.6%) dan tak seorang pun yang memilih amat tidak setuju. Pada pernyataan ketiga ini berbeza dengan soalan yang pertama dan kedua dimana lebih dari 80 % yang bersepakat bahawa amalan-amalan perancangan penyelidikan dan mesyuarat telah dilakukan. Hasil dari penyelidikan dan mesyuarat seharusnya memunculkan suatu visi dan misi yang tertulis untuk mengukuhkan matlamat bersama yang hendak dicapai melalui aktiviti dakwah di majlis taklim.

Pada soalan ini majoriti memilih amat setuju (9.8%) dan setuju (48.9%) akan tetapi yang memilih tidak pasti berjumlah (33.7%) ertinya meskipun majoriti memilih jawapan setuju, jumlah kekerapan dan peratusnya tidak begitu signifikan seperti pada soalan pertama dan kedua. Ini bererti bahawa tidak semua majlis taklim yang diselia oleh responden mempunyai misi dan visi yang jelas dan tertulis.

**Jadual 4.8**  
**Majlis Taklim Mempunyai Visi dan Misi Secara Tertulis**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	7	7.6
Tidak Pasti	31	33.7
Setuju	45	48.9
Amat Setuju	9	9.8

**(d) Majlis Taklim Mempunyai Jadual Pelaksanaan Aktiviti.**

Pada soalan keempat yang merupakan bahagian terakhir amalan perancangan iaitu mengenai bahawa majlis taklim telah mempunyai jadual aktiviti pelaksanaan majlis taklim majoriti memilih amat setuju 21 orang (22.8%) dan 64 orang memilih setuju (69.6%) dan tidak pasti 7 orang (7.6%), dari pernyataan ini boleh diambil kesimpulan bahawa di majlis taklim yang dibimbing oleh para responden guru agama Islam telah mempunyai jadual aktiviti majlis taklim. Karena hanya 7 orang sahaja yang memilih tidak pasti malahan tidak ada yang memilih tidak setuju mahupun amat tidak setuju. Ertinya (92.4 %) memiliki pandangan amat setuju dan setuju bahawa majlis taklim yang telah mereka bimbing mempunyai jadual pelaksanaan aktiviti.

**Jadual 4.9**  
**Majlis Taklim Mempunyai Jadual Pelaksanaan Aktiviti**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	0	0
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	7	7.6
Setuju	64	69.6
Amat Setuju	21	22.8

#### **4.5.2 Pandangan Dalam Pengorganisasian Aktiviti Majlis Taklim**

Pengorganisasian adalah salah satu dari fungsi perancangan dengan cara pembahagian tugas bagi anggota organisasi serta mengatur sumber fizikal dan tenaga secara tersusun dan dimaksimumkan penggunaannya. Dalam pengorganisasian aktiviti dakwah di majlis taklim terdapat beberapa amalan yang dilakukan dalam pengurusan majlis taklim iaitu menyusun suatu kepengurusan organisasi, menyusun para petugas-petugas yang bertanggung jawab pada waktu pelaksanaan, membuat hebahan agar acara diikuti oleh orang ramai, dan menyiapkan sarana-sarana atau alatan-alatan bagi penyokong berjayanya pelaksanaan dakwah di majlis taklim.

##### **(a) Majlis Taklim Mempunyai Susunan Pengurus-Pengurus Organisasi**

Antara matlamat utama pengurusan adalah melakukan pekerjaan melalui kerjasama dengan orang lain untuk menyelesaikan tugas-tugas yang membantu menyelesaikan secara sempurna tujuan-tujuan organisasi dengan secepat mungkin. Untuk itu diperlukan orang-orang yang mampu bekerja sama dalam satu kumpulan yang dikenal dengan organisasi. Mereka bekerja sama sesuai dengan tugas-tugas masing-masing. Dalam organisasi majlis taklim sekurang-kurangnya susunan pengurusan organisasi terdiri dari ketua, setiausaha, bendahari, dan anggota atau ditambah dengan bahagian-bahagian tertentu.

Dalam pandangan terhadap soal selidik yang berkenaan dengan telah wujudnya susunan pengurus-pengurus organisasi di majlis taklim yang mereka bimbing, para responden memberikan jawapan amat setuju 26 orang (28.3%), setuju 54 orang (58.7%), tidak pasti 9 orang (9.8%), tidak setuju 3 orang (3.3%), amat tidak setuju 2 orang (2.2%). Ini bererti bahawa para penyuluh ada yang berpandangan bahawa wujud



majlis taklim yang tidak memiliki susunan pengurus organisasi meskipun jumlah mereka sangat sedikit iaitu 5 orang 5.5% akan tetapi majoriti tetap berpendapat bahawa majlis taklim yang mereka bimbing mempunyai pengurus-pengurus organisasi untuk mengurus majlis taklim.

**Jadual 4.10**  
**Majlis Taklim Mempunyai Susunan Pengurus-Pengurus Organisasi**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Pasti	9	9.8
Setuju	54	58.7
Amat Setuju	26	28.3

**b. Menyusun Petugas-Petugas Dalam Setiap Pelaksanaan Aktiviti Majlis Taklim**

Majlis taklim di Sumatera Selatan khasnya yang dibimbing oleh guru agama Islam dilaksanakan pada amnya setiap minggu sekali. Beberapa kumpulan majlis taklim ada juga yang lebih dan ada juga yang kurang dari seminggu atau 2 minggu sekali. Dalam setiap pelaksanaan aktiviti yang berbentuk pemberian pengajaran, atau ceramah, terdapat petugas-petugas yang ikut membantu dalam kejayaan setiap pelaksanaannya. Petugas-petugas itu biasanya dimesyuaratkan oleh pengurus dan jemaah setiap bulan atau minggu. Antaranya ada yang bertugas menyiapkan tempat dan alatan yang diperlukan, sebagai pembawa acara, pembaca al-Qur’ān, membahagikan makananan ringan untuk pembicara dan jemaah, atau pembaca doa penutup dan lain-lain. Tugas tersebut tentunya tidak boleh untuk dilakukan oleh seorang sahaja. Ia dipelukan kerjasama antara perngurus dan jemaah. Dalam hal ini rasa tanggungjawab atas amanah yang diberikan sangat menyokong kejayaan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Secara keseluruhan para responden memilih amat setuju 19 orang (20.7%), setuju 54 orang (58.7%), tidak pasti 14 orang (15.2%) tidak setuju 3 orang (3.3%), amat tidak setuju (2.2%). Dari jawapan atas pilihan ini menunjukkan bahawa secara mayorit para responden bersetuju dengan telah adanya penyusunan petugas-petugas dalam setiap pelaksanaan aktiviti majlis taklim meskipun tidak semuanya. Terdapat responden yang masih ragu dan tidak setuju malahan amat tidak setuju dengan pernyataan ini. Ini menunjukkan masih terdapat majlis taklim yang disusun tanpa adanya pengagihan tugas dalam pelaksanaannya.

**Jadual 4.11**  
**Mengorganisasi Petugas-Petugas Pada Setiap Aktiviti Majlis Taklim**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	3	3.3
Tidak Pasti	14	15.2
Setuju	54	58.7
Amat Setuju	19	20.7

**c. Membuat Hebahan Bagi Meramaikan Jumlah Jemaah Yang Hadir**

Terhadap pernyataan ini sebanyak 22 orang (23.9%) memilih amat setuju, 42 orang (45.7%) setuju, 22 orang (23.9%) tidak pasti, 4 orang (4.3%) tidak setuju dan 2 orang (2.2%) amat tidak setuju. Dari jawapan ini nampak bahawa jumlah responden yang memilih tidak pasti bertambah menjadi 23.9% ertinya banyak juga diantara responden yang merasa ragu apakah telah terdapat hebahan dan jemputan khas kepada masyarakat daripada pengurus-pengurus majlis taklim tentang adanya aktiviti majlis tersebut.

**Jadual 4.12**  
**Pengurus-Pengurus Membuat Hebahan dan Jemputan**  
**Bagi Meramaikan Bilangan Jemaah Yang Hadir**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	4	4.3
Tidak Pasti	22	23.9
Setuju	42	45.7
Amat Setuju	22	23.9

**(d) Majlis Taklim Telah Mempunyai Sarana-sarana Penyokong Aktiviti di Majlis Taklim**

Alatan-alatan adalah sarana penyokong bagi kejayaan majlis taklim. Wujudnya alatan-alatan akan memudahkan para pengajar atau ustaz menyampaikan isi kandungannya dan memudahkan para jemaah untuk memahami apa yang disampaikan para penceramah atau guru. Antara alatan-alatan yang boleh menyokong antaranya seperti mikrofon dan sound system, meja dan kerusi bagi guru atau penceramah, papan tulis dan alat-alat tulis lainnya, sampai OHV dan alatan multimedia.

Para responden atas pernyataan ini memilih amat setuju seramai 17 orang (18.5%), setuju 40 orang (43.5%), tidak pasti 27 orang (29.3%), tidak setuju 5 orang (5.4%) dan amat tidak setuju 3 orang (3.3%). Ini bererti bilangan yang memilih setuju tetap menjadi majoriti dibanding jawapan lainnya. Tetapi pada soalan ini jumlah yang ragu-ragu atau tidak pasti, lebih banyak daripada yang memilih amat setuju ertinya, cukup banyak yang mempunyai pandangan bahawa alatan-alatan sarana penyokong dalam aktiviti majlis taklim masih kurang.

**Jadual 4.13**  
**Majlis Taklim Telah Mempunyai Sarana-Sarana Penyokong**  
**Aktiviti di Majeis Taklim.**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	3	3.3
Tidak Setuju	5	5.4
Tidak Pasti	27	29.3
Setuju	40	43.5
Amat Setuju	17	18.5

#### **4.5.3 Pandangan Dalam Pelaksanaan Aktiviti Majlis Taklim**

Pelaksanaan adalah fungsi ketiga dalam pengurusan. Pelaksanaan merupakan proses menterjemahkan segala yang telah dirancang ke dalam sejumlah tindakan menurut urutannya. Amalan-amalan dalam fungsi pengurusan yang ketiga ini adalah memastikan apakah rancangan dan pengorganisasian boleh diterapkan kepada anggota-anggota majlis taklim.

##### **(a) Pelaksanaan Aktiviti Majlis Taklim Berlari Sesuai Dengan Waktu Yang Telah Dirancang**

Pada pernyataan pada bahagian fungsi pelaksanaan tentang aktiviti majlis taklim dilaksanakan selari dengan waktu yang telah dirancang. Maksud pernyataan ini adalah adakah rancangan tentang waktu pertemuan dan masa yang digunakan telah sesuai dengan perancangan awal. Secara keseluruhannya para responden memilih amat setuju 3 orang (3.3%) Setuju 23 orang (25.%) tidak pasti 54 orang (58.7%) tidak setuju 12 orang(13%) dan amat tidak setuju 3 orang (3.3%). Hal ini bererti dalam pandangan responden rancangan yang telah ditetapkan berkaitan dengan waktu dan masa pelaksanaan boleh jadi tidak sesuai dengan pelaksanaannya. Ini terlihat dengan ramainya responden yang memilih tidak pasti iaitu 58.7% meskipun cukup banyak yang berpendapat bahawa waktu pelaksanaan sesuai dengan rancangan.

**Jadual 4.14**  
**Pelaksanaan Aktiviti Majlis Taklim Berlari**  
**Sesuai Dengan Waktu Yang Telah Dirancang.**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	3	3.3
Tidak Setuju	12	13.0
Tidak Pasti	54	58.7
Setuju	23	25.0
Amat Setuju	3	3.3

**(b) Para Pengurus Telah Berusaha Dengan Sungguh-Sungguh Dalam Menyokong Jemaah Untuk Aktif di Majlis Taklim.**

Pada fungsi pelaksanaan, kesungguhan para pengurus untuk memotivasi, mengarahkan, membimbing sangat menentukan keberhasilan dalam mengurus sebuah organisasi. Para responden dalam hal ini mempunyai pandangan bahawa mereka amat setuju 21 orang 22.8%, setuju 57 orang 62.0 %, tidak pasti 11 orang 12.0%, dan 3 orang yang memilih pandangan amat tidak setuju (3.3%). Hal ini bererti bahawa menurut pandangan responden para pengurus majlis taklim yang mereka bimbing majoritinya telah berusaha dengan maksimal dalam memotivasi para jemaah untuk aktif dalam aktiviti majlis taklim.

**Jadual 4.15**  
**Pengurus Telah Berusaha Dengan Sungguh-Sungguh Dalam Mensokong Jemaah**  
**Untuk Aktif di Majlis Taklim**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	3	3.3
Tidak Setuju	0	0
Tidak Pasti	11	12.0
Setuju	57	62.0
Amat Setuju	21	22.8

**(c) Wujudnya Aktiviti Tanya Jawab dan Diskusi dalam Pelaksanaan Aktiviti Majlis Taklim.**

Majlis taklim dalam pelaksanaannya terjadi proses belajar mengajar, di mana para jemaah mendengarkan atau memperhatikan isi kandungan yang disampaikan penceramah. Majlis taklim yang aktif para jemaahnya tidak setakat mendengarkan sahaja tetapi juga memberikan pertanyaan-pertanyaan dan idea-idea yang ingin mereka sampaikan untuk dijadikan satu perbincangan. Terhadap pernyataan ini para responden memberikan jawapan amat setuju seramai 30 orang (32.6%), setuju 53 orang (57.6%), tidak pasti 7 orang (7.6%) tidak setuju 1 orang (1.1%) dan amat tidak setuju juga 1 orang sahaja (1.1%). Jawapan ini menunjukkan dalam pandangan responden majoriti dalam pelaksanaan aktiviti majlis taklim telah terjadi tanya jawab dan diskusi.

**Jadual 4.16**  
**Wujudnya Aktiviti Tanya Jawab dan Diskusi Dalam Pelaksanaan**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Pasti	7	7.6
Setuju	53	57.6
Amat Setuju	30	32.6

**(d) Para Jemaah Telah Berpuas Hati Terhadap Pelaksanaan Aktiviti Majlis Taklim**

Bila fungsi pelaksanaan telah dijalankan dengan baik akan membuat para organisasi yang memahami matlamat majlis taklim merasa puas dengan apa yang mereka dapatkan melalui majlis taklim seperti tambahan ilmu dan kefahaman terhadap ajaran agama, kesesuaian waktu dan terjawabnya masalah-masalah yang mereka hadapi dalam kehidupan sehari-hari.

Tentang pernyataan bahawa para jemaah telah berpuas hati terhadap pelaksanaan aktiviti majlis taklim seramai 15 orang memilih amat setuju (16.3%), 49 orang setuju (53.3%) 23 orang memilih tidak pasti (25.0%) 3 orang tidak setuju (3.3%)

dan 2 orang amat tidak setuju (2.2%). Jawapan ini menunjukkan dalam pandangan responden para jemaah telah berpuas hati menjadi jawapan majoriti. Meskipun peratus responden yang ragu-ragu tentang rasa puas hati para jemaah juga dalam bilangan yang cukup besar iaitu (25.0%). Ertinya beberapa responden merasa ragu apakah para jemaah telah berpuas hati terhadap pelaksanaan aktiviti yang telah dilaksanakan.

**Jadual 4.17**  
**Para Jemaah Telah Berpuas Hati Terhadap Pelaksanaan**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	3	3.3
Tidak Pasti	23	25.0
Setuju	49	53.3
Amat Setuju	15	16.3

#### **4.5.4 Pandangan Terhadap Kawalan Aktiviti Majlis Taklim**

Fungsi kawalan ialah sebagai sebuah proses untuk menentukan atau menjamin supaya kegiatan organisasi terarah kepada pencapaian matlamat yang telah ditetapkan. Maka amalan-amalan yang dilaksanakan adalah amalan yang boleh membantu para pengurus melihat apakah pelaksanaan telah mencapai matlamat yang diinginkan. Oleh itu, beberapa pernyataan yang penyelidik bentuk terbahagi kepada empat pernyataan sahaja iaitu wujudnya mesyuarat rutin setiap bulan di antara pengurus; Mempunyai arkib /data tentang kumpulan ceramah/isi kandungan; Mempunyai catatan tentang kehadiran jemaah pada setiap aktiviti majlis taklim; dan, Membuat laporan kepada Kementerian Agama Kabupaten/Kota

### (a) Wujudnya Mesyuarat Rutin Setiap Bulan

Mesyuarat adalah perundingan untuk membincangkan sesuatu atau mencapai suatu keputusan.<sup>175</sup> Mesyuarat sangat penting dalam sesebuah organisasi kerana melalui perundingan akan diperoleh maklumat dan pandangan dari pelbagai orang tentang suatu tema yang diperbincangkan. Dalam organisasi majlis taklim rapat sangat penting bagi mengawal bagaimana pelaksanaan dalam setiap bulannya apakah ia terdapat kekurangan dalam pelaksanaan dan boleh mencapai matlamat atau telah berjalan sesuai dengan perancangan dan telah mampu mencapai matamat.

Dalam hal pandangan terhadap wujudnya mesyuarat rutin setiap bulan di kumpulan majlis taklim yang responden bimbing, terdapat 8 orang yang memilih amat setuju (8.7%), 52 orang setuju (56.5%), 27 orang tidak pasti(29.3%), 3 orang tidak setuju (3.3%) dan 2 orang amat tidak setuju (2.2%). Ertinya majoriti majlis taklim di Sumatera Selatan yang dibimbing oleh para responden telah melaksanakan amalan mesyuarat secara berterusan bagi mengawal aktiviti majlis taklim agar mampu mencapai matlamat yang ditentukan.

**Jadual 4.18**  
**Wujudnya Mesyuarat Rutin Setiap Bulan**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	3	3.3
Tidak Pasti	27	29.3
Setuju	52	56.5
Amat Setuju	8	8.7

<sup>175</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 1028.



### **(b) Mempunyai Arkib tentang Ceramah/Isi Kandungan**

Maklumat tentang ceramah atau isi kandungan perlu untuk dikumpulkan oleh pengurus bagi mengawal manakah tajuk yang telah disampaikan dan tajuk lain yang yang belum dan perlu disampaikan. Kumpulan dari isi kandungan ini juga boleh dimanfaatkan oleh jemaah yang ingin untuk mengkaji ulang isi kandungan yang belum difahami.

Para responden memilih amat setuju seramai 10 orang (10.9%), setuju 35 orang (38.0%), tidak pasti 40 orang (43.5%), tidak setuju 6 orang (6.5%), amat tidak setuju (1.1%) ini bererti majlis taklim yang dibimbing oleh guru agama Islam dalam pandangan mereka telah mempunyai arkib dan data jumlahnya tidak signifikan hanya 45 orang sahaja malahan mereka yang memilih jawapan tidak pasti lebih banyak iaitu seramai 40 orang. Hal ini mengindikasikan bahawa mereka ragu terhadap pernyataan ini adakah telah terdapat arkib tentang kumpulan ceramah yang selama ini telah dilaksanakan.

**Jadual 4.19**  
**Majlis Taklim Mempunyai Arkib /Data Tentang**  
**Kumpulan Ceramah atau Isi Kandungan**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Setuju	6	6.5
Tidak Pasti	40	43.5
Setuju	35	38.0
Amat Setuju	10	10.9

### **(c) Mempunyai Catatan Tentang Kehadiran Jemaah Pada Setiap Aktiviti Majlis Taklim.**

Adanya data atau arkib tentang jumlah kehadiran jemaah boleh membantu bagi mengawal adakah jumlah jemaah yang hadir bertambah atau berkurang dibandingkan hari sebelumnya. Juga boleh mengetahui alasan ketidakhadiran mereka. Melalui catatan ini juga boleh dijadikan sarana silaturahmi apabila ada jemaah yang tidak hadir kerana

sakit dalam beberapa kali pertemuan agar dapat dikunjungi oleh pengurus dan jemaah yang lain.

Pada pernyataan tentang catatan kehadiran para responden memilih jawapan amat setuju seramai 23 orang (25.0%), setuju 43 orang (46.7%), tidak pasti 19 orang (20.7%), tidak setuju 6 orang (6.5%) dan amat tidak setuju 1 orang (1.1%). Dalam soalan ini majoriti responden memilih jawapan setuju dan amat setuju seramai seramai 66 orang ertinya ramai di antara guru agama yang menjelaskan bahawa majlis taklim yang mereka bimbing mempunyai catatan tentang kehadiran jemaah mereka. Meskipun masih ramai yang memilih jawapan tidak pasti atau ragu iaitu seramai 19 orang ini bererti tidak semua kumpulan majlis taklim memiliki catatan kehadiran jemaahnya.

**Jadual 4.20**  
**Mempunyai Catatan Tentang**  
**Kehadiran Jemaah Pada Setiap Aktiviti Majlis Taklim**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Setuju	6	6.5
Tidak Pasti	19	20.7
Setuju	43	46.7
Amat Setuju	23	25.0

**(d) Membuat Laporan Kepada Kementerian Agama Kabupaten/Kota**

Laporan ialah sesuatu yang dilaporkan, diberitahukan tentang maklumat mengenai kedudukan atau masalah yang dihadapi dan lain-lain.<sup>176</sup> Dalam hal ini para responden seharusnya melaporkan aktiviti-aktiviti selama pelaksanaan majlis taklim kepada kementerian agama untuk dikenal pasti dan menjadi bahan perbincangan apabila terdapat masalah yang perlu diselesaikan. Laporan ini juga bermanfaat sebagai bahan

<sup>176</sup> Teuku Umar (2007), *op.cit.*, h. 892.

kawalan dan evaluasi terhadap pelaksanaan yang telah dirancang sebelumnya untuk diubah suai jika terdapat pelbagai kekurangan.

Para responden seramai 35 orang memilih amat setuju (38.0%), 44 orang setuju (47.8%), 10 orang tidak pasti (10.9%), 1 orang tidak setuju (1.1%) dan 2 orang amat tidak setuju (2.2%). Dalam pernyataan yang terakhir dari amalan kawalan para responden majoriti memilih setuju 44 orang dan amat setuju 35 orang ertinya seramai 85% responden memiliki pandangan positif atau setuju bahawa menurut mereka telah dilaksanakannya amalan membuat pelaporan kepada kementerian agama di daerah masing-masing sebagai maklumat yang dapat digunakan untuk mengawal dan mengevaluasi aktiviti di majlis taklim.

**Jadual 4.21**  
**Membuat Laporan Kepada Kementerian Agama Kabupaten/Kota**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	2	2.2
Tidak Setuju	1	1.1
Tidak Pasti	10	10.9
Setuju	44	47.8
Amat Setuju	35	38.0

#### **4.5.5 Kesimpulan Terhadap Pandangan tentang Amalan-Amalan dalam Fungsi Pengurusan di Majlis Taklim.**

Dari pandangan responden terhadap amalan-amalan pengurusan yang dilaksanakan pada majlis taklim dibahagikan kepada empat bahagian iaitu amalan fungsi perancangan, fungsi pengorganisasian, pelaksanaan dan kawalan. Masing-masing fungsi terdiri dari empat pernyataan yang telah dijawab oleh responden. Markah penilaian pandangan terhadap amalan-malan tersebut menggunakan markah 4-9 untuk rendah, 10-14 untuk sederhana, 15-20 untuk tinggi.

1. Pada amalan-amalan dalam fungsi perancangan, total nilai min dari empat soalan adalah tinggi iaitu mencapai 15.6848.
2. Pada amalan-amalan dalam fungsi pengurusan, total nilai min dari empat soalan adalah tinggi iaitu 15.5543.
3. Pada amalan-amalan dalam fungsi pelaksanaan, total nilai min dari empat soalan adalah tinggi iaitu 16.0435.
4. Pada amalan-amalan dalam fungsi kawalan, total nilai min dari empat soalan adalah tinggi iaitu 15.2391

**Jadual 4.22**  
**Nilai Min Soalan 1-16 D**  
**Amalan-Amalan dalam Fungsi-Fungsi Pengurusan**

**a. Fungsi Perancangan**

Soalan 1-4	Melaksanakan Penyelidikan tentang kondisi masyarakat	Melaksanakan Mesyuarat dengan tokoh agama dan masyarakat	Mempunyai Visi dan Misi tertulis	Mempunyai Jadual Kegiatan	Total Nilai Min
Nilai min	3.8913	4.0326	3.6087	4.1522	15.6848

**b. Fungsi Pengurusan**

Soalan 5-8	Mempunyai susunan pengurus	Mempunyai petugas-petugas yang bertanggung jawab dengan tugas-tugas khas	Membuat hebahan melalui lisan mahupun tulisan	Mempunyai sarana yang lengkap	Total Nilai min
Nilai Min	4.0978	3.9239	3.8478	3.6848	15.5543

**c. Fungsi Pelaksanaan**

Soalan 9-12	Pelaksanaan berlari sesuai dengan waktu yang dirancang	Para pengurus bersungguh-bersungguh mengajak untuk menghadiri majlis takli	Melaksanakan diskusi dan Tanya jawab	Para jamaah majlis taklim telah berpuas hati	Total nilai min
Nilai min	4.0543	4.0109	4.1957	3.7826	16.0435

**d. Fungsi Kawalan**

Soalan 13-16	Melaksanakan mesyuarat rutin bulanan	mempunyai arkib kumpulan ceramah	mempunyai rekod kehadiran jamaah	mempunyai laporan kegiatan	Total nilai min
Nilai min	3.6630	3.5109	3.8804	4.1848	15.2391

Dari analisa nilai min dalam kajian statistik melalui SPSS, para responden secara amnya memandang atau mempunyai persepsi bahawa amalan-amalan pengurusan telah dilaksanakan dalam aktiviti dakwah di majlis taklim. Meskipun didapati dalam kajian ini masih ada di antara beberapa responden yang tidak bersetuju bahawa amalan-amalan pengurusan telah dilaksanakan. Bahkan peratus yang memilih ragu-ragu cukup ramai. (lihat lampiran jawapan responden). Hal ini menunjukkan bahawa masih terdapat responden yang merasa belum adanya pengurusan yang baik belum dilaksanakan di majlis taklim dalam provinsii Sumatera Selatan.

#### **4.6 Analisis Terhadap Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Agama Dalam Pengurusan Majlis Taklim**

Dalam pengurusan majlis taklim, tentunya mempunyai masalah-masalah yang boleh membantutkan kejayaan majlis taklim menggapai matlamatnya. Antara beberapa masalah itu antaranya: terhadapnya kewangan, kurangnya sumber modal insan di majlis taklim yang mempunyai kemahiran dalam bidang pengurusan, kurangnya sokongan dari persekitaran, tidak wujudnya kerjasama antara pengurus dan jemaah, Perbezaan Pemikiran dan Mazhab Keagamaan di Antara Jemaah, dan Kurangnya Kesungguhan Jemaah.

##### **4.6.1 Terhadapnya Kewangan.**

Secara keseluruhan, para responden memilih amat setuju seramai 21 orang (22.8%), setuju 45 orang (48.9%), tidak pasti 16 orang (17.4%), tidak setuju 5 orang (5.5%) dan amat tidak setuju juga 5 orang (5.5%). Hal ini menunjukkan bahawa majoriti responden sebanyak 21 dan 45 (71.7%) memiliki pandangan bahawa terhadapnya kewangan merupakan masalah yang banyak mereka hadapi dalam pengurusan majlis taklim.

**Jadual 4.23**  
**Kewangan yang Terhad**  
**(n =92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	5	5.4
Tidak Setuju	5	5.4
Tidak Pasti	16	17.4
Setuju	45	48.9
Amat Setuju	21	22.8

#### **4.6.2 Kurangnya Sumber Modal Insan di Majlis Taklim Yang Mempunyai Kemahiran Dalam Bidang Pengurusan**

Pada masalah kedua tentang kurangnya modal insan yang mempunyai kemahiran dalam bidang pengurusan, para responden memilih Amat setuju 15 orang (16.3%), setuju 50 orang (54.3%), tidak pasti 14 orang (15.2%), tidak setuju 9 orang (9.8%), amat tidak setuju 4 orang (4.3%). Ini bererti para responden juga berpandangan secara majoriti 15 dan 50 orang (70.6%), bahawa masalah ini menjadi halangan dalam mengurus majlis taklim.

**Jadual 4.24**  
**Kurangnya Sumber Modal Insan di Majlis Taklim**  
**Yang Mempunyai Kemahiran Dalam Bidang Pengurusan**  
**(n = 92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	4	4.3
Tidak Setuju	9	9.8
Tidak Pasti	14	15.2
Setuju	50	54.3
Amat Setuju	15	16.3

#### **4.6.3 Kurangnya Sokongan dari Persekitaran**

Para soalan ketiga tentang kurangnya sokongan dari persekitaran, responden memilih dengan jawapan yang sangat berbeza yang jumlah peratusnya hampir sama, Amat setuju 10 orang (10.9%), setuju 33 orang (35.9%), tidak pasti 20 orang (21.7%), tidak setuju 25 orang (27.2%), amat tidak setuju 4 orang (4.3%). Ini bererti bahawa di beberapa

kumpulan majlis taklim telah terdapat sokongan dari persekitaran, tetapi di beberapa tempat lagi kurang mendapat sokongan dari persekitaran.

**Jadual 4.25**  
**Kurangnya Sokongan dari Persekitaran**  
**(n=92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	4	4.3
Tidak Setuju	25	27.2
Tidak Pasti	20	21.7
Setuju	33	35.9
Amat Setuju	10	10.9

#### 4.6.4 Tidak Wujudnya Kerjasama Antara Pengurus dan Jemaah

Tentang kerja sama antara pengurus dan jemaah Para responden memilih Amat setuju 2 orang (2.2%), setuju 14 orang (15.2%), tidak pasti 20 orang (21.7%), tidak setuju 42 orang (45.7%), amat tidak setuju 14 orang (15.2%). Hal ini menunjukkan bahawa bagi majoriti responden telah terdapat kerja sama antara pengurus dan jemaah sehingga ini bukanlah masalah yang boleh membantutkan upaya-upaya mengurus majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan. Analisis ini disimpulkan karena lebih dari separuh 56 orang (60.9%) tidak setuju terhadap pernyataan ini menjadi masalah dalam mengurus majlis taklim.

**Jadual 4.26**  
**Tidak Wujudnya Kerjasama Antara Pengurus dan Jemaah**  
**(n=92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	14	15.2
Tidak Setuju	42	45.7
Tidak Pasti	20	21.7
Setuju	14	15.2
Amat Setuju	2	2.2

#### 4.6.5 Perbezaan Pemikiran dan Mazhab Keagamaan Antara Jemaah

Para responden memilih Amat setuju 1 orang (1.1%), setuju 27 orang (29.3%), tidak pasti 21 orang (22.8%), tidak setuju 27 orang (29.3%), amat tidak setuju 16 orang (17.4%). Pada soalan ini kekerapan atau peratus yang memilih salah satu jawapan tidak terlalu berbeza antara satu dengan yang lainnya. Hal ini menunjukkan bahawa antara satu responden dengan responden lainnya mempunyai pandangan yang berbeza bahkan cenderung menghala ke negatif. Ertinya pada beberapa responden perbezaan pemikiran dan mazhab boleh menjadi halangan dalam pengurusan majlis taklim. Tapi di beberapa tempat lain ia tidak menjadi halangan atau masalah dalam pengurusan majlis taklim.

**Jadual 4.27**  
**Perbezaan Pemikiran dan Mazhab Keagamaan Antara Jemaah**  
**(n=92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	16	17.4
Tidak Setuju	27	29.3
Tidak Pasti	21	22.8
Setuju	27	29.3
Amat Setuju	1	1.1

#### 4.6.6 Kurangnya Kesungguhan Jemaah

Tentang kurangnya kesungguhan jemaah, para responden memilih Amat setuju hanya 2 orang (2.2%), setuju 22 orang (23.9%), tidak pasti 18 orang (19.6%), tidak setuju 38 orang (41.3%), amat tidak setuju 12 orang (13.0%). Pada soalan ini para responden majoritinya memilih tidak setuju atau negatif, malahan 12 orang juga memilih amat tidak setuju dan 18 orang ragu-ragu ertinya menurut para responden kurangnya kesungguhan para jemaah bukanlah menjadi suatu masalah dalam pengurusan majlis taklim.



**Jadual 4.28**  
**Kurangnya Kesungguhan Para Jemaah**  
**(n=92)**

Pilihan	Bilangan	Peratus
Amat Tidak Setuju	12	13.0
Tidak Setuju	38	41.3
Tidak Pasti	18	19.6
Setuju	22	23.9
Amat Setuju	2	2.2

#### 4.6.7 Kesimpulan Tentang Masalah-Masalah dalam Pengurusan Majlis Taklim

Mengenai masalah-masalah dalam pengurusan yang diperoleh berasaskan beberapa kajian terdahulu dan hasil temu bual, setelah dianalisa ternyata tidak semua masalah yang penyelidik dedahkan menjadi masalah yang utama bagi responden dalam pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan. Tetapi mereka juga menyetujui bahawa masalah-masalah tersebut antaranya boleh menjadi penghalang berjayanya pengurusan majlis taklim. Sebagaimana ditunjukkan pada jadual berikut ini.

**Jadual 4.29**  
**Nilai Min Masalah-Masalah dalam Pengurusan Majlis Taklim**  
**(n=92)**

	kewangan yang terhad	Kurangnya sumber modal insan yang berkemahiran	Kurangnya sokongan dari masyarakat dan pemerintah	Tidak ada kerjasama antara pengurus dan jemaah	wujudnya perbezaan mazhab dan pemikiran	Kurang kesungguhan para jemaah dalam menuntut ilmu
Nilai min	3.7826	3.6848	3.2174	2.6304	2.6739	2.6087

Dari senarai nilai min pada setiap halangan, dapat dilihat bahawa nilai min yang di atas median 3 dengan urutan tertinggi adalah kewangan yang terhad, kurangnya sumber modal insan yang berkemahiran dalam bidang pengurusan dan kurangnya sokongan dari masyarakat. Manakala masalah tidak ada kerja sama, wujudnya perbezaan pemikiran dan mazhab keagamaan dan kurangnya kesungguhan para jemaah

dianggap tidak terlalu menjadi faktor penghambat. Dari sini dapat disimpulkan bahawa ada tiga masalah utama yang menjadi masalah dalam pengurusan iaitu kewangan yang terhad, kurangnya sumber modal insan yang berkemahiran dan kurangnya sokongan dari masyarakat dan persekitaran.

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini mengandung kesimpulan keseluruhan hasil kajian dan saranan-saranan berdasarkan hasil kajian kepada beberapa pihak tertentu bagi meningkatkan lagi berjayanya matlamat majlis taklim melalui pengurusan yang cekap dan berkesan.

#### **5.2 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada hasil kajian, beberapa kesimpulan telah dapat dirumuskan dan dibahagikan kepada jawapan dari tiga objektif kajian yang ingin dicapai, iaitu:

1. Mengetahui pasti pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.
2. Mengetahui pasti persepsi guru agama terhadap amalan-amalan dalam fungsi pengurusan majlis taklim seperti perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan, dan kawalan.
3. Mengetahui halangan-halangan dalam pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.

Kesimpulan yang pertama, kajian ini mendapati bahawa pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan secara pentadbiran keseluruhannya dikelola oleh Kementerian Agama di kabupaten/kota di wilayah Provinsi Sumatera Selatan. Majoriti majlis taklim di Sumatera Selatan dilaksanakan di Masjid dan didominasi oleh golongan kaum perempuan. Majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan sejak tahun 2009 diharuskan membuat susunan organisasi meskipun masih secara sederhana.

Pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan menjadi lebih baik pada saat ini disebabkan peranan dari guru agama di Kementerian Agama yang membimbing secara langsung majlis taklim-majlis taklim di wilayah tugasnya. Dengan adanya bimbingan dari guru agama menjadikan aktiviti majlis taklim di Sumatera Selatan lebih terurus dengan adanya kurikulum yang menjadi panduan dalam pelaksanaan aktiviti majlis taklim sesuai dengan keperluan masyarakat.

Kedua, kajian ini mendapati beberapa usaha-usaha yang telah dilaksanakan guru agama dalam peranannya mengurus majlis taklim dalam fungsi-fungsi pengurusan seperti perancangan, pengorganisasian, pelaksanaan dan kawalan aktiviti majlis taklim. Dalam pandangan guru agama berasaskan soal selidik, fungsi-fungsi pengurusan yang harus dilaksanakan di majlis taklim oleh mereka dan pengurus taklim, telah dilaksanakan dengan baik atau memuaskan. Meskipun dari jawapan responden, amalan-amalan pengurusan tidak secara keseluruhan dilaksanakan pada semua majlis taklim yang dibimbing oleh guru agama. Masih terdapat majlis taklim yang belum dikelola dengan pengurusan yang baik.

Ketiga, kajian ini mendapati bahawa masalah-masalah utama dalam pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan menurut pandangan guru agama utamanya adalah masalah kewangan yang terhad, kurangnya kemahiran sumber modal insan dalam masalah kepengurusan dan kurangnya sokongan dari persekitaran. Manakala masalah kurangnya kerjasama antara pengurus dan jemaah, perbezaan pemikiran dan mazhab keagamaan, dan kurangnya kesungguhan jemaah dianggap tidak terlalu menjadi faktor penghambat.

### **5.3 Saranan**

Majlis taklim hendaknya diurus dengan baik dengan cekap dan berkesan. Semua ini dapat berlaku jika semua pihak dengan telus dan ikhlas bekerja sama bagi memajukan aktiviti dakwah di majlis taklim. Pihak-pihak yang terlibat adalah pemerintah dalam hal ini Kementerian Agama, para pendakwah iaitu guru agama dan tokoh-tokoh agama di masyarakat, pengurus-pengurus dan ahli-ahli di masyarakat. Oleh itu berdasarkan dapatan kajian penyelidik memberikan saranan dan cadangan bagi menjayakan pengurusan majlis taklim.

#### **5.3.1 Kementerian Agama Provinsi Sumatera Selatan**

Selain kesimpulan di atas, kajian ini juga mendapati bahawa jumlah majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan masih lebih sedikit dari jumlah masjid yang terdata. Oleh itu, bagi Kementerian Agama Republik Indonesia khasnya Provinsi Sumatera Selatan dan juga seluruh kabupaten / kota di Sumatera Selatan. Penyelidik mencadangkan supaya memberikan amaran dan sokongan kepada guru agama dan tokoh-tokoh agama di masyarakat untuk membentuk aktiviti dakwah majlis taklim di masjid-masjid yang belum wujud aktiviti dakwah.

Berdasarkan kajian, jumlah guru agama di Sumatera Selatan masih sangat sedikit bilangannya. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar Kementerian Agama menambah jumlah pegawai di jawatan guru agama untuk memperkasakan aktiviti dakwah di Sumatera Selatan.

Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa masalah utama adalah kerana terhadnya kewangan dan sumber modal insan yang kurang berkemahiran dalam bidang pengurusan. Penyelidik mencadangkan agar Kementerian Agama dapat membantu

secara kewangan dengan bekerja sama dengan pemerintah daerah, atau korporat-korporat yang ada bagi menyokong program-program di majlis taklim. Bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan, Kementerian Agama hendaklah membuat program berbentuk seminar, workshop atau bengkel bagi para pengurus yang telah ada atau calon-calon pengurus majlis taklim yang akan datang. Program ini dapat bekerja sama dengan guru agama, masjid-masjid, untuk memilih peserta-peserta yang mempunyai potensi bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan.

### **5.3.2 Guru Agama Islam**

Berdasarkan hasil kajian, didapati hanya 5 orang sahaja dari penyuluh agama yang berpendidikan sarjana (master), oleh itu penyelidik mencadangkan kepada guru agama untuk meningkatkan pengetahuan dan maklumat dengan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana atau doktor mahupun terus mengkaji kitab-kitab agama secara individu. Hal ini penting untuk membuktikan bahawa jawatan guru agama adalah seorang da'i profesional dari Kementerian Agama.

Kajian ini mendapati bahawa menurut pandangan guru agama pengurusan majlis taklim telah berlari dengan baik. Untuk itu, kepada saudara-saudari guru agama Islam yang telah berusaha dengan maksimal bagi menjayakan aktiviti dakwah melalui majlis taklim, penyelidik mengucapkan tahniah dan semoga Allah memudahkan langkah-langkah antum dalam membangunkan dakwah di Provinsi Sumatera Selatan. Bagi yang masih belum berjaya dan masih mendapatkan pelbagai cabaran, halangan dan rintangan sama ada dari dalam diri sendiri mahupun dari persekitaran penulis mendoakan semoga Allah SWT menguatkan dan memberikan kesabaran serta kemampuan untuk mengurus majlis taklim.

### **5.3.3 Pengurus dan Ahli-Ahli Majlis Taklim**

Kajian ini mendapati bahawa antara masalah utama dalam pengurusan majlis taklim adalah rendahnya sumber modal insan yang memiliki kemahiran dalam bidang pengurusan. Oleh itu, bagi pengurus majlis taklim penyelidik mencadangkan supaya sentiasa meningkatkan kemahiran dalam bidang pengurusan. Selain itu prinsip-prinsip dalam pengurusan, terutama prinsip syura haruslah sentiasa diamalkan bagi menetapkan sesebuah program atau bagi menentukan matlamat dalam majlis taklim di tempatnya..

Kajian ini mendapati bahawa sokongan dari persekitaran sama ada dari pemerintah dan masyarakat adalah perkara yang penting bagi berjayanya sebuah majlis taklim. Kerananya bagi masyarakat penyelidik mencadangkan agar sentiasa memberikan masukan berupa idea-idea yang membangun bagi kemajuan majlis taklim di masa hadapan dengan cara baik. Masalah kewangan sepatutnya dapat diselesaikan jika terwujud kerjasama yang baik antara sesama jemaah, pengurus dan pemerintah. Selain itu seluruh pihak, sama ada guru agama, pengurus dan jemaah agar dapat bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu untuk menjadi bekal kebahagiaan di dunia dan akherat.

### **5.3.4 Pengkaji Yang Akan Datang**

Kajian ini adalah sebuah kajian yang masih bersifat umum yang meninjau pengurusan majlis taklim di Sumatera Selatan dari aspek persepsi penyuluh agama. Kerananya perlu dilanjutkan dan diperincikan lagi skop kajiannya oleh para pengkaji yang akan datang, ke dalam aspek-aspek yang ada dalam pengurusan seperti menilai para penceramah atau guru agama, pengurus dan isi kandungan yang disampaikan dalam majlis taklim dengan menjadikan para jemaah sebagai respondennya.

Penyelidik juga mencadangkan agar kajian yang dilaksanakan pada masa hadapan dilakukan dengan bentuk lain, seperti kajian korelasi, kajian kes, atau kajian perbandingan sebab akibat. Penyelidik berharap bahawa kajian ini dapat menjadi perintis bagi munculnya kajian-kajian serupa bagi menguatkan asas-asas atau teori-teori pengurusan majlis taklim atau kelas agama dan bagaimana pelaksanaannya dalam sesebuah wilayah di Nusantara.

Peneliti juga mencadangkan kepada pengkaji berikutnya untuk menyelidiki sebuah kajian kes tentang majlis taklim yang terbaik di mana-mana negeri atau negara untuk dijadikan model panduan oleh majlis taklim yang lainnya. Hal ini sangat penting untuk mengenal pasti sebab-sebab kejayaan sebuah majlis taklim yang berkesan bagi masyarakat di sekitarnya.

Akhirnya penyelidik berharap semoga usaha-usaha untuk memajukan majlis taklim oleh guru agama dan seluruh umat islam di Sumatera Selatan mendapat kejayaan. Pengkaji juga berharap semoga kajian ini dapat bermanfaat bagi pelbagai pihak sebagai maklumat dan kajian ilmiah tentang pengurusan majlis taklim di Provinsi Sumatera Selatan.



## BIBLIOGRAFI

### Buku Melayu

- A. Rasyad Shaleh (1977), *Management Da'wah Islam*, Jakarta: Bulan Bintang
- A.M Romly (2004), *Penyuluhan Agama Menghadapi Tantangan Baru*, Jakarta: PT Bina Rena Pariwara.
- Ab. Aziz Mohd Zin (1994), Kajian Mengenai Keberkesanan Kelas-Kelas Agama di Pejabat-Pejabat Kerajaan di Wilayah Kuala Lumpur, *Medium*, III.
- \_\_\_\_\_ (2003) *Pengantar Dakwah Islamiah*, cet. 3, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- \_\_\_\_\_ (2005), *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, cet. 3.
- Abdurrahman Al-Nahlawi (1995), *Pendidikan Islam di Rumah, Sekolah dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991), *Pengurusan Dalam Islam*. (terj.) Abd Rashid Ngah dan Jusoh Kadir, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akademi Pengurusan YPEIM (2005), *Pengurusan Dalam Islam: Menghayati Prinsip dan Nilai Qur'ani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd.
- Azlina Bt Abdul Aziz, (2001), "Tanggapan Kaki Tangan Perkhidmatan Awam Terhadap Prinsip-prinsip Pengurusan Islam", (Projek Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya).
- Azman Che Umar (2001), *Pengurusan di Malaysia dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azyumardi Azra (1994), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Bandung: Mizan.
- Badan Perencanaan Pembangunan Nasional BAPPENAS (2009), *Evaluasi Tiga Tahun Rencana Pembangunan Jangka Menengah Nasional (RPJMN) tahun 2004 – 2009 di Provinsi Sumatera Selatan, Bersama Mencapai Perubahan*. Palembang: Laporan Universiti Sriwijaya,
- Berhanudin Abdullah (2000), "Pentadbiran Organisasi Dakwah". dalam Abdul Ghafar Don, Berhanudin Abdullah dan Zulkiple Abd. Ghani (2000), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chek Mat (2005), *Kursus Pengurusan Program*. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributor Sdn. Bhd.
- Damis, S.Ag, M.Pd.I. (2002), "Majlis Taklim Sebagai Wadah Pembinaan Umat: Telaah atas peran Majlis Taklim sebagai sarana penerapan ajaran Islam". (Disertasi, Pendidikan Islam. IAIN/UIN Alaudin Makasar).

- Departemen Agama (2006), *Pelaksanaan Bimbingan dan Kurikulum Majelis Taklim*. Palembang: Kantor Wilayah Provinsi Sumatera Selatan
- \_\_\_\_\_ (2002), *Pedoman Pembentukan Kelompok Sasaran*. Jakarta: Departemen Agama.
- \_\_\_\_\_ (2003), *Buku Pedoman Seleksi Penyuluh Agama Teladan*. Jakarta: Departemen Agama.
- \_\_\_\_\_ (2003), *Petunjuk Teknis Pelaksanaan Jabatan Fungsional Penyuluh Agama dan Angka Kreditnya*. Jakarta: Departemen Agama.
- \_\_\_\_\_ (2004), *Panduan Tugas Operasional Penyuluh agama Islam Utama*. Jakarta: Departemen Agama.
- Djohan Hanafiah (1988), *Masjid Agung Palembang Sejarah dan Masa depannya*. Jakarta: CV Haji Masagung. h. 3.
- \_\_\_\_\_ (1995), *Melayu-Jawa Citra Budaya dan Sejarah Palembang*. Jakarta: PTRaja Grafindo Persada, h. 15-16.
- Ensiklopedi Islam 3, "Masjid" Jakarta: PT Ihtiar Van Hoeve.
- Erzy Izanur'ain binti Haron (2008), "Perkembangan Program Pertubuhan Dakwah di Kuala Lumpur". (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur).
- Fakhrul Adabi (2007) "Keberkesanan Kelas Agama di Masjid Daerah Hulu Langat Selangor", *Jurnal Usuluddin*, bil. 25.
- \_\_\_\_\_ (2006), "Kelas Agama di Masjid-masjid Daerah Hulu Langat: Kajian Tentang Persepsi Masyarakat dan Keberkesanannya". (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Fariza Md. Sham dan Idris Zakaria (2006), "Peranan Dakwah dalam Pembangunan Modal Insan : Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam di Malaysia," (Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan 2006, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).
- Fathi Yakan (1994), *Halangan-halangan Dakwah*. (terj.) Drs. Ahmad Rofai Ayuddin et.al. Kuala Lumpur: al-Kautsar, h.64.
- Haji Sham bin Haji Amin (2007), "*Peranan Imam dalam Pembangunan Masyarakat Brunei*". (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.)
- Hasbullah (1996), *Kapita Selekta Pendidikan Islam*. Jakarta, PT. Raja Grafindo Persada.

- Husni Rahim (1998), *Sistem Otoritas dan Administasi Islam, Studi Tentang Pejabat Agama Masa Kesultanan dan Kolonial di Palembang*. Jakarta: Logos.
- Idris Awang (2001), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publication.
- \_\_\_\_\_ (2009), *Penyelidikan Ilmiah Amalan dalam Pengajian Islam*. Selangor: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- J.L. Van Sevenhoven (1971), *Lukisan Tentang Ibukota Palembang*. Sugarda Purbakawatja, (terj.) Djakarta: Bhratara. terjemahan dari *Beschrijving van de Hoogdplaats van Palembang* yang diterbitkan dalam VBGKW, IX, 1825, h. 41-126. Belanda
- Jaafar Muhammad (1997), *Asas Pengurusan*. cet.6, Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jalaludin (2001), *261 Tahun Masjid Agung dan Perkembangan Islam di Sumatera Selatan*. Palembang: Panitia Renovasi Masjid Agung Palembang.
- James A.F. Stoner dan Charles Wankel (1989), *Pengurusan*. Edisi Ketiga, Ya'acob Ibrahim, (terj.), Petaling Jaya: Amiza.
- Jeroan Peeters (1998), *Kaum Tuo-Kaum Mudo: Perubahan Religius di Palembang 1821-1942*. Jakarta: INIS.
- Juhary Haji Ali dan Ishak Ismail (2004), *Prinsip dan Amalan Pengurusan*. cet. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- K.H.O. Gajah Nata dan Edi Sasono, Ed. (1986), *Masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*. Jakarta: UI Press.
- Karel A. Steenbrink (1984), *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia*. Jakarta: Bulan Bintang.
- Khadijah Munir (2007), "Peningkatan Kualitas Majelis Taklim Menuju Akselerasi dan Eskalasi Pemberdayaan Umat", *Jurnal Harmoni*, Volume VI, Nombor 24, Oktober-Desember 2007, Jakarta: Pusat Kehidupan Keagamaan Badan Litbang & Diklat Departemen Agama.
- Khatib Pahlawan Kayo, (2007), *Manajemen Dakwah, Dari Dakwah Konvensional Menuju Dakwah Profesional*. Jakarta: Amzah.
- Kms. H. Andi Syarifuddin (2008), "Peranan Syekh Abdus Somad Al-Palembani dalam Penyebaran Tarekat Sammaniyah di Sumatera Selatan", (Kertas Kerja pada Symposiom Nasional Jejak Langkah Wali Allah di Sumatera Selatan, Palembang: Fakulti Adab IAIN Raden Fatah Palembang, 3 Desember 2008.)
- M. Chatib Quzwain (1996), *Mengenal Allah, Suatu Kajian Mengenai Ajaran Tasauf Abdul Shamad Al-Palimbani*. Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- M. Shaleh (2010), "Peranan Majelis Taklim Dalam Meningkatkan Pengetahuan Agama Umat : Kasus Majelis Taklim Al-Mu'minin Ujanmas Baru Kecamatan Ujanmas

Kabupaten Muara Enim. (Disertasi, Jabatan Ilmu Pendidikan Islam, IAIN Raden Fatah Palembang).

Mahyudin Bin Abu Bakar (2007), *Aktiviti Dakwah Di Masjid Di Bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) : Satu Penilaian*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004), *Pembangunan Organisasi di Malaysia: Projek Pendidikan*. Skudai, Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohammad Hasmi Abu Hassan Asaari dan Noorliza Karia (2003), *Pengantar Pengurusan*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.

Mohammad Natsir (2006), *Fiqhud Da'wah*. cet. XIII, Jakarta: Media Dakwah.

Mohd Yusuf Ahmad (2002), *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Mohd. Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Mohd. Najib A. Ghafar (1998), *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.

Muhammad Amahzun (2006), *Manhaj Dakwah Rasulullah*. cet. 2, Jakarta: Qisthi Press.

Muhammad Yasin Mazhar Siddiqui (1993), *Organisasi Kerajaan Pimpinan Rasulullah* (terj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Yusuf Khalid (2002), "Peranan Tarekat Tasawuf dalam Dakwah Islamiyah", dalam *Isu Dakwah dan Kemanusiaan dalam era Globalisasi*, Kuala Lumpur: Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam Kolej Universiti Islam Malaysia.

Mustafa Haji Daud (1997) *Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan.

Nana Rukmana (2009), *Manajemen Masjid*. Bandung: MQS PUBLISHING.

Profil Propinsi Republik Indonesia (1992), *Sumatera Selatan*, Jakarta : Pemrakarsa.

Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), Ilmu dan Kepimpinan Islam. Nor Raudah Hj. Siren, Yusmini Mohd. Yusoff dan Mahmudah Hj. Nawawi, *Dakwah Islam Semasa Konsep dan Pelaksanaan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*. Syah Alam: Umma Media Sdn. Bhd.

Slamet Mulyana (1968), *Runtuhnya Keradjaan Hindu Jawa dan Timbulnya Negara-negara Islam di Nusantara*. Jakarta: Bhratara.

Sri Haningsih (2009), "Peranan Majlis Taklim Dalam Kehidupan Umat", (Kertas Kerja, pada Workshop Manajemen Majlis Taklim Pondok Pesantren di Hotel Satya Graha Yogyakarta, 11 Maret 2009)

- Syarul Azman bin Shaharudin (2006), "Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame' Bandar Baru, Sri Petaling Kuala Lumpur" (Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Akademi pengajian Islam Universiti Malaya).
- Syed Othman al-Habshi (1997), "Kepentingan Pengurusan dalam Dakwah Islamiah", (penyunting) Abdullah Muhammad Zin, Che Yusoff Che Mamat, dan Ideris Endot (1997), Prinsip dan Kaedah Dakwah dalam arus Pembangunan Malaysia, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 112.
- Taufiq Abdullah (1987), *Islam dan Masyarakat, Pantulan Sejarah Indonesia*. Jakarta: LP3S.
- Teuku Iskandar (2007), *Kamus Dewan*, Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tuty Alawiyah (1997), *Strategi Dakwah di Lingkungan Majelis Taklim*. Bandung: Mizan.
- Uka Tjandrasasmita dan Hasan Muarif Ambari (1986), Sejarah Masuknya Islam ke Sumatera Selatan, dalam K.H.O. Gajah Nata dan Edi Sasono, ed. (1986), *Masuk dan berkembangnya Islam di Sumatera Selatan*, Jakarta: UI Press.
- Universiti Malaya (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Wahyu Ilahi dan Harjani Hefni (2007), *Pengantar Sejarah Dakwah*. Jakarta: Kencana.
- Widji Saksono (1995), *Mengislamkan Tanah Jawa: Telaah Atas Metode Dakwah Walisongo*. Bandung: Mizan.
- Yaakob bin Abdul Rahim (1996), "Keupayaan Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur sebagai Pusat Pembangunan Belia Setempat dari Pandangan Pegawai dan Ahli Jawatan Kuasa". (Master Sains, Kuala Lumpur: Universiti Pertanian Malaysia).
- Yusof Ismail (1991), *Mengurus Secara Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit A.S Noordeen.
- Zulkifli (1999), *Ulama Sumatera Selatan Pemikiran Dan Peranannya Dalam Lintasan Sejarah*. Palembang : Universitas Sriwijaya.

## **Buku Arab**

Abī Dāud, Sulaimān bin al Ash'ath al Sijistāni al Azdī, (tt), *Sunan Abi Dāud*, (mualiq) Muhammad Muhyiddīn 'Abdul Ḥamīd, Dār Iḥyā al-Sunnah al Nabawiyah, Jilid 2.

Abī Īsā Muhammad ibn 'Īsā ibn Saurah (1976), *al-Jami` al-Ṣaḥīḥ : wa huwa Sunan al-Tirmidhī*, (pentahkik) Muhammad Fūad 'Abdu al Bāqī, Cet. III Matba`at Mustafa al-Bābī al-Ḥalabī wa Awladih, Jilid 3.

Bukhari al Jughfi, Abī Abdullah Muhammad ibn Ismāīl bin Ibrāhīm ibn Mughīrah ibn Bardizbah al (tt), *Ṣaḥīḥ al Bukhāri*. Kaherah: Dār al Hadīth, Jilid 5.

Ghalush, Ahmad Ahmad (tt), *al-Da'wah al-Islamiyyah usuluha wa wasāiluhā*. Kaherah: Dār al-Kitāb.

Naisābūrī, Abī Al-Husain Muslim ibn al Hajjāj al Qushairī al (1955) *Ṣaḥīḥ Muslim*. (pentahkik) Muhammad Fūad 'Abdu al Bāqī, Dār Iḥyā Kutub al 'Arabiyyah, Jilid I.

Sayyid Naufal, Abu al-Majd al (1977), *al-Da'wah Islāmiyyah Khaṣāiṣuhā, Muqowwamatuhā wa Manhajuhā*, Kaherah: Maktabah al Ḥaḍarah al 'Arabiyyah

## **Buku Inggeris**

Chuck Williams (2005), *Management*. cet. 3. United States of America: Thomson South-Western.

Drewes, G.W.J. (1977), *Direction For Travellers on the Mystic Path*, The Hague.

Shalaby, Ahmad (1954), *History of Muslim Education*. Beirut: Dār Al Kashshāf.

Terry, George R. (1977), *Principles of Management*, seventh edition, Illinois: Richard D. Irwin, INC.

Wellan, JWJ (1939), *Bijdrage tot de Geschiedenis van de Masjid Lama te Palembang*, Culturrel Indie, vol. 1.

## **Laman Web**

<http://www.sumselprov.go.id/index.php?module=content&id=2>, 25 Jun 2009, 3:19

<http://sumsel.bps.go.id/datastatistik>, *Sumatera Selatan Dalam Angka*, 25 Jun 2009 3.59

<http://www.babelprov.go.id/content/sekilas-sejarah>, Isnin 7 Disember 2009

## **Temu Bual**

Siharudin MS, Drs. H M.Pd.I, Kepala Bidang Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Wilayah Departemen Agama Provinsi Sumatera Selatan, Rabu, 02 Desember 2009 jam 13.30

Azmi Ahmad, S.Pd, Kepala Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Departemen Agama Kota Palembang, Khamis, 03 Desember 2009, jam 10.00

Syamsuri, Drs Ketua Kelompok Kerja Penyuluh (POKJALUH) di Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Departemen Agama Kabupaten Ogan Ilir. Kamis, 03 Desember 2009, jam 14.30

Ali Ghufuran, Drs, Kepala Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Departemen Agama Kota Prabumulih, Jum'at, 04 Desember 2009 Jam 10.00

Badariah Yusuf, Dra. kaki tangan pada Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Departemen Agama Kabupaten Muara Enim, Jum'at 04 Desember 2009 Jam 02.30

Amir Hamzah, kaki tangan Seksi Penamas & Pemberdayaan Masjid, di Kantor Departemen Agama Kabupaten Lahat. Sabtu, 05 Desember 2009 Jam 08.30

